05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGLIBATAN MURID BERMASALAH PENDENGARAN DALAM AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI BILIK DARJAH

SYAMSINAR BINTI ABDUL JABAR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN KHAS

FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI

2013

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

10 Oktober 2013

SYAMSINAR BINTI ABDUL JABAR
P 51072

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah kepada Allah S.W.T kerana memberikan saya kesihatan yang baik dan fikiran yang waras untuk menyiapkan kajian ini. Jutaan terima kasih saya tujukan kepada penyelia saya Prof. Madya Dr. Manisah Mohd. Ali atas bantuan yang begitu besar, bimbingan, teguran dan nasihat yang amat berguna sepanjang kajian ini dijalankan.

Tidak dilupakan juga terima kasih saya kepada suami dan keluarga tercinta yang telah banyak memberikan sokongan dan memahami kepayahan yang dilalui sepanjang tempoh menyiapkan kajian ini. Ucapan terima kasih ini juga ditujukan kepada pihak sekolah yang telah membenarkan kajian ini dijalankan serta kepada guru-guru dan murid-murid yang telah memberikan kerjasama yang amat baik sepanjang saya berada di sekolah. Akhir sekali ucapan terima kasih saya tujukan kepada rakan-rakan sekuliah dan rakan-rakan sekerja yang telah membantu secara langsung mahupun tidak langsung di dalam menyiapkan kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian kes ini dijalankan untuk meninjau pandangan guru terhadap penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dan Matematik serta mengenal pasti faktor penggalak dan penghalang penglibatan murid di dalam aktiviti berkenaan. Kajian ini melibatkan empat orang murid bermasalah pendengaran, seorang guru Matematik dan seorang guru Bahasa Melayu. Instrumen kajian merupakan satu set borang senarai semak pemerhatian digunakan untuk mengumpul data berkenaan tahap penglibatan murid di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dan Matematik. Protokol temu bual digunakan untuk menemu bual guru dan murid bagi mengetahui faktor-faktor penggalak dan penghalang penglibatan murid di dalam bilik darjah. Data temu bual pula dianalisis dengan mentranskripsikan ke dalam bentuk verbatim dan diberikan tema-tema berdasarkan persoalan kajian. Hasil kajian mendapati murid menunjukkan tahap penglibatan tinggi dari aspek persediaan peralatan pembelajaran di dalam kedua-dua mata pelajaran. Tahap penglibatan yang tinggi juga ditunjukkan dalam aspek latihan di papan putih bagi mata pelajaran Bahasa Melayu. Faktor penggalak kepada penglibatan murid adalah pendekatan pengajaran guru, minat terhadap mata pelajaran, perhatian dan galakan daripada guru, alat bantu mengajar yang menarik dan bantuan daripada rakan sekelas. Faktor penghalang pula adalah sikap murid, masalah komunikasi, masalah alat bantu pendengaran dan penggunaan alat bantu mengajar yang kurang menarik. Kajian ini memberi implikasi bahawa murid bermasalah pendengaran boleh menunjukkan penglibatan tinggi di dalam aktiviti bilik darjah sekiranya mendapat galakan dan bimbingan daripada guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PARTICIPATION IN THE CLASSROOM TEACHING AND LEARNING ACTIVITIES AMONG STUDENTS WITH HEARING IMPAIRMENTS

ABSTRACT

This case study was conducted to explore the perceptions of teachers of hearing impaired students involved in the teaching and learning activities in the classroom for Bahasa Melayu and Mathematics as well as identifying the encouragement and factors in student participation in the activity. The study was also carried out to examine factors that encourage and discourage pupils' participation in both Bahasa Melayu and Mathematics subject. The study involved four students with hearing impairments and also two teachers who teaches Bahasa Melayu and Mathematics respectively. An observation checklist was used to obtain data concerning the level of pupils' participation in the teaching and learning activities of Bahasa Melayu and Mathematics subject. Interview protocols were used on teachers and pupils to identify factors that either encourage or discourage pupils' participation in classrooms activities. Interview data were transcribed verbatim and themes were given according to research questions. From this study it was found that students showed a high level of participation in terms of preparation of learning tools in both classrooms. High level of participation was also reflected in whiteboard written works, during Bahasa Melayu lessons. Students' participation in the classrooms activities were encouraged by teachers' teaching approaches, interest in the subject, attention and encouragement from teachers, attractive teaching aids and support from the classmates. Factors that discouraged students' participation were attitude of the students themselves communication problems, problems with hearing aids and the use of less attractive teaching aids. This study implies that students with hearing impairment can show a high level of involvement in classroom activities if they received encouragement and guidance from the teachers.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

		Halaman
PENGAKUAN		ii
PENGHARGAAN		iii
ABSTRAK		iv
ABSTRACT		v
KANDUNGAN		vi
SENARAI JADUAL		xi
SENARAI ILUSTRASI		xii
BAB I	**PENDAHULUAN**	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar belakang kajian	1
1.3	Permasalahan kajian	4
1.4	Tujuan kajian	7
1.5	Objektif kajian	7
1.6	Persoalan kajian	7
1.7	Kerangka konseptual kajian	8
1.8	Batasan Kajian	10
1.9	Definisi operasional	10
	1.9.1 Penglibatan	10
	1.9.2 Murid bermasalah pendengaran	10
	1.9.3 Bilik darjah	10
1.10	Kesimpulan	11
BAB II	**TINJAUAN LITERATUR**	
2.1	Pendahuluan	12
2.2	Pendekatan pengajaran dan pembelajaran murid bermasalah pendengaran dalam bilik darjah	12

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3	Teori tingkah laku Skinner	14
2.4	Kesan kepekakan terhadap tingkah laku murid bermasalah pendengaran dalam penglibatan bilik darjah	16
2.5	Penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti bilik darjah	18
2.6	Faktor penggalak penglibatan bilik darjah	19
2.7	Faktor penghalang penglibatan bilik darjah	20
2.8	Kesimpulan	23
BAB III	**METODOLOGI KAJIAN**	
3.1	Pendahuluan	25
3.2	Reka bentuk kajian	25
3.3	Subjek kajian	25
	3.3.1 Subjek kajian murid bermasalah pendengaran	26
	3.3.2 Subjek kajian guru pendidikan khas	27
3.4	Lokasi kajian	28
3.5	Instrumen kajian	28
	3.5.1 Borang pemerhatian	28
	3.5.2 Protokol temu bual guru	29
	3.5.3 Protokol temu bual murid	29
3.6	Kesahan dan kebolehpercayaan data	30
	3.6.1 Kebolehpercayaan data	30
	3.6.2 Kesahan	30
3.7	Kajian rintis	31
3.8	Tatacara pemerolehan data	32
3.9	Tatacara penganalisisan data	33
	3.9.1 Analisis data pemerhatian	34
	3.9.2 Analisis data temu bual	34
3.10	Kesimpulan	35

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB IV	**DAPATAN KAJIAN**	
4.1	Pengenalan	36
4.2	Penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah	36
	4.2.1 Penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah mata pelajaran Bahasa Melayu	36
	4.2.2 Penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah mata pelajaran Matematik	39
4.3	Pandangan guru terhadap penglibatan murid bermasalah pendengaran dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah	41
	4.3.1 Penglibatan murid secara keseluruhan	41
	4.3.2 Perbezaan penglibatan berdasarkan alat bantu pendengaran	42
	4.3.3 Tingkah laku murid	43
	4.3.4 Tumpuan dalam pengajaran dan pembelajaran	44
	4.3.5 Kerja bertulis (lembaran kerja)	45
	4.3.6 Kerja bertulis (papan putih)	46
4.4	Faktor penggalak penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti bilik darjah	48
	4.4.1 Faktor penggalak penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti bilik darjah	48
4.5	Faktor penghalang penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti bilik darjah	53
	4.5.1 Faktor penghalang penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti bilik darjah	53
4.6	Kesimpulan	58
BAB V	**PERBINCANGAN DAN RUMUSAN**	
5.1	Pengenalan	59
5.2	Ringkasan kajian	59
5.3	Perbincangan dapatan kajian	60
	5.3.1 Penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah	61
	5.3.2 Pandangan guru terhadap penglibatan murid	63

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	bermasalah pendengaran dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah	
	5.3.3 Faktor penggalak penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti bilik darjah	65
	5.3.4 Faktor penghalang penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti bilik darjah	68
5.4	Implikasi dapatan kajian	70
	5.4.1 Implikasi teoretikal	70
	5.4.2 Implikasi kepada amalan	71
	5.4.3 Implikasi kepada polisi	73
5.5	Cadangan kajian lanjutan	74
5.6	Kesimpulan	75
RUJUKAN		78
LAMPIRAN		
A	Borang Pemerhatian Penglibatan Murid	83
B	Soalan Temu Bual Guru	84
C	Soalan Temu Bual Murid	85
D	Rubrik Senarai Semak Pemerhatian- Objektif dan Kriteria	86
E	Rubrik Senarai Semak Pemerhatian yang Digugurkan Setelah Dijalankan Kajian Rintis	88
F	Soalan Temu Bual Guru yang Diubah Setelah Disemak Oleh Pakar	89
G	Soalan Temu Bual Murid yang Diubah Setelah Disemak Oleh Pakar	90
H	Soalan Temu Bual Guru yang Diubah Selepas Kajian Rintis Dijalankan	91
I	Jadual Senarai Panel Pakar	92
J	Transkrip Temu Bual Guru Bahasa Melayu	93
K	Transkrip Temu Bual Guru Matematik	97
L	Transkrip Temu Bual Murid 1	102

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

M	Transkrip Temu Bual Murid 2	105
N	Transkrip Temu Bual Murid 3	108

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
3.1	Data demografik murid-murid bermasalah pendengaran	27
3.2	Jadual pengiraan jumlah pemerhatian	32
3.3	Penilaian tahap skor peratusan	34
4.1	Rumusan pandangan guru terhadap penglibatan murid bermasalah pendengaran dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah	47
4.2	Rumusan hasil temu bual mengenai faktor penggalak penglibatan murid bermasalah pendengaran dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah	53
4.3	Rumusan hasil temu bual mengenai faktor penggalak Penglibatan murid bermasalah pendengaran dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah	57

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI ILUSTRASI

No. Rajah		Halaman
1.1	Kerangka konseptual kajian	9

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Bab ini membincangkan tentang pendidikan murid-murid bermasalah pendengaran di Malaysia serta penglibatan mereka dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Pendidikan bagi kanak-kanak bermasalah pendengaran di Malaysia bermula daripada peringkat intervensi awal, pra sekolah sehinggalah ke peringkat sekolah menengah. Walaupun mereka belajar menggunakan kurikulum yang sama dengan murid tipikal tetapi kaedah pengajarannya adalah berbeza. Proses pengajaran murid-murid bermasalah pendengaran dilaksanakan dengan menggunakan komunikasi seluruh *(total communication)*.

Walaupun murid-murid bermasalah pendengaran ini belajar menggunakan komunikasi seluruh, ia tidak menghalang mereka untuk melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah. Namun begitu, penglibatan murid bermasalah dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran masih lagi dikatakan di tahap sederhana (Power & Hyde 2002; Borders et al. 2010). Oleh itu, satu usaha perlu dilakukan bagi mengenal pasti faktor berlakunya keadaan tersebut bagi mempertingkatkan penglibatan aktif mereka di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Penglibatan aktif murid di dalam bilik darjah tidak terhad kepada murid-murid tipikal yang belajar di kelas aliran perdana. Penglibatan murid yang mengalami masalah pendengaran yang belajar di sekolah khas, program inklusif mahupun program

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pendidikan khas integrasi juga perlu diberikan perhatian. Di Malaysia, murid berkeperluan khas pada masa ini mempunyai akses kepada pendidikan dan boleh memilih satu daripada tiga opsyen persekolahan berikut iaitu sekolah pendidikan khas, program integrasi pendidikan khas dan program pendidikan inklusif. Sekolah pendidikan khas merupakan sekolah khas dengan semua murid diklasifikasikan sebagai kurang upaya (seperti murid bermasalah pendengaran dan masalah penglihatan). Manakala program integrasi pendidikan khas pula merupakan program yang disediakan di sekolah arus perdana yang mempunyai kelas khusus untuk murid berkeperluan khas. Program pendidikan inklusif merupakan program yang dilaksanakan di sekolah arus perdana yang mengintegrasikan satu hingga lima murid berkeperluan khas dalam kelas arus perdana (KPM 2013).

Program Sekolah Pendidikan Khas ditadbir sepenuhnya oleh Bahagian Pendidikan Khas manakala Program Pendidikan Khas Integrasi dan Program Pemulihan Khas ditadbirkan sepenuhnya oleh Jabatan Pelajaran Negeri. Semua sekolah rendah dan menengah pendidikan khas bermasalah pendengaran menawarkan aliran akademik dan menggunakan Kurikulum Kebangsaan. Murid-murid berkeperluan khas yang mengikuti Program Pendidikan Khas Integrasi boleh mengikuti kurikulum kebangsaan atau kurikulum alternatif. Bagi murid-murid bermasalah pendengaran mereka menggunakan kurikulum kebangsaan manakala murid-murid bermasalah pembelajaran menggunakan kurikulum alternatif (KPM 2008). Pendidikan untuk murid bermasalah pendengaran bermula daripada peringkat intervensi awal, pra sekolah hingga ke tingkatan enam atas. Pendidikan di peringkat sekolah rendah mengambil masa selama lapan tahun dan bagi peringkat sekolah menengah pula selama tujuh tahun. Mereka belajar menggunakan kurikulum dan buku teks yang sama, tetapi kaedah pengajarannya adalah berbeza. Proses pengajaran kepada kanak-kanak pekak dilakukan menggunakan komunikasi seluruh *(total communication)*. Dalam aspek peperiksaan pula, mereka menduduki semua peperiksaan seperti yang diduduki oleh kanak-kanak tipikal (Mohd.Hanafi et al. dalam Zalizan 2012).

Pembelajaran bagi murid bermasalah pendengaran adalah sama seperti murid di kelas arus perdana, maka penglibatan mereka dalam aktiviti pengajaran dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran perlu diberi perhatian. Ini kerana penglibatan aktif murid di dalam aktiviti pengajaran akan menggalakkan pembelajaran di dalam sesebuah bilik darjah. Selain menggambarkan pemahaman murid terhadap pengajaran guru, penglibatan yang aktif di dalam aktiviti kelas memberikan peluang kepada mereka untuk belajar dan memberikan pendapat terhadap pengetahuan baru yang diperoleh. Terdapat beberapa cara murid boleh melibatkan diri di dalam aktiviti bilik darjah. Antaranya ialah memberikan pandangan atau idea secara spontan, menjawab soalan guru secara sukarela, menjawab soalan apabila diminta oleh guru, membuat latihan di papan hitam, bertanyakan kepada guru mengenai tugasan dan menyiapkan kerja bertulis di dalam kelas. Selain itu, murid juga boleh melibatkan diri di dalam kelas dengan hanya melihat, mendengar dan berfikir (Turner & Patrick 2004).

Penglibatan murid di dalam pengajaran dan pembelajaran sesebuah bilik darjah boleh diukur melalui penglibatan secara boleh diperhatikan dan tidak boleh diperhatikan. Penglibatan yang boleh diperhatikan dengan mata kasar adalah seperti bersoal jawab dengan guru, menjawab soalan secara sukarela dengan mengangkat tangan, membuat aktiviti bertulis dan mencatat nota. Manakala penglibatan yang tidak dapat diperhatikan dengan mata kasar adalah seperti duduk diam sambil mendengar sahaja apa yang diperkatakan oleh guru tanpa memberikan sebarang reaksi secara fizikal (Hartley 2000). Selain itu juga, tingkah laku seperti menjawab soalan secara sukarela, menjawab soalan apabila dipanggil oleh guru, membuat kerja bertulis di papan putih, bertanyakan kepada rakan atau guru berkenaan tugasan serta menyiapkan kerja bertulis yang diberikan oleh guru juga turut dilihat di dalam menilai tahap penglibatan murid di dalam bilik darjah (Hartley, Kehle & Bray 2002).

Definisi mengenai penglibatan yang telah ditakrifkan di dalam kebanyakan literatur kebanyakannya merujuk kepada tingkah laku tertentu yang dilakukan oleh murid seperti menjawab dan menyoal soalan. Misalnya, Bippus dan Young (2000) mendefinisikan penglibatan sebagai melibatkan diri di dalam perbincangan kelas dan menahan diri daripada melakukan tingkah laku yang negatif. Petress (2006) pula telah mendefinisikan penglibatan sebagai mengandungi tiga dimensi penilaian iaitu kuantiti, boleh dipercayai dan kualiti. Petress menerangkan kuantiti yang dimaksudkan ialah peluang yang diberikan kepada murid untuk melibatkan diri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Boleh dipercayai pula merujuk kepada penglibatan murid yang menyumbang kepada kerelevanan, kejelasan dan rasa hormat kepada guru apabila dipanggil di dalam kelas. Kualiti penglibatan kelas pula merujuk kepada murid yang menunjukkan kesedaran kendiri kepada konsep yang dikemukakan di dalam perbincangan bilik darjah. Kualiti penglibatan ini melibatkan kekerapan interaksi murid dengan guru ketika perbincangan berlangsung.

Penglibatan murid di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah dikatakan sebagai satu tabiat kerja yang berharga atas beberapa sebab yang berikut. Antaranya ialah penglibatan aktif murid di dalam aktiviti bilik darjah dapat memberikan peluang kepada mereka untuk belajar dan mempraktikkan ilmu baru, menerangkan sesuatu perkara yang mereka fikirkan dan untuk menyelidik proses pemikiran serta mengenal pasti keperluan berfikir terhadap perkara baru yang diperkenalkan. Selain itu, ia juga dapat membantu guru menyelami proses berfikir seseorang murid itu terhadap pengajarannya, mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh murid berkenaan pembelajaran dan menaksir kemajuan murid secara tidak langsung (Turner & Patrick 2004).

Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian-kajian lepas mengenai penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam bilik darjah kebanyakannya melibatkan murid-murid yang belajar di kelas aliran perdana. Misalnya beberapa kajian yang memfokuskan kepada penglibatan murid bermasalah pendengaran yang belajar di kelas inklusif (Borders et al. 2010; Martin et al. 2009; Power & Hyde 2002; Stinson & Liu 1999; Wheeler et al. 2007). Manakala di Malaysia, kajian terhadap murid bermasalah pendengaran lebih memberi fokus kepada pencapaian akademik murid (Shahrul Arba'iah 2002). Masih kurang lagi kajian yang melihat kepada penglibatan murid bermasalah pendengaran dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah khas mahupun di program percantuman atau integrasi.

Kajian mengenai penglibatan murid bermasalah pendengaran perlu dilakukan kerana berdasarkan kajian-kajian lepas, penglibatan murid bermasalah pendengaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah dikatakan masih berada di tahap sederhana (Borders et al. 2010; Martin et al. 2009; Power & Hyde 2002; Stinson & Liu 1999; Wheeler et al. 2007). Tahap penglibatan sederhana yang ditunjukkan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran ini boleh menjuruskan kepada risiko murid bermasalah pendengaran terus ketinggalan dalam sistem persekolahan. Hal ini kerana murid yang tidak menunjukkan penglibatan aktif dalam pengajaran dan pembelajaran sering kali dikaitkan dengan ketidakfahaman mereka terhadap pelajaran yang diajar. Sekaligus menyebabkan murid akan ketinggalan dalam pelajaran dan gagal dalam akademik (Borders et al. 2010).

Kajian-kajian terdahulu telah membuktikan terdapat jurang penglibatan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di antara murid bermasalah pendengaran dengan rakan tipikal mereka (Borders et al. 2010; Martin et al. 2009; Power & Hyde 2002). Murid bermasalah pendengaran dikatakan tidak menunjukkan penglibatan yang aktif terutamanya ketika guru meminta mereka memberikan cadangan atau pendapat. Penglibatan yang aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di kalangan murid bermasalah pendengaran dirasakan perlu oleh para pengkaji terdahulu kerana ini menunjukkan sama ada mereka faham atau tidak terhadap pengajaran guru (Borders et al. 2010).

Ketidakaktifan penglibatan murid bermasalah pendengaran dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran berkemungkinan dapat dikaitkan dengan dapatan Kritzer (2008). Kritzer (2008) telah merumuskan bahawa murid bermasalah pendengaran kurang aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah kerana pendekatan pengajaran yang digunakan oleh guru kurang sesuai dan bukanlah disebabkan oleh masalah kognitif. Hal ini pernah diutarakan oleh Ansell dan Pagliaro (2006) yang menyatakan murid bermasalah pendengaran akan lebih melibatkan diri dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah jika kaedah pengajaran guru adalah sesuai. Pendapat Kritzer (2008) dan Ansell dan Pagliaro (2006) turut disokong oleh Borders et al. (2010) yang menyatakan salah satu aspek yang mempengaruhi penglibatan aktif murid bermasalah pendengaran dalam pengajaran dan pembelajaran ialah kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pendapat-pendapat ini merupakan satu cabaran kepada guru yang mengajar murid bermasalah pendengaran kerana ketidakaktifan murid dilihat sebagai kegagalan guru.

Isu yang timbul dalam konteks guru yang mengajar murid bermasalah pendengaran ialah dari segi pendekatan pengajaran yang digunakan oleh guru dikatakan kurang sesuai dan menyebabkan murid kurang berminat untuk melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, galakan dan sokongan daripada guru juga amat diperlukan oleh murid bermasalah pendengaran dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran terutamanya ketika aktiviti perbincangan berkumpulan dijalankan (Stinson & Liu 1999; Power & Hyde 2002).

Selain daripada melihat dari aspek peranan guru kepada penglibatan aktif murid bermasalah pendengaran dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran, kajian mengenai perbezaan penglibatan murid di dalam dua mata pelajaran yang berlainan juga masih kurang dijalankan. Kebanyakan kajian yang dijalankan sebelum ini hanya melihat penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam satu mata pelajaran sahaja. Antaranya ialah kajian yang dijalankan oleh Borders et al. (2010) yang meninjau penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris. Dapatan daripada kajian Borders et al. (2010) telah mencadangkan agar satu kajian dijalankan bagi melihat penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam dua mata pelajaran yang berbeza terutamanya yang melibatkan pengiraan dan bahasa bagi mengenal pasti dengan lebih mendalam bagaimana murid bermasalah pendengaran melibatkan diri dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah. Ini kerana murid bermasalah pendengaran sering kali dikatakan kurang menguasai mata pelajaran yang berbentuk bahasa disebabkan oleh pemerolehan bahasa yang lambat (Tomblin et al. 1999 & Figueras et al. 2008). Apabila mereka kurang menguasai bahasa maka penglibatan mereka di dalam aktiviti bilik darjah juga akan menjadi kurang aktif (Borders et al. 2010). Justeru, kajian ini dapat memberikan maklumat sama ada murid bermasalah pendengaran lebih melibatkan diri dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah bagi mata pelajaran Matematik ataupun Bahasa Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.4 TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk meneroka penglibatan murid bermasalah pendengaran dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah serta melihat faktor-faktor yang menjadi penggalak dan penghalang kepada penglibatan murid bermasalah pendengaran dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah.

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan tujuan kajian, objektif-objektif kajian dijelaskan seperti berikut untuk:

a. Mengenal pasti penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah.
b. Meninjau pandangan guru terhadap penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah.
c. Mengenal pasti faktor penggalak kepada penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah.
d. Mengenal pasti faktor penghalang kepada penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah.

1.6 PERSOALAN KAJIAN

Melalui kajian yang dijalankan ini diharap dapat memberikan jawapan kepada persoalan berikut:

1. Bagaimanakah penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah?
2. Bagaimanakah pandangan guru terhadap penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah?
3. Apakah faktor penggalak kepada penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah?
4. Apakah faktor penghalang kepada penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7 KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Kerangka konseptual kajian ini dibina berasaskan kepada Teori Tingkah Laku Skinner. Teori ini menumpukan perhatian ke atas aspek tingkah laku manusia yang boleh diperhatikan dan diukur. Tingkah laku yang dilakukan melambangkan pembelajaran berulang dan bagaimana proses pembelajaran berlaku. Teori ini menerangkan tingkah laku negatif atau tingkah laku yang tidak diingini seperti tidak mengikut peraturan bilik darjah dan kurang memberikan tumpuan dalam pengajaran guru memberi kesan kepada penglibatan aktif murid di dalam aktiviti bilik darjah. Berdasarkan kepada teori Skinner ini lagi, bagi mengurangkan tingkah laku yang tidak diingini, guru perlulah segera membetulkan tingkah laku tersebut dengan memberikan hukuman. Hukuman yang diberikan adalah satu proses atau tatacara untuk melemahkan atau mengurangkan tingkah laku yang tidak diingini. Apabila tingkah laku yang tidak diingini tersebut telah dibetulkan, ia dapat meningkatkan tahap penglibatan murid di dalam aktiviti bilik darjah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Dalam konteks kajian kes ini, pengkaji cuba memahami tingkah laku yang ditunjukkan oleh murid bermasalah pendengaran dalam melibatkan diri ketika aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah dijalankan. Selain itu, pengkaji cuba memahami apakah faktor-faktor yang boleh menjadi penggalak dan penghalang kepada penglibatan aktif murid bermasalah pendengaran di dalam bilik darjah. Berpandukan kepada teori Skinner ini, pemberian peneguhan positif atau peneguhan negatif boleh menjadi salah satu faktor penggalak kepada penglibatan aktif murid dalam aktiviti bilik darjah. Misalnya seperti guru memberikan pujian (peneguhan positif) apabila murid berjaya menjawab soalan yang dikemukakan guru, pada masa hadapan akan menggalakkan lagi murid untuk menjawab soalan guru. Contoh bagi peneguhan negatif pula seperti murid berjaya menyiapkan tugasan tepat pada masanya dan guru berhenti memberikan kritikan, pada masa hadapan murid akan menyiapkan tugasan yang seterusnya tepat pada waktunya.

Faktor penghalang kepada penglibatan aktif murid turut dilihat oleh pengkaji di dalam kajian ini. Berdasarkan kepada kajian oleh Stinson dan Liu (1999) dan Power dan Hyde (2002), murid bermasalah pendengaran kurang aktif dalam aktiviti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perbincangan di bilik darjah disebabkan oleh faktor penguasaan bahasa yang kurang seterusnya menghalang mereka untuk berkomunikasi dengan berkesan. Menurut Buhs dan Ladd (2001), murid yang menunjukkan tingkah laku yang tidak diingini seperti tidak menghormati peraturan bilik darjah, tidak mahu terlibat dengan perbincangan kelas dan tidak menyiapkan kerja yang diberikan oleh guru adalah disebabkan oleh faktor pengajaran guru yang kurang menarik dan juga faktor penolakan daripada rakan sekelas. Teori yang dikemukakan oleh Skinner turut menyatakan bahawa guru boleh menjadi faktor penghalang kepada penglibatan aktif murid di dalam aktiviti bilik darjah. Ini kerana guru berperanan membentuk tingkah laku yang positif di kalangan anak muridnya. Sekiranya guru tidak membetulkan tingkah laku yang tidak diingini dengan segera maka murid akan berterusan melakukan kesalahan sehingga mengurangkan penglibatan aktif mereka di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Kerangka konseptual keseluruhan kajian ini ditunjukkan seperti dalam Rajah 1.1.



Rajah 1.1 Kerangka konseptual kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8 BATASAN KAJIAN

Batasan kajian membolehkan pengkaji memberi fokus terhadap skop perbincangan kajian dan menghadkan perluasan kajian. Pendekatan kajian ini adalah berdasarkan kepada batasan-batasan kajian berikut:

i. Murid bermasalah pendengaran yang terlibat sebagai subjek kajian berada di dalam sebuah kelas khas sahaja.

ii. Pemerhatian ke atas murid hanya dilakukan ketika sesi pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dan Matematik sahaja.

iii. Guru yang ditemu bual terhad kepada dua orang sahaja iaitu guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu dan Matematik bagi kelas yang terlibat sahaja.

Oleh kerana jumlah sampel yang terlibat hanyalah daripada sebuah sekolah sahaja, maka kajian ini tidak boleh digeneralisasikan secara menyeluruh terhadap semua murid bermasalah pendengaran.

1.9 DEFINISI OPERASIONAL

Dalam konteks kajian ini, maksud istilah-istilah yang digunakan adalah seperti berikut:

1.9.1 Penglibatan

Perihal melibatkan diri dalam sesuatu hal. (Kamus Dewan Edisi Keempat 2007)

1.9.2 Murid bermasalah pendengaran

Definisi murid bermasalah pendengaran ini merujuk kepada murid pekak atau cacat pendengaran. Namun begitu, dalam sistem pendidikan di Malaysia istilah murid bermasalah pendengaran digunakan bagi menggantikan penggunaan perkataan pekak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Walaupun istilah-istilah tersebut berbeza, namun frasa ini merujuk kepada seseorang yang mengalami kurang pendengaran (lebih 40 dB) sehingga bermasalah untuk memahami pertuturan biasa (Abdullah & Che Raabiah 2004). Sebelum penggunaan istilah bermasalah pendengaran, istilah "pekak bisu", cacat pendengaran dan tuli sering digunakan kepada kumpulan kanak-kanak yang mengalami kehilangan pendengaran teruk dan sangat teruk. Istilah-istilah tersebut membawa satu stigma yang negatif dan kurang disenangi oleh masyarakat. Oleh itu, istilah bermasalah pendengaran digunakan untuk menggantikan istilah pekak, cacat pendengaran, tuli dan pekak bisu (Safani & Mohd. Hanafi dalam Zalizan 2012). Definisi murid bermasalah pendengaran yang diberikan oleh Stewart dan Kluwin (2001) pula merujuk kepada murid yang mengalami darjah kehilangan pendengaran yang teruk sehingga memberi kesan kepada pembelajaran mereka. Murid-murid yang termasuk di dalam kategori murid bermasalah pendengaran ini adalah murid yang mengalami kesukaran mendengar dan pekak. Dalam konteks kajian ini pula, murid bermasalah pendengaran merujuk kepada murid yang mengalami masalah pendengaran teruk atau sangat teruk dengan pemakaian alat bantu dengar dan yang tidak memakai alat bantu dengar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9.3 Bilik darjah

Bilik darjah yang dimaksudkan di sini adalah bilik darjah di dalam kelas khas bermasalah pendengaran yang menempatkan murid-murid bermasalah pendengaran di dalam satu kelas.

1.10 KESIMPULAN

Kajian ini memberi penumpuan kepada penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah dan faktor yang menjadi penggalak serta halangan kepada penglibatan murid tersebut di dalam bilik darjah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB II

TINJAUAN LITERATUR

2.1 PENDAHULUAN

Bab ini merangkumi tinjauan literatur yang dibahagikan kepada enam bahagian. Bahagian pertama tinjauan dimulakan dengan perbincangan tentang kaedah pengajaran dan pembelajaran bagi murid bermasalah pendengaran. Bahagian kedua pula membincangkan tentang teori tingkah laku Skinner. Bahagian ketiga membincangkan kesan kepekakan terhadap tingkah laku murid bermasalah pendengaran dalam penglibatan bilik darjah. Seterusnya, bahagian keempat bab ini membincangkan tinjauan literatur mengenai penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam bilik darjah. Bahagian kelima dan keenam pula membincangkan tentang faktor penggalak dan faktor penghalang penglibatan murid dalam bilik darjah.

2.2 PENDEKATAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MURID BERMASALAH PENDENGARAN DALAM BILIK DARJAH

Pendidikan untuk kanak-kanak bermasalah pendengaran di Malaysia telah bermula sejak tahun 1950 an lagi. Terdapat tiga jenis sistem persekolahan bagi murid-murid bermasalah pendengaran iaitu sekolah pendidikan khas, program integrasi dan program inklusif (KPM 2008). Proses pengajaran dan pembelajaran kepada murid-murid bermasalah pendengaran pula dilaksanakan dengan menggunakan kaedah komunikasi seluruh *(total communication)*. Pendekatan pengajaran secara komunikasi seluruh ini merupakan satu kaedah yang menggabungkan bahasa isyarat, bahasa lisan, mimik muka, bacaan bibir, pergerakan bahasa badan *(body language)* dan ejaan jari ketika guru mengajar. Penggunaan kaedah komunikasi seluruh ini dikatakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

merupakan satu pendekatan yang berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran murid bermasalah pendengaran (Hallahan, Kauffman & Pullen 2012).

Selain menggunakan pendekatan pengajaran secara komunikasi seluruh, penggunaan alat bantu mengajar yang interaktif dikatakan dapat membantu murid bermasalah pendengaran memahami pengajaran guru di dalam bilik darjah. Hal ini telah dibuktikan melalui kajian-kajian yang dijalankan oleh pengkaji-pengkaji lepas (Gentry 2005; Wolbers 2007; Reitsma 2008 dan Snoddon 2010). Berdasarkan kepada kajian yang dijalankan oleh Gentry (2005), penggunaan multimedia interaktif iaitu gabungan gambar dan perkataan di dalam mengajar murid bermasalah pendengaran membaca telah memberikan kesan yang positif kepada pembacaan murid. Dalam kajian tersebut, murid bermasalah pendengaran dapat memahami teks bacaan yang diberikan kepada mereka lebih cepat berbanding membaca dengan hanya melihat kepada perkataan sahaja. Hal ini turut disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Reitsma (2008) dan Snoddon (2010).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian yang dijalankan oleh Reitsma (2008) telah mendapati bahawa penggunaan komputer boleh menyumbang kepada keberkesanan mengajar murid bermasalah pendengaran membaca. Selain itu, dengan menggunakan komputer dapat menarik minat murid bermasalah pendengaran untuk belajar membaca berbanding penggunaan buku yang hanya mempunyai tulisan dan perkataan. Selain menggalakkan murid bermasalah pendengaran membaca, penggunaan teknologi turut membantu mereka mempelajari bahasa dengan mudah. Sebagaimana yang kita sedia maklum, murid bermasalah pendengaran sukar menguasai bahasa. Namun begitu, dengan penggunaan teknologi terkini dapat membantu mereka menguasai bahasa dengan mudah. Misalnya kajian oleh Snoddon (2010) yang mendapati bahawa dengan menggunakan komputer pemahaman murid bermasalah pendengaran terhadap bahasa Inggeris telah meningkat.

Justeru seharusnya para guru yang mengajar murid bermasalah pendengaran menggunakan pendekatan pengajaran yang menggabungkan kaedah komunikasi seluruh dan alat bantu mengajar yang interaktif. Berdasarkan kepada kajian-kajian lepas telah membuktikan bahawa penggunaan komputer dengan bahan multimedia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang interaktif dapat membantu murid bermasalah pendengaran memahami pengajaran dan pembelajaran guru di dalam bilik darjah dengan lebih baik.

2.3 TEORI TINGKAH LAKU SKINNER

Teori tingkah laku telah dipelopori oleh tokoh-tokoh seperti Pavlov, Watson, Thorndike dan Skinner. Tokoh-tokoh teori ini menumpukan perhatian ke atas aspek tingkah laku manusia yang boleh diperhatikan dan boleh diukur. Mereka berpendapat tingkah laku melambangkan pembelajaran berulang dan bagaimana proses pembelajaran berlaku (Ramlah Jantan & Mahani Razali 2004).

Teori tingkah laku yang dikemukakan oleh Skinner adalah berdasarkan kepada pendapat yang dikemukakan oleh Pavlov. Kajian-kajian yang telah dilakukan oleh Skinner telah menghasilkan penggunaan teori pelaziman operan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah. Skinner turut menyatakan bahawa teori pelaziman operan gerak balas boleh dikuatkan (diulangi) atau dihapuskan (tidak diulangi) jika diberikan peneguhan sebaik sahaja gerak balas tersebut ditunjukkan. Skinner juga telah membahagikan peneguhan kepada dua iaitu peneguhan positif dan peneguhan negatif.

Peneguhan positif yang dikemukakan oleh Skinner ialah memberikan sesuatu ganjaran setelah perlakuan itu ditunjukkan yang menyebabkan perlakuan itu diulangi lagi. Dalam bilik darjah, peneguhan positif ini boleh diberikan sebagai salah satu bentuk motivasi dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran (Ramlah Jantan & Mahani Razali 2004). Antara contoh-contoh peneguhan positif yang boleh diberikan oleh guru dalam bilik darjah ialah seperti memberikan kata-kata pujian selepas murid membuat sesuatu kerja atau menjawab soalan dengan betul, memberikan senyuman, memberi hadiah dan sebagainya. Peneguhan positif yang diberikan oleh guru dapat mendorong murid menghasilkan kerja yang bermutu tinggi. Hal ini seterusnya dapat meningkatkan penglibatan murid dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah. Dalam konteks kajian ini, peneguhan positif yang dikemukakan Skinner dapat dijadikan panduan untuk melihat tahap penglibatan murid bermasalah pendengaran dalam aktiviti bilik darjah. Faktor-faktor seperti galakan dan kata-kata pujian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

daripada guru kemungkinan menjadi perangsang untuk murid melibatkan diri dengan lebih aktif dalam aktiviti bilik darjah.

Peneguhan negatif pula merupakan rangsangan serta merta yang tidak selesa atau menyakitkan yang perlu dielakkan. Rangsangan tidak selesa ini dapat dielakkan sekiranya seseorang itu dapat membuat gerak balas yang betul atau gerak balas yang dikehendaki. Contohnya seorang guru sering memarahi muridnya (rangsangan tidak selesa) kerana tidak membuat kerja rumah yang diberikan. Oleh sebab sudah jemu dengan leteran guru tersebut, maka murid tadi berusaha menyiapkan kerja sekolahnya (gerak balas yang betul). Contoh yang diberikan ini menunjukkan tindakan murid (membuat kerja rumah) menghapuskan rangsangan yang tidak diingini (leteran guru). Penerapan peneguhan negatif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran oleh guru mampu meningkatkan tahap penglibatan murid dalam bilik darjah. Penggunaan kaedah pengajaran berbentuk peneguhan negatif ini dapat dikaitkan dengan perbezaan tahap penglibatan murid dalam aktiviti bilik darjah. Ini kerana berdasarkan teori Skinner ini, murid yang sering diberikan peneguhan negatif akan lebih bermotivasi untuk melibatkan diri dalam setiap aktiviti yang diberikan oleh guru.

Selain daripada konsep peneguhan, Skinner juga mengemukakan konsep hukuman dalam teorinya. Hukuman adalah satu proses atau tatacara untuk melemahkan atau mengurangkan pengulangan tingkah laku yang tidak diingini (Skinner 1971 dalam Olson & Hergenhahn 2009). Tegasnya lagi, hukuman adalah kesan negatif yang membawa kepada pengurangan dalam kekerapan berlakunya tingkah laku tersebut. Terdapat dua bentuk hukuman iaitu hukuman persembahan dan hukuman penyingkiran. Hukuman persembahan boleh dijalankan apabila sesuatu rangsangan menyebabkan berlakunya perubahan dalam tingkah laku diri murid tersebut. Hukuman jenis ini adalah lebih kepada melibatkan fizikal. Contohnya adalah seperti larian padang atau memberikan kerja tambahan. Hukuman penyingkiran pula berkaitan dengan penyingkiran rangsangan. Contoh yang dapat diberikan adalah seperti guru tidak memberikan kemudahan apabila murid tidak berkelakuan baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Ramlah Jantan dan Mahani Razali (2004), teori Skinner ini boleh diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran bilik darjah seperti pemberian peneguhan positif apabila murid melakukan sesuatu tingkah laku yang diingini secara berterusan. Selain itu, ganjaran yang diberikan perlulah bersesuaian dengan umur murid dengan mewujudkan ganjaran mengikut kadar kepayahan tingkah laku yang diingini. Guru juga perlulah berhati-hati apabila memberi peneguhan negatif kepada murid kerana ia mungkin dianggap sebagai hukuman. Teori tingkah laku Skinner sangat berkaitan dengan kajian ini. Tingkah laku yang ditunjukkan oleh murid menggambarkan tahap penglibatan mereka dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah. Murid yang menunjukkan tingkah laku yang tidak bersesuaian dengan peraturan bilik darjah sering kali dikaitkan dengan tahap penglibatan yang rendah dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Hal ini diakui oleh kajian terdahulu yang mendapati tingkah laku negatif murid boleh mempengaruhi tahap penglibatan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah (Birch & Ladd 1997; Finn et al. 1995; Cornelius 2008).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan teori tingkah laku Skinner itu, guru perlulah memainkan peranan penting dalam membentuk tingkah laku murid yang positif. Misalnya, jika terdapat murid yang menunjukkan tingkah laku negatif ketika sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung guru perlulah mengambil tindakan segera untuk membetulkan perlakuan yang tidak sepatutnya dilakukan itu. Sekiranya guru tidak mengambil sebarang tindakan atau hanya membiarkan perlakuan murid tersebut, ini akan memberikan kesan terhadap penglibatan aktif murid dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah.

2.4 KESAN KEPEKAKAN TERHADAP TINGKAH LAKU MURID BERMASALAH PENDENGARAN DALAM PENGLIBATAN BILIK DARJAH

Ketidakupayaan mendengar dalam kalangan murid bermasalah pendengaran menimbulkan masalah terutamanya terhadap tingkah laku mereka. Hal ini diakui oleh pengkaji-pengkaji yang mengkaji perkaitan antara faktor kepekakan dengan masalah tingkah laku (Austen 2010; Stevenson et al. 2010; Terwogt & Rieffe 2004). Oleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kerana penglibatan murid di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah berkaitan dengan tingkah laku murid maka adalah perlu untuk mengetahui kesan kepekakan terhadap tingkah laku murid bermasalah pendengaran.

Masalah tingkah laku dalam kalangan murid bermasalah pendengaran dikatakan berpunca daripada kelewatan perkembangan bahasa dan komunikasi ketika usia kanak-kanak (Barker et al. 2009). Sebagaimana yang kita ketahui murid-murid bermasalah pendengaran mengalami masalah untuk berkomunikasi dengan golongan tipikal. Ini kerana mereka menggunakan bahasa isyarat untuk berkomunikasi dan bukannya bahasa lisan. Oleh itu, terdapat kesukaran untuk individu tipikal memahami apa yang hendak disampaikan oleh murid-murid bermasalah pendengaran disebabkan tidak tahu berbahasa isyarat. Sekiranya murid-murid bermasalah pendengaran menunjukkan tingkah laku yang negatif seperti membuat bising dan tidak memberikan tumpuan, sukar untuk individu tipikal menerangkan bahawa perbuatan tersebut adalah salah. Apabila tingkah laku negatif tersebut tidak dibaiki dari awal maka mereka akan berterusan berkelakuan demikian sehingga memasuki alam persekolahan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tingkah laku negatif yang ditunjukkan oleh murid bermasalah pendengaran boleh mempengaruhi penglibatan mereka dalam aktiviti bilik darjah. Menurut Birch dan Ladd (1997) dan Finn et al. (1995), murid yang menunjukkan tingkah laku negatif seperti mengganggu rakan ketika guru sedang mengajar atau tidak memberikan tumpuan kepada pengajaran guru dikaitkan dengan penglibatan bilik darjah yang rendah. Penglibatan bilik darjah yang rendah dikaitkan pula dengan pencapaian akademik yang rendah dan keciciran sekolah (Fredricks et al. 2004). Oleh itu, para guru perlulah menguruskan tingkah laku murid bermasalah pendengaran ini dengan lebih baik bagi meningkatkan penglibatan mereka terutamanya dalam memberikan tumpuan kepada pengajaran guru. Dalam konteks kajian ini, pengkaji cuba untuk melihat sama ada tingkah laku yang ditunjukkan oleh murid bermasalah pendengaran berkait rapat dengan pemakaian alat bantu pendengaran mahupun tidak. Hal ini kerana, murid yang kehilangan pendengaran sejak kecil telah dibuktikan oleh pengkaji terdahulu mengalami masalah dalam tingkah laku terutamanya yang melibatkan mendengar arahan atau memberikan tumpuan (Austen & Jeffery 2006).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5 PENGLIBATAN MURID BERMASALAH PENDENGARAN DI DALAM AKTIVITI BILIK DARJAH

Penglibatan aktif murid bermasalah pendengaran di dalam bilik darjah memainkan peranan penting dalam perkembangan pendidikan dan sosial emosi mereka. Kualiti interaksi antara guru dengan murid serta murid dengan murid adalah kunci kepada pemacu pembelajaran bilik darjah (Antia et al. 2006). Penglibatan murid bermasalah pendengaran dalam aktiviti bilik darjah dikatakan masih di tahap sederhana terutamanya ketika melibatkan diri dalam aktiviti perbincangan. Power dan Hyde (2002) telah mengkaji tentang tahap penglibatan murid bermasalah pendengaran dalam aktiviti perbincangan bilik darjah. Dalam kajian tersebut, pengkaji telah mendapati murid bermasalah pendengaran menunjukkan tahap penglibatan yang sederhana ketika sesi soal jawab dengan guru. Power dan Hyde (2002) berpendapat bahawa murid bermasalah pendengaran kurang melibatkan diri dalam aktiviti perbincangan atau soal jawab disebabkan oleh kurangnya menguasai bahasa pertuturan dan seterusnya mereka merasa malu untuk menyuarakan pandangan. Dapatan kajian oleh Power dan Hyde (2002) ini menyamai kajian yang dijalankan oleh Borders et al. (2010) tentang penglibatan sederhana murid bermasalah pendengaran dalam aktiviti bilik darjah.

Kajian yang dijalankan oleh Borders et al. (2010) melibatkan 6 orang murid bermasalah pendengaran. Hasil kajian tersebut telah mendapati tahap penglibatan murid bermasalah pendengaran dari aspek tindak balas kepada perbincangan dalam bilik darjah, mendengar arahan guru dan menyediakan peralatan pembelajaran adalah sederhana. Dapatan yang diperoleh ini menunjukkan bahawa murid bermasalah pendengaran masih kurang melibatkan diri dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah.

Kajian berkaitan penglibatan murid bermasalah pendengaran dalam aktiviti kerja bertulis telah dijalankan oleh Kelly, Lang dan Pagliaro (2003). Fokus kajian oleh Kelly et al. (2003) adalah untuk meninjau penglibatan murid dalam melakukan latihan yang diberikan oleh guru. Dalam kajian tersebut, murid bermasalah pendengaran perlu menjawab soalan Matematik yang berbentuk penyelesaian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

masalah dan penomboran. Keputusan kajian memperlihatkan bahawa murid bermasalah pendengaran yang terlibat dapat membuat latihan berbentuk penomboran tetapi tidak dapat menyiapkan latihan yang berbentuk penyelesaian masalah. Melalui keputusan tersebut, Kelly et al. (2003) telah merumuskan bahawa murid bermasalah pendengaran boleh menyiapkan latihan yang lebih kepada nombor tetapi mengalami kesukaran untuk menyiapkan latihan matematik yang banyak menggunakan perkataan. Keputusan yang diperoleh tersebut dipengaruhi oleh penguasaan bahasa murid bermasalah pendengaran itu sendiri.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Ansell dan Pagliaro (2006), murid bermasalah pendengaran lebih gemar kepada latihan yang menggabungkan perkataan dengan visual berbanding latihan yang hanya menggunakan perkataan. Oleh itu, bagi menarik minat murid melibatkan diri dalam aktiviti kerja bertulis guru perlu menggunakan perkataan dan visual agar pengajaran guru lebih interaktif. Hal ini turut diakui oleh Kritzer (2008) yang mendapati murid bermasalah pendengaran lebih tertarik kepada pengajaran yang berbentuk visual terutamanya ketika mempelajari mata pelajaran Matematik. Penglibatan murid di dalam aktiviti kerja bertulis sememangnya memberikan impak yang besar terutamanya kepada pemahaman murid terhadap pengajaran guru. Sekiranya murid kurang melibatkan diri, kemungkinan besar murid tidak faham apa yang diajarkan oleh guru ketika di dalam kelas.

2.6 FAKTOR PENGGALAK PENGLIBATAN BILIK DARJAH

Dorongan guru kepada murid untuk melibatkan diri di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat meningkatkan motivasi untuk mereka datang ke kelas dan bersemangat untuk belajar. Kajian yang dijalankan oleh Patrick, Anderman, Ryan dan Midgley (2001) telah mendapati hasil daripada sokongan dan galakan guru boleh menaikkan motivasi murid untuk melibatkan diri secara aktif di dalam bilik darjah terutamanya dari aspek menawarkan diri untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh guru. Menurut Patrick et al. (2001) antara galakan daripada guru yang boleh menaikkan motivasi kepada murid adalah (a) guru memahami dan sedia membantu murid memahami pelajaran, (b) membantu murid menjadi lebih bertanggungjawab terhadap ilmu yang dipelajari, (c) menggalakkan murid merenung

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kesalahan yang dilakukan sebagai pengalaman pembelajaran, (d) berfikiran positif terhadap pelajaran dan (e) menggalakkan murid bantu membantu antara satu sama lain. Kajian Patrick et al. (2001) ini disokong dengan kajian oleh Turner dan Patrick (2004) yang menyatakan sekiranya guru kurang memberikan galakan, secara tidak langsung memberikan kesan kepada murid untuk tidak melibatkan diri secara aktif di dalam aktiviti bilik darjah.

Bagi murid yang mengalami masalah pendengaran, galakan dan sokongan daripada guru amat diperlukan bagi melibatkan diri secara aktif di dalam setiap aktiviti bilik darjah yang dijalankan. Misalnya murid yang belajar di dalam kelas inklusif, mereka perlu didorong untuk melibatkan diri di dalam aktiviti perbincangan kumpulan (Stinson & Liu 1999; Power & Hyde 2002). Jika tiada sokongan daripada guru dan rakan-rakan sekelas, mereka lebih gemar memilih untuk berdiam diri. Hal ini berlaku kerana mereka merasakan kurang yakin untuk memberikan pendapat kerana takut ditertawakan oleh rakan-rakan sekelas. Murid yang memakai alat bantu pendengaran jenis belakang telinga pula didapati kurang melibatkan diri di dalam aktiviti bilik darjah kerana kurang keyakinan diri untuk menyatakan pendapat di dalam perbincangan bilik darjah disebabkan masalah pendengaran yang dihadapi (Damen et al. 2006).

Hasil daripada dapatan kajian lepas di atas memberikan gambaran awal kepada pengkaji mengenai faktor penggalak kepada penglibatan murid bermasalah pendengaran dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah. Kemungkinan faktor-faktor yang diperoleh dalam kajian pengkaji terdahulu turut diperoleh dalam kajian yang dijalankan oleh pengkaji atau mungkin terdapat faktor-faktor baru yang akan diperoleh daripada kajian ini.

2.7 FAKTOR PENGHALANG PENGLIBATAN BILIK DARJAH

Murid-murid yang tidak diterima oleh rakan sekelas seringkali menimbulkan masalah tingkah laku yang negatif di samping tidak berminat melibatkan diri di dalam aktiviti bilik darjah (Buhs & Ladd 2001). Antara kajian lepas yang mengkaji faktor penolakan rakan sekelas adalah seperti yang dikaji oleh Ladd et al. (2008).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian longitudinal tersebut telah melibatkan sejumlah 389 murid (199 lelaki dan 199 perempuan). Tempoh kajian tersebut dilakukan adalah daripada murid-murid tersebut memasuki prasekolah sehinggalah mereka menamatkan pengajian di peringkat sekolah rendah.

Hasil daripada kajian tersebut telah mendapati bahawa lebih lama murid menerima penolakan daripada rakan sekelas lebih cenderung mereka melakukan tingkah laku negatif dan tidak berminat untuk melibatkan diri di dalam setiap aktiviti bilik darjah yang dijalankan. Antara tingkah laku negatif yang cenderung dilakukan oleh murid tersebut adalah seperti ponteng sekolah dan tidak melakukan kerja sekolah yang diberikan oleh guru. Selain itu, kajian Ladd et al. (2008) ini juga telah mendapati bahawa murid yang tidak diterima oleh rakan-rakan sekelas mempunyai motivasi diri yang rendah dan seterusnya mengasingkan diri daripada bergaul dengan rakan-rakan lain.

Kajian oleh Ladd et al. (2008) ini turut disokong dengan kajian yang dilakukan oleh Stoeckli (2010) yang mengkaji mengenai kepentingan hubungan sosial murid terhadap penglibatan murid di dalam aktiviti bilik darjah. Stoeckli telah mendapati bahawa murid yang melibatkan diri secara aktif di dalam bilik darjah seperti mengangkat tangan untuk menjawab soalan mempunyai hubungan sosial yang baik dengan rakan-rakan sekelas dan guru. Bagi murid yang tidak mempunyai hubungan sosial yang baik dengan rakan-rakan sekelas dan guru pula seringkali menunjukkan tingkah laku yang negatif dan kurang berminat untuk melibatkan diri di dalam aktiviti bilik darjah.

Faktor penolakan daripada rakan sekelas ini juga terjadi kepada murid bermasalah pendengaran yang belajar di dalam kelas inklusif. Kajian yang dijalankan oleh Stinson dan Liu (1999) dan Power dan Hyde (2002) telah mendapati bahawa murid bermasalah pendengaran tidak begitu aktif mengambil bahagian di dalam aktiviti perbincangan kumpulan disebabkan merasa disisihkan oleh rakan sekumpulan. Kajian oleh Wheeler et al. (2007) mengenai pandangan golongan remaja bermasalah pendengaran mendapati penolakan daripada rakan-rakan tipikal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

di kelas inklusif memberikan kesan yang negatif kepada penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti bilik darjah.

Hasil temu bual yang dijalankan oleh Wheeler et al. (2007) turut mendapati kebanyakan remaja yang belajar di sekolah rendah pendidikan khas dan kemudiannya belajar di sekolah menengah aliran perdana mengalami penolakan yang teruk daripada rakan-rakan tipikal. Remaja tersebut memberitahu bahawa rakan tipikal di dalam kelas mereka tidak mahu membantu dan membimbing mereka di dalam aktiviti perbincangan bilik darjah. Apabila guru meminta murid memberikan pandangan atau idea, rakan tipikal lebih menonjolkan diri daripada memberikan peluang untuk murid bermasalah pendengaran bercakap.

Faktor seterusnya yang menjadi halangan penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti perbincangan bilik darjah adalah disebabkan oleh kurangnya penguasaan bahasa dan seterusnya menghalang mereka untuk berkomunikasi secara berkesan dengan rakan-rakan tipikal di dalam kelas inklusif (Power & Hyde 2002; Stinson & Liu 1999; Damen et al. 2006; Siti et al. 2007). Masalah bahasa sering kali dikaitkan dengan kurangnya penguasaan dari aspek komunikasi (Finn & Cox 1992; Siti Maziha 2010). Murid bermasalah pendengaran sering kali dianggap sombong oleh rakan-rakan tipikal disebabkan mereka kurang berkomunikasi dan tidak memberikan pendapat apabila diminta berbuat demikian. Misalnya hasil kajian oleh Stinson dan Liu (1999) mendapati murid tipikal sebenarnya mahu berkawan dan membantu murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti perbincangan bilik darjah namun disebabkan oleh halangan bahasa menyebabkan mereka sukar untuk berkomunikasi. Disebabkan itulah mereka kurang melibatkan murid bermasalah pendengaran di dalam setiap perbincangan dan aktiviti bilik darjah.

Kajian yang dijalankan oleh Power dan Hyde (2002), telah mengkaji tentang penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam kelas aliran perdana di Australia. Murid bermasalah pendengaran yang terlibat di dalam kajian tersebut telah menyatakan bahawa halangan utama untuk mereka melibatkan diri secara aktif di dalam perbincangan kumpulan adalah masalah komunikasi. Melalui temu bual

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang dilakukan ke atas guru-guru yang mengajar murid tersebut turut mendapati masalah komunikasi adalah halangan utama untuk mereka terlibat secara aktif di dalam perbincangan bilik darjah.

Kajian oleh Stinson dan Liu (1999) mengenai penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam kelas aliran perdana turut mendapati masalah komunikasi menjadi halangan untuk murid ini melibatkan diri secara aktif di dalam perbincangan kelas. Dapatan kajian ini adalah hasil daripada temu bual dengan guru-guru dan para profesional yang bekerja dengan murid bermasalah pendengaran tersebut. Kebanyakan responden yang ditemu bual memberitahu murid bermasalah pendengaran ini tidak begitu aktif di dalam aktiviti bilik darjah disebabkan kesukaran untuk berkomunikasi dengan rakan tipikal mereka. Selain itu, kurangnya kerjasama daripada rakan-rakan tipikal untuk membantu mereka melibatkan diri di dalam perbincangan turut menyebabkan mereka mengasingkan diri dan tidak terlibat di dalam setiap aktiviti bilik darjah yang dijalankan. Faktor penghalang yang disebutkan dalam literatur ini memberikan maklumat kepada pengkaji bahawa faktor-faktor yang menjadi penghalang kepada penglibatan tinggi murid bermasalah pendengaran dalam aktiviti bilik darjah ialah masalah komunikasi dan penolakan rakan sebaya. Namun begitu adakah faktor yang sama turut menjadi penghalang kepada murid bermasalah pendengaran yang belajar di dalam kelas khas atau terdapat faktor penghalang yang lain. Faktor tersebutlah yang mahu dilihat oleh pengkaji dalam kajian ini.

2.8 KESIMPULAN

Tinjauan literatur yang dilaksanakan bertujuan untuk menambahkan pemahaman terhadap penglibatan murid bermasalah pendengaran dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah. Berdasarkan kepada kajian-kajian yang dibincangkan dapatlah disimpulkan bahawa tahap penglibatan murid bermasalah pendengaran masih lagi di tahap sederhana terutamanya di dalam aspek perbincangan kelas, latihan bertulis dan tumpuan dalam pengajaran guru. Faktor utama kepada galakan penglibatan murid di dalam bilik darjah pula adalah sokongan serta dorongan daripada guru. Dari segi faktor penghalang kepada penglibatan murid bermasalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pendengaran di dalam bilik darjah pula ialah motivasi pelajar, penolakan rakan sebaya dan masalah komunikasi. Kebanyakan literatur yang dirujuk menyatakan bahawa masalah komunikasi menjadi halangan utama murid bermasalah pendengaran melibatkan diri secara aktif dalam perbincangan kelas. Oleh itu, para guru perlulah memandang perkara tersebut secara serius agar tindakan yang sewajarnya diambil bagi meningkatkan penglibatan yang lebih aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENDAHULUAN

Dalam bab ini pengkaji membincangkan tentang beberapa perkaedahan dan prosedur berkaitan metodologi kajian yang dijalankan. Di antara perkaedahan dan prosedur tersebut ialah reka bentuk kajian, lokasi kajian, populasi kajian, subjek kajian, instrumen kajian, prosedur pemerolehan data dan penganalisisan data.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2 REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk kajian kes. Pemilihan reka bentuk kajian kes ini dirasakan bersesuaian bagi mengkaji isu berkaitan penglibatan murid-murid bermasalah pendengaran di dalam bilik darjah. Oleh kerana bilangan sampel murid bermasalah pendengaran yang memakai alat implan koklea dan alat bantu pendengaran adalah sangat sedikit maka penggunaan kajian kes adalah sangat sesuai. Menurut Fraenkel dan Wallen (2008) sesuatu kajian kes boleh dilaksanakan dengan melibatkan satu individu sahaja, seluruh bilik darjah, sebuah sekolah dan juga satu program. Kajian kes kualitatif biasanya dijalankan oleh penyelidik kerana berminat untuk meneroka, membuat interpretasi dan mendapat pemahaman yang mendalam tentang sesuatu kes, bukan untuk menguji sesuatu hipotesis (Merriam 2001).

3.3 SUBJEK KAJIAN

Kaedah pensampelan subjek kajian yang digunakan di dalam kajian ini ialah pensampelan bertujuan. Kaedah pensampelan bertujuan ini dipilih kerana sampel

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang terlibat di dalam kajian ini mempunyai ciri-ciri tertentu yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Menurut Gall, Gall dan Borg (2010), pemilihan sampel kajian di dalam kajian kualitatif yang melibatkan pensampelan bertujuan adalah disebabkan sampel kajian tersebut biasanya mewakili ciri-ciri yang dikehendaki oleh pengkaji. Subjek kajian yang dipilih di dalam kajian ini terdiri daripada empat orang (n=4) murid-murid bermasalah pendengaran yang belajar di dalam kelas khas. Subjek kajian bagi murid dikodkan sebagai M1, M2, M3, dan M4. Pengkaji juga melibatkan dua orang guru khas (n=2) yang mengajar murid-murid tersebut. Seorang guru mengajar mata pelajaran Matematik dan seorang lagi mengajar Bahasa Melayu. Subjek kajian bagi guru dikodkan sebagai G1 dan G2.

3.3.1 Subjek Kajian Murid Bermasalah Pendengaran

Pemilihan subjek kajian dalam kajian ini adalah berdasarkan ciri-ciri yang ditetapkan oleh pengkaji. Ciri-ciri subjek kajian tersebut adalah seperti berikut dan juga seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.1 di bawah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1) empat orang murid bermasalah pendengaran yang dipilih berdasarkan variasi pemakaian alat bantu pendengaran berikut: i) 2 orang murid memakai alat bantu pendengaran belakang telinga (BTE) dan ii) 2 orang murid tidak memakai alat bantu pendengaran. Kesemua subjek kajian mengalami masalah pendengaran sejak lahir lagi.

2) Murid bermasalah pendengaran yang memakai alat bantu dengar dipilih berdasarkan tempoh pemakaian lebih daripada tiga tahun. Pemilihan murid berdasarkan pemakaian alat bantu pendengaran melebihi tiga tahun dapat menunjukkan perbezaan dari segi penguasaan bahasa. Penguasaan bahasa di awal usia seseorang murid bermasalah pendengaran dapat mempengaruhi komunikasi murid tersebut. Ini kerana lebih awal murid tersebut memakai alat bantu pendengaran lebih awal penguasaan bahasanya.

3) Murid-murid bermasalah pendengaran yang dipilih perlu mempunyai rekod kehadiran ke sekolah yang baik. Pengkaji memilih murid dengan rekod

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun

kehadiran yang baik berdasarkan syor yang diberikan oleh guru kelas. Murid yang selalu hadir ke sekolah dipilih bagi memudahkan pengkaji mendapatkan maklumat melalui pemerhatian yang dilakukan ke atas murid tersebut.

Jadual 3.1 di bawah menunjukkan data demografik sampel kajian murid yang dipilih menyertai kajian ini.

Jadual 3.1 Data demografik murid-murid bermasalah pendengaran

Murid	Umur	Kategori kehilangan pendengaran	Jenis alat pendengaran	Tempoh pemakaian alat pendengaran
1	11	Teruk (Kanan= 90 dB Kiri= 90dB)	Tiada	-
2	11	Teruk (Kanan= 75 dB Kiri= 80 dB)	Tiada	-
3	11	Teruk (Kanan= 80 dB Kiri= 80dB)	Belakang telinga atau Behind The Ear (BTE)	8 tahun
4	11	Sangat teruk (Kanan= 100 dB Kiri= 100dB)	Belakang telinga atau Behind The Ear (BTE)	6 tahun

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.2 Subjek Kajian Guru Pendidikan Khas

Pemilihan subjek kajian guru pula adalah berdasarkan kepada ciri-ciri berikut:

1) guru yang telah mengajar murid yang terlibat dari Tahun 1 sehingga Tahun 3. Guru tersebut dipilih kerana mereka dapat memberikan gambaran terperinci mengenai tahap penglibatan murid tersebut di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah.
2) Guru yang mengajar mata pelajaran Matematik dan Bahasa Melayu. Pemilihan guru yang mengajar mata pelajaran Matematik dan Bahasa Melayu pula adalah disebabkan pengkaji akan melakukan pemerhatian ke atas murid bagi kedua-dua mata pelajaran tersebut sahaja. Pemilihan kedua-dua mata

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelajaran tersebut adalah disebabkan ianya diajar pada setiap hari dan memudahkan pengkaji untuk mengumpul data yang diperlukan.

3.4 LOKASI KAJIAN

Lokasi bagi kajian ini dijalankan adalah di sebuah sekolah kebangsaan pendidikan khas. Sekolah yang dipilih ini terletak di Ipoh, Perak. Hanya sebuah kelas dijadikan tempat untuk dijalankan kajian iaitu kelas tahun 3. Rasional pemilihan kelas ini adalah kerana murid bermasalah pendengaran yang berada di dalam kelas tersebut mempunyai variasi pemakaian alat bantu pendengaran berbanding kelas-kelas lain.

3.5 INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian yang digunakan di dalam kajian ini adalah seperti berikut:

i. Borang pemerhatian,
ii. Protokol temu bual guru
iii. Protokol temu bual murid

3.5.1 Borang Pemerhatian

Di dalam kajian ini pengkaji menggunakan borang pemerhatian berbentuk senarai semak. Tujuan penyelidik menggunakan borang pemerhatian adalah untuk melihat penglibatan murid bermasalah pendengaran dari aspek tingkah laku murid seperti menawarkan penglibatan secara bebas, menghormati peraturan bilik darjah, persediaan peralatan pembelajaran, kerja bertulis murid (papan putih) dan kerja bertulis (lembaran kerja). Murid-murid bermasalah pendengaran yang terlibat di dalam kajian ini dinilai berdasarkan skala pengukuran 1 (rendah), 2 (sederhana) atau 3 (tinggi). Skor yang diperoleh daripada 5 pemerhatian yang dilakukan akan ditafsirkan ke dalam bentuk peratusan. Contoh borang pemerhatian boleh dilihat di Lampiran A. Borang pemerhatian ini diubahsuai oleh pengkaji daripada item yang sebenar yang dibina oleh Heywood et al. (2008). Selepas diubahsuai, pengkaji telah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mendapatkan tiga orang pakar bagi menilai dan mengesahkan item pemerhatian tersebut.

3.5.2 Protokol Temu Bual Guru

Dalam kajian ini, pengkaji turut menggunakan kaedah temu bual bagi mendapatkan maklumat secara kualitatif. Temu bual melibatkan pengumpulan data secara lisan dan kadangkala bukan lisan berdasarkan kepada interaksi secara bersemuka di antara pengkaji dengan individu yang sedang dikaji (Gall et al. 2010). Selain daripada itu, tujuan penggunaan kaedah temu bual ini juga untuk mendapatkan sokongan terhadap data yang diperoleh melalui pemerhatian.

Pengkaji telah menggunakan jenis temu bual separa berstruktur di dalam kajian ini. Soalan-soalan dalam temu bual separa berstruktur ditentukan terlebih dahulu tetapi jawapan kepada soalan-soalan tersebut adalah terbuka, boleh dikembangkan mengikut budi bicara penemubual dan peserta kajian (Othman Lebar 2009). Sebanyak dua set soalan protokol temu bual dibina dan digunakan oleh pengkaji sebagai instrumen kajian. Set protokol temu bual yang pertama digunakan untuk menemu bual guru (Lampiran B). Soalan temu bual ini mengandungi 10 soalan utama. Soalan-soalan tersebut dibahagikan kepada lima tema utama iaitu mengenai tahap penglibatan murid bermasalah pendengaran (2 soalan), tingkah laku murid di dalam kelas (2 soalan), tumpuan murid ketika pengajaran guru (1 soalan), pelaksanaan kerja bertulis (4 soalan) dan halangan dan dorongan kepada penglibatan murid di dalam aktiviti bilik darjah (2 soalan).

3.5.3 Protokol Temu Bual Murid

Set item temu bual yang kedua (Lampiran C) dibina dan digunakan untuk menemu bual murid bermasalah pendengaran. Soalan temu bual mengandungi lapan soalan utama. Sebanyak empat soalan temu bual yang dikemukakan adalah berkaitan dengan faktor-faktor yang menggalakkan penglibatan murid di dalam aktiviti bilik darjah. Manakala empat soalan lagi dibina berkaitan dengan faktor-faktor yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menjadi penghalang kepada penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti bilik darjah.

3.6 KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN DATA

Bagi memastikan kajian kes yang dilaksanakan boleh dipercayai dan data yang diperoleh boleh diyakini sumbernya, penerangan berikut memperincikan mengenai kesahan dan kebolehpercayaan data yang dikumpul.

3.6.1 Kebolehpercayaan Data

Kebolehpercayaan merujuk sejauh mana maklumat yang diperoleh menggambarkan keadaan yang sebenar (Yin 2003). Kebolehpercayaan boleh dipastikan dengan menggunakan pelbagai sumber dan pelbagai kaedah pengumpulan data. Kajian ini telah menggunakan dua sumber data bagi memastikan kebolehpercayaan data. Dua sumber tersebut ialah melalui pemerhatian dan temu bual.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6.2 Kesahan

Kesahan merujuk kepada sejauh mana reka bentuk kajian dapat memberikan maklumat yang dikehendaki. Menurut Merriam (2001), kesahan adalah berkaitan bagaimana dapatan kajian menyamai dapatan sebenar. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan pelbagai kaedah untuk memperoleh data. Bagi tujuan menjamin kesahan konstruk, pengkaji menggunakan kaedah-kaedah berikut:

i. Triangulasi kaedah

Pengkaji menggunakan dua kaedah pengumpulan data iaitu pemerhatian dan temu bual. Kaedah ini digunakan bagi tujuan memperoleh maklumat yang lebih baik, gambaran kepada realiti yang tetap, tersusun, pengesahan maksud oleh banyak elemen dan pelbagai sudut pandangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun

ii. Kesahan instrumen kajian oleh pakar

Sebelum menjalankan kajian rintis pengkaji telah mendapatkan pengesahan instrumen kajian yang digunakan daripada pakar. Pakar-pakar yang dipilih merupakan pakar dalam bidang pendidikan khas. Seramai tiga orang pakar yang telah mengesahkan protokol temu bual yang dibina oleh pengkaji dan maklumat mengenai pakar-pakar tersebut diletakkan dalam Lampiran I. Berdasarkan kepada penilaian pakar beberapa soalan asal temu bual guru dan murid telah diubah mengikut cadangan yang diberikan oleh pakar. Soalan temu bual guru dan murid yang telah mengalami perubahan ditunjukkan dalam Lampiran G dan H. Pengesahan untuk rubrik senarai semak pemerhatian juga dilakukan oleh tiga orang pakar tersebut. Sebelum mendapatkan pengesahan pakar, pengkaji telah mendapatkan khidmat seorang guru pakar Bahasa Inggeris untuk membuat terjemahan senarai semak asal yang ditulis dalam Bahasa Inggeris. Kaedah yang digunakan ini merupakan kaedah *back to back translation.* Setelah melakukan terjemahan, barulah pengkaji meminta pakar untuk mengesahkan senarai semak tersebut. Setelah disemak oleh ketiga-tiga pakar tersebut, tiada item daripada rubrik senarai semak yang perlu dibaiki.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. Penyemakan peserta kajian

Data yang diperoleh daripada hasil temu bual disemak semula oleh peserta kajian. Kaedah ini dikenali sebagai *member checks* di mana peserta kajian diminta untuk memeriksa data temu bual yang telah ditranskripsikan adalah betul dan tepat.

3.7 KAJIAN RINTIS

Kajian rintis telah dijalankan di sebuah program integrasi pendidikan khas bermasalah pendengaran di negeri Perak. Subjek kajian rintis terdiri daripada tiga orang murid bermasalah pendengaran yang mempunyai persamaan dengan subjek kajian bagi kajian sebenar iaitu murid tanpa alat bantu pendengaran dan murid yang memakai alat pendengaran jenis belakang telinga. Seorang guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu dan Matematik turut terlibat di dalam kajian ini untuk ditemu bual. Kajian rintis ini dilaksanakan bertujuan untuk mengetahui tahap kesahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan kebolehpercayaan setiap alat kajian yang digunakan oleh pengkaji. Dapatan daripada kajian rintis tersebut telah menunjukkan bahawa satu item pemerhatian terpaksa digugurkan kerana penghantaran kerja sekolah tidak dilakukan pada setiap hari. Item pemerhatian yang digugurkan ditunjukkan dalam Lampiran E.

Setelah menjalankan temu bual bersama guru, terdapat satu soalan yang perlu dibaiki oleh pengkaji kerana sukar difahami oleh subjek kajian. Soalan yang mengalami perubahan ditunjukkan dalam Lampiran H. Soalan untuk ditanyakan kepada subjek kajian murid pula tidak mengalami sebarang perubahan. Subjek kajian murid dapat menjawab kesemua soalan yang diajukan oleh pengkaji.

3.8 TATACARA PEMEROLEHAN DATA

Kajian yang dijalankan ini melibatkan subjek kajian yang berada di sekolah. Oleh itu, pengkaji telah mendapatkan kebenaran daripada Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Kementerian Pelajaran Malaysia, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, dan Jabatan Pelajaran Negeri Perak. Setelah mendapatkan kebenaran daripada pihak-pihak yang berkenaan, pengkaji telah berjumpa dengan pihak sekolah, murid-murid yang dijadikan sebagai sampel dan guru-guru yang terlibat sebagai responden.

Kajian ini melibatkan tiga peringkat pengutipan data. Peringkat pertama kutipan data melibatkan pemerhatian ke atas murid bermasalah pendengaran yang tidak memakai alat bantu pendengaran dan yang memakai alat bantu dengar. Kesemua murid bermasalah pendengaran dalam kajian ini belajar di dalam kelas yang sama. Sebanyak 5 pemerhatian dilakukan oleh pengkaji. Pembahagian jumlah pemerhatian adalah seperti di dalam jadual 3.2 berikut:

Jadual 3.2 Jadual pengiraan jumlah pemerhatian

Jumlah kelas	Jumlah mata pelajaran	Jumlah pemerhatian	Jumlah keseluruhan
1	2	5 kali	5 x 2 = 10

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setiap hari pengkaji membuat pemerhatian sebanyak dua kali iaitu sekali di dalam mata pelajaran Matematik dan sekali di dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Pengkaji memilih untuk melakukan pemerhatian di dalam kedua-dua bilik darjah ini disebabkan kedua-dua mata pelajaran tersebut di ajar pada setiap hari. Setiap pemerhatian yang dilakukan akan dicatatkan di dalam borang pemerhatian. Pengkaji juga akan menggunakan rakaman video bagi merakamkan tingkah laku murid sepanjang pemerhatian dilakukan.

Peringkat kedua kutipan data pula melibatkan temu bual bersama guru. Temu bual yang digunakan adalah jenis temu bual separuh berstruktur. Pengkaji telah menemu bual guru ketika guru tersebut tiada kelas atau mempunyai masa terluang. Temu bual subjek kajian telah dilakukan secara individu pada satu-satu masa. Tempoh masa yang diperlukan untuk setiap temu bual adalah selama 10 hingga 15 minit. Bagi setiap sesi temu bual, pengkaji sendiri telah menemu bual subjek kajian. Setiap sesi temu bual yang dijalankan dirakam oleh pengkaji menggunakan alat perakam suara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peringkat ketiga pengutipan data dilakukan dengan menemu bual tiga orang murid bermasalah pendengaran. Pemilihan subjek kajian untuk temu bual adalah berdasarkan kepada pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji dan juga berdasarkan syor yang dikemukakan oleh guru kelas murid tersebut. Jenis temu bual separuh berstruktur juga digunakan di dalam temu bual bersama murid ini. Masa yang diperlukan untuk temu bual ini adalah selama 10 hingga 15 minit. Pengkaji telah meminta guru Bahasa Melayu yang mengajar subjek kajian untuk menterjemahkan soalan temu bual ke dalam bahasa isyarat. Bagi merekodkan sesi temu bual tersebut, pengkaji telah menggunakan rakaman video. Ini kerana murid menggunakan bahasa isyarat sepenuhnya sepanjang temu bual dijalankan.

3.9 TATACARA PENGANALISISAN DATA

Terdapat dua tatacara penganalisisan data yang dilaksanakan dalam kajian ini iaitu analisis data pemerhatian dan analisis data hasil temu bual.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun

3.9.1 Analisis Data Pemerhatian

Data pemerhatian di dalam kajian ini dianalisis secara statistik deskriptif kerana kumpulan guru dan subjek kajian ini merupakan populasi kajian. Analisis statistik deskriptif digunakan untuk menganalisis tahap penglibatan murid yang melibatkan pengiraan kekerapan, dan peratusan. Penilaian bagi skor data pemerhatian yang diperoleh diukur dalam bentuk peratusan. Penilaian tahap skor peratusan adalah seperti dalam Jadual 3.3.

Jadual 3.3 Penilaian tahap skor peratusan

Jumlah skor	Tahap penglibatan		
	Tinggi (80% - 100%)	Sederhana (50%-79%)	Rendah (bawah 50%)
5(pemerhatian) X 3(skor yang diperoleh) = 15 15 / 15 X 100 = 100%	Murid menunjukkan purata penglibatan yang sepenuhnya dan tidak memerlukan bantuan guru di dalam aktiviti bilik darjah.	Murid menunjukkan purata penglibatan yang sedikit dan memerlukan bantuan guru di dalam aktiviti bilik darjah.	Murid menunjukkan purata penglibatan yang sedikit atau tidak melibatkan diri langsung serta memerlukan bantuan guru di dalam aktiviti bilik darjah.

3.9.2 Analisis Data Temu Bual

Maklumat daripada temu bual dianalisis mengikut kaedah kualitatif berdasarkan persoalan kajian. Data temu bual disusun bagi mendapatkan pelbagai kategori dan dimensi. Data temu bual dianalisis bagi mencari makna dan maklumat yang diperoleh dapat dipersembahkan secara tersusun. Terdapat beberapa langkah yang perlu diikuti untuk mengkoding. Pertama, data temu bual dikodkan mengikut kategori tertentu seperti isu, topik, konsep dan usul. Kedua, data dikodkan mengikut perenggan tertentu. Ketiga, setelah data-data tersebut dikumpulkan barulah pengkaji memproses dan memilih data yang diperlukan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun

Data temu bual kajian ini telah dikumpul dan direkodkan berdasarkan kepada tema yang berkaitan dengan persoalan kajian. Terdapat lima tema utama iaitu mengenai tahap penglibatan murid bermasalah pendengaran (2 soalan), tingkah laku murid di dalam kelas (2 soalan), tumpuan murid ketika pengajaran guru (1 soalan), pelaksanaan kerja bertulis (4 soalan) dan halangan dan dorongan kepada penglibatan murid di dalam aktiviti bilik darjah (2 soalan).

Bagi mendapatkan pengesahan data temu bual, pengkaji telah meminta guru-guru yang ditemu bual menyemak semula transkrip temu bual yang telah disediakan oleh pengkaji. Pengkaji juga telah meminta murid-murid yang ditemu bual untuk menyemak semula dan mengesahkan transkrip temu bual yang disediakan oleh pengkaji. Kaedah pengesahan data temu bual ini dinamakan sebagai *peer checking*. Di samping itu juga, data temu bual dibandingkan dengan data yang diperoleh daripada pemerhatian pengkaji. Kesimpulan yang diperoleh daripada kedua-dua data berkenaan ada persamaan dari segi tema dan sub-sub tema yang telah dibina.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Maklumat daripada temu bual dianalisis mengikut kaedah kualitatif berdasarkan persoalan kajian. Data temu bual yang dirakamkan ditranskripsikan ke dalam bentuk verbatim. Proses transkripsi melibatkan penyalinan semula verbatim setiap perkataan yang dinyatakan oleh responden dalam temu bual yang dijalankan. Seterusnya, proses reduksi dilakukan dengan memotong mana-mana data yang dirasakan tidak memberi makna kepada kajian atau tiada kaitan dengan persoalan kajian.

3.10 KESIMPULAN

Di dalam bab ini pengkaji telah membincangkan dengan terperinci berkenaan reka bentuk kajian, instrumen kajian yang akan digunakan dan jumlah sampel yang digunakan. Tidak ketinggalan, pengkaji juga menjelaskan tentang prosedur pelaksanaan tatacara pengumpulan data serta penganalisisan data.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB IV

DAPATAN KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Dalam bab ini pengkaji membuat laporan, menjelas dan membincangkan keputusan analisis data yang telah dikumpulkan melalui dua alat kajian yang digunakan iaitu protokol temu bual dan senarai semak pemerhatian. Hasil dapatan daripada pemerhatian dan temu bual dalam kajian ini dipersembahkan dan dibincangkan berdasarkan kepada objektif kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2 PENGLIBATAN MURID BERMASALAH PENDENGARAN DI DALAM AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BILIK DARJAH

Dapatan daripada hasil pemerhatian dan temu bual mengenai penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah dihuraikan secara keseluruhan dan mengikut mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu dan Matematik.

4.2.1 Penglibatan Murid Bermasalah Pendengaran di dalam Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran Bilik Darjah Mata Pelajaran Bahasa Melayu

Analisis data berikut adalah dapatan daripada pemerhatian di dalam aktiviti bilik darjah bagi mata pelajaran Bahasa Melayu. Terdapat lima aspek penglibatan di dalam aktiviti bilik darjah yang diperhatikan oleh pengkaji. Aspek-aspek penglibatan tersebut ialah: i) menawarkan penglibatan secara bebas, ii) menghormati peraturan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun

bilik darjah, iii) persediaan peralatan pembelajaran, iv) kerja bertulis di papan putih dan v) kerja bertulis (lembaran kerja).

Aspek pertama penglibatan di dalam aktiviti bilik darjah yang dilihat oleh pengkaji ialah menawarkan penglibatan secara bebas. Pengkaji telah mendapati bahawa di dalam aspek tersebut murid M1 dan M2 menunjukkan tahap penglibatan yang tinggi. Sepanjang pemerhatian pengkaji ketika aktiviti pengajaran dan pembelajaran dijalankan, kedua-dua murid ini sentiasa menawarkan diri secara sukarela untuk melibatkan diri dalam perbincangan kelas. Selain itu, pengkaji juga mendapati murid sentiasa memberikan tindak balas secara lisan dan mengangkat tangan untuk menjawab soalan atau bertanya soalan tanpa menunggu disuruh oleh guru. Berbeza pula dengan subjek kajian M3 dan M4. Kedua-dua murid tersebut menunjukkan penglibatan yang sederhana sahaja. Berdasarkan kepada pemerhatian pengkaji, subjek kajian M3 dan M4 ini sentiasa memerlukan galakan daripada guru untuk melibatkan diri dalam perbincangan kelas. Mereka tidak begitu aktif untuk menjawab pertanyaan guru. Mereka hanya menjawab soalan setelah diminta oleh guru. Pengkaji tidak pernah melihat mereka menawarkan diri secara sukarela.

Aspek penglibatan kedua yang diperhatikan oleh pengkaji ialah menghormati peraturan bilik darjah. Penglibatan keempat-empat murid di dalam menghormati peraturan bilik darjah adalah sederhana sahaja. Ini kerana sepanjang lima kali pemerhatian, subjek kajian M1, M2, M3 dan M4 menunjukkan sedikit tingkah laku yang melanggar peraturan bilik darjah. Antara tingkah laku negatif yang subjek kajian ini sering lakukan ialah tidak mendengar pengajaran guru, membuat bising di dalam kelas dan bercakap-cakap dengan rakan ketika guru mengajar. Misalnya subjek kajian M1, M2 dan M3 suka bercakap-cakap terutamanya apabila guru tidak melihat ke arah mereka. Subjek kajian M4 pula akan berjalan-jalan di belakang kelas dan mengacau rakan yang lain apabila guru menulis di papan putih. Kadang-kadang pengkaji mendapati subjek kajian M4 mengganggu rakan di sebelahnya ketika guru sedang asyik memberikan penerangan di hadapan kelas.

Semasa pemerhatian pengajaran dijalankan terhadap aspek persediaan peralatan pembelajaran, pengkaji mendapati keempat-empat subjek kajian murid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bermasalah pendengaran menunjukkan penglibatan yang tinggi. Setiap kali pemerhatian dilakukan, subjek kajian M1, M2, M3 dan M4 sentiasa hadir ke kelas dengan semua peralatan pembelajaran yang diperlukan seperti buku kerja, buku tulis, buku teks dan alat tulis. Apabila guru meminta mereka mengeluarkan buku teks atau buku latihan, keempat-empat subjek kajian ini akan sentiasa bersedia dengan buku teks ataupun buku latihan masing-masing. Pengkaji memerhatikan bahawa tidak ada seorang pun subjek kajian yang memberikan alasan tertinggal buku di rumah. Selain itu, keempat-empat subjek kajian ini juga sentiasa bersedia dengan alat tulis yang lengkap. Pernah sekali guru meminta murid untuk mengeluarkan gam dan gunting untuk aktiviti yang diberikan, mereka dapat menyediakannya tanpa meminjam daripada guru mahupun rakan-rakan yang lain.

Bagi penglibatan murid di dalam kerja bertulis (latihan di papan putih), pengkaji perhatikan terdapat subjek kajian yang menunjukkan penglibatan yang tinggi dan ada juga yang menunjukkan penglibatan yang sederhana. Subjek kajian yang menunjukkan penglibatan yang tinggi adalah subjek kajian M1 dan M2. Kedua-dua orang murid ini dilihat sentiasa menawarkan diri untuk membuat latihan atau menjawab secara lisan setiap kali guru memberikan latihan di papan putih. Mereka juga diperhatikan sering berlumba-lumba antara satu sama lain untuk menjawab soalan yang diberikan guru. Pengkaji juga mendapati subjek kajian M1 dan M2 ini begitu yakin ketika memberikan jawapan. Berbeza pula dengan subjek kajian M3 dan M4. Mereka menunjukkan penglibatan yang sederhana sahaja. Pengkaji memerhatikan bahawa kedua-dua orang murid ini hanya akan membuat latihan atau menjawab secara lisan latihan di papan putih selepas dipanggil oleh guru. Sekiranya guru tidak memanggil nama mereka untuk membuat latihan di papan putih, mereka hanya duduk diam dan memerhatikan sahaja rakan-rakan lain menjawab soalan tersebut.

Aspek penglibatan yang terakhir diperhatikan oleh pengkaji ialah di dalam aktiviti kerja bertulis (lembaran kerja). Berdasarkan kepada pemerhatian yang dilakukan, pengkaji mendapati subjek kajian M1 dan M3 menunjukkan penglibatan yang sederhana. Setiap kali guru memberikan lembaran kerja, subjek kajian M1 dan M3 hanya menyiapkan separuh sahaja lembaran kerja yang diberikan oleh guru di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun

ptbupsi

dalam kelas. Mereka jarang sekali menyiapkan kesemua latihan yang diberikan oleh guru. Manakala dua orang subjek kajian lagi iaitu murid M2 dan M4 pula menunjukkan penglibatan yang rendah. Kedua-dua murid tersebut tidak menyiapkan langsung lembaran kerja yang diberi oleh guru di dalam kelas. Pengkaji memerhatikan subjek kajian M2 dan M4 ini banyak bercakap-cakap dengan rakan di sebelahnya berbanding menyiapkan latihan yang diberi oleh guru. Hal ini terjadi di dalam setiap pemerhatian pengkaji.

4.2.2 Penglibatan Murid Bermasalah Pendengaran di dalam Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran Bilik Darjah Mata Pelajaran Matematik

Perbincangan berikutnya adalah mengenai analisis dapatan daripada pemerhatian terhadap penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti bilik darjah bagi mata pelajaran matematik. Hasil pemerhatian di dalam aspek menawarkan penglibatan secara bebas menunjukkan bahawa subjek kajian M1, M2 dan M3 menunjukkan penglibatan yang tinggi. Ketiga-tiga orang murid ini amat aktif dalam perbincangan kelas. Mereka tidak memerlukan galakan sama ada daripada guru mahupun rakan-rakan sekelas untuk melibatkan diri apabila guru bertanyakan soalan. Pengkaji mendapati ketiga-tiga orang murid ini secara sukarela memberikan tindak balas secara lisan dan pergerakan fizikal seperti mengangkat tangan untuk menjawab soalan atau bertanya soalan. Hanya seorang murid sahaja yang melibatkan diri secara sederhana iaitu subjek kajian M4. Pengkaji memerhatikan bahawa murid ini memerlukan galakan sama ada daripada guru ataupun rakan-rakannya untuk melibatkan diri di dalam perbincangan kelas. Murid ini kurang menggalakkan dirinya untuk menjawab soalan mahupun bertanyakan soalan secara sukarela kepada gurunya.

Berdasarkan kepada pemerhatian dalam menghormati peraturan bilik darjah, didapati keempat-empat subjek kajian murid bermasalah pendengaran ini menunjukkan penglibatan yang sederhana. Mereka tidak memberikan tumpuan yang sepenuhnya kepada pengajaran guru. Pengkaji memerhatikan bahawa subjek kajian M1, M2, M3 dan M4 tidak mendengar pengajaran guru tetapi sebaliknya membuat bising dengan bercakap-cakap dengan rakan di sebelah mereka. Subjek kajian M4 sering berjalan-jalan di dalam kelas apabila guru tidak melihatnya. Hal ini turut

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terjadi ketika pemerhatian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Bagi subjek kajian M1dan M2 pula, pengkaji mendapati mereka sering bercakap-cakap sesama mereka tidak kira sama ada guru sedang memberikan penerangan di hadapan kelas mahupun ketika guru tidak melihat mereka. Keadaan ini menyebabkan guru Matematik tersebut terpaksa memberhentikan sebentar pengajaran dan menegur tingkah laku mereka yang sememangnya mengganggu murid-murid lain.

Pemerhatian ke atas aspek persediaan peralatan pembelajaran pula mendapati kesemua subjek kajian dalam kajian ini menunjukkan tahap penglibatan yang tinggi. Mereka sentiasa membawa peralatan pembelajaran yang diperlukan oleh guru. Pengkaji melihat bahawa subjek kajian M1,M2, M3 dan M4 sentiasa bersedia dengan alat tulis, buku teks dan buku latihan apabila diminta oleh guru mereka. Tidak ada seorang pun daripada mereka memberikan alasan tertinggal buku di rumah mahupun buku hilang. Sepanjang lima kali pemerhatian oleh pengkaji, kesemua subjek kajian tidak memberikan masalah dari segi menyediakan peralatan pembelajaran mereka sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam aspek penglibatan latihan di papan putih pula, pengkaji mendapati tiga orang subjek kajian menunjukkan penglibatan yang sederhana. Murid-murid tersebut ialah M1, M2 dan M4. Hanya subjek kajian M3 yang menunjukkan penglibatan yang tinggi. Sepanjang pemerhatian, pengkaji mendapati murid M1, M2 dan M4 hanya membuat latihan mahupun menjawab secara lisan latihan di papan putih selepas dipanggil oleh guru. Sekiranya guru tidak memanggil nama mereka, pengkaji memerhatikan bahawa ketiga-tiga subjek kajian tersebut hanya mendiamkan diri dan memandang antara satu sama lain. Berbeza pula halnya dengan subjek kajian M3 yang begitu aktif menawarkan diri untuk membuat latihan atau menjawab secara lisan latihan di papan putih. Setiap kali guru mengajukan soalan, murid M3 ini akan menawarkan diri untuk menjawabnya.

Akhir sekali pemerhatian ke atas aspek penglibatan latihan bertulis (lembaran kerja) telah mendapati tiga orang subjek kajian iaitu M1, M2 dan M3 menunjukkan penglibatan yang tinggi. Berdasarkan kepada pemerhatian pengkaji, ketiga-tiga murid tersebut begitu tekun menyiapkan semua lembaran kerja yang diberikan oleh guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mereka di dalam kelas. Setiap kali pemerhatian dilakukan, ketiga-tiga subjek kajian tersebut pasti akan menyiapkan lembaran kerja yang diberikan oleh guru. Hanya subjek kajian M4 sahaja yang menunjukkan penglibatan sederhana. Sepanjang lima kali pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji, murid ini hanya melengkapkan separuh daripada lembaran kerja yang diberikan oleh guru. Subjek kajian M4 ini tidak pernah menyiapkan kerjanya. Kebanyakan masanya dihabiskan dengan melihat keluar kelas dan bersembang dengan rakan di sebelahnya.

4.3 PANDANGAN GURU TERHADAP PENGLIBATAN MURID BERMASALAH PENDENGARAN DALAM AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BILIK DARJAH

Perbincangan seterusnya mengenai analisis dapatan temu bual yang dijalankan oleh pengkaji bersama guru Bahasa Melayu dan Matematik yang mengajar murid bermasalah pendengaran di dalam kajian ini. Temu bual ini dilakukan bagi mendapatkan pandangan guru terhadap penglibatan murid bermasalah pendengaran dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah. Kajian ini telah menemukan enam aspek mengenai pandangan guru terhadap penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah iaitu: (i) penglibatan murid secara keseluruhan, (ii) perbezaan penglibatan berdasarkan alat bantu pendengaran, (iii) tingkah laku murid, (iv) tumpuan dalam pengajaran dan pembelajaran, (v) kerja bertulis (lembaran kerja) dan (vi) kerja bertulis (papan putih).

4.3.1 Penglibatan Murid Secara Keseluruhan

Berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan, kedua-dua orang guru yang ditemu bual berpendapat bahawa penglibatan murid bermasalah pendengaran secara keseluruhannya adalah sederhana. Guru Bahasa Melayu (GBM) menyatakan bahawa penglibatan murid di dalam kelas kadang-kadang aktif dan kadang-kadang tidak aktif. Ini bergantung pada aktiviti yang diberikan oleh guru. Beliau menjelaskan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"...yang saya nampak murid-murid ni bila bagi sesuatu kerja nampak diorang aktif. Ada masa-masanya aktif dan ada kalanya diorang bersikap slow sikitlah.....sederhanalah..."(GBM)

Guru Matematik (GM) pula berpendapat murid akan tertarik untuk melibatkan diri di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah jika guru menggunakan pendekatan pengajaran yang berbentuk visual. Sekiranya guru hanya menggunakan bahasa isyarat dan bahasa lisan sahaja dalam pengajaran, murid tidak akan menumpukan perhatian kepada pengajaran guru. Guru Matematik turut menekankan kepentingan penggunaan bahan bantu mengajar untuk membantu meningkatkan penglibatan murid. Beliau menerangkan,

"...kalau secara keseluruhan penglibatan diorang ni kalau kita bagi sederhanalah. Dalam 80%. Nak sampai 90% pun kadang susah. Diorang bila tak dengar...jadi kita...diorang banyak menumpukan pada penglihatan jadi kalau kita ada satu macam benda yang visual yang diorang boleh nampak mungkin diorang boleh menarik la. Kalau tak ada visual...kalau setakat kod saja dan kita cakap...itu yang diorang tak boleh tumpu tu..." (GM)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.2 Perbezaan Penglibatan Berdasarkan Alat Bantu Pendengaran

Dapatan yang diperoleh daripada temu bual bersama guru Bahasa Melayu ada menunjukkan perbezaan tahap penglibatan di antara murid yang tidak memakai alat bantu pendengaran dengan yang memakai alat bantu pendengaran jenis belakang telinga (BTE). Murid yang memakai alat BTE lebih aktif di dalam melibatkan diri di dalam perbincangan kelas. Perbezaan penglibatan dinyatakan oleh guru seperti berikut:

"Ada perbezaan. Mungkin sebab masalah pendengaran diorang tu...Yang memakai alat biasa ni diorang lebih ada tumpuan sikit..." (GBM)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun begitu, jawapan yang diberikan oleh guru Matematik pula berbeza sedikit daripada guru Bahasa Melayu. Guru Matematik menyatakan tiada perbezaan dari segi tahap penglibatan murid bermasalah pendengaran yang terlibat di dalam kajian ini. Guru tersebut menyatakan semua murid daripada dua kumpulan tersebut sama sahaja penglibatan. Tidak ada penglibatan yang tinggi mahupun rendah. Berikut adalah hasil temu bual yang telah dijalankan.

> *"Takde perbezaan. Lebih kurang sama saja yang pakai alat bantu dengan yang tak pakai." (GM)*

4.3.3 Tingkah Laku Murid

Bagi penglibatan murid bermasalah pendengaran dari aspek tingkah laku, guru Bahasa Melayu memberitahu bahawa tingkah laku murid dalam menghormati peraturan bilik darjah bergantung pada diri murid itu sendiri. Terdapat murid yang memberikan perhatian dan ada murid yang suka mengacau kawan di dalam kelas ketika aktiviti pengajaran dan pembelajaran sedang berlangsung. Apabila ditanya mengenai tingkah laku negatif yang sering ditunjukkan oleh murid bermasalah pendengaran, guru Bahasa Melayu memberitahu antara tingkah laku tersebut ialah bercakap-cakap dan mengacau kawan ketika guru sedang mengajar. Beliau menerangkan:

> *"Tingkah laku murid-murid ni dalam kelas tengok atas murid itu sendiri. Ada yang beri perhatian, ada yang suka mengacau kawan." ....Contohnya.....suka kacau kawan, suka bercakap-cakaplah." (GBM)*

Manakala guru Matematik pula berpendapat tingkah laku negatif yang ditunjukkan oleh murid bermasalah pendengaran ialah suka bercerita sesama sendiri, tengok keluar kelas dan berjalan-jalan di dalam kelas. Guru Matematik seterusnya memberitahu:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"Tingkah laku negatif ni biasa yang berlakunya diorang tak tumpu perhatian....diorang bercerita sesama diorang.....sat tak tengok kat kita, tengok keluar....diorang boleh berjalan lagi, bangun, berjalan kan."
(GM)

4.3.4 Tumpuan dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Dari aspek tumpuan terhadap pengajaran guru pula, guru Bahasa Melayu memberitahu bahawa tumpuan hanya diberikan di awal pengajaran sahaja dan selepas itu tidak memberikan tumpuan sepanjang tempoh pengajaran. Guru Bahasa Melayu ini berpendapat kemungkinan murid tidak suka dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran guru dan juga disebabkan sikap tidak mahu mencuba aktiviti yang diberikan oleh guru.

"Masa pertama tu permulaan p&p kita, diorang beri tumpuan lah..... sepanjang satu jam tu pastu banyak yang tak beri tumpuan..." (GBM)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Guru Matematik pula menyatakan bahawa tumpuan semua murid bermasalah pendengaran adalah lebih kurang sama sahaja tidak kira sama ada mereka memakai alat bantu pendengaran mahupun tidak memakai alat. Namun begitu, murid yang masih ada saki baki pendengaran lebih memberikan tumpuan berbanding murid yang tidak dapat mendengar langsung.

"Macam saya cerita tadi la yang saya tengok yang tak pakai alat, yang pakai hearing aid.....kalau saya tengok..dari segi tumpuan dia tu arr...lebih kurang sama saja sebenarnya. Tidak ada nampak kalau yang pakai hearing aid tu lebih tumpuan. Tak...lebih kurang sama je. Cuma yang beza sikitnya tadi la yang ada saki baki pendengaran arr...itu dia ada tumpuan lebih."
(GM)

Guru Matematik ini juga memberitahu bahawa murid bermasalah pendengaran ini lebih menumpukan perhatian dalam mata pelajaran Matematik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

disebabkan oleh kurang penggunaan ayat berbanding subjek lain yang banyak menggunakan ayat.

> *"Matematik ni arr...saya dok tengok arr...murid-murid ni dia interested. Dia ada minat sikit pada nombor. Sebab memang Matematik ni ada ayat dia. Tapi, arr...kebanyakannya nombor dan operasi kan. Jadi, budak-budak ada interested so diorang tumpukan perhatian...diorang tengok la juga. Sebab ada...saya ada juga mengajar Sains. Saya perhati Sains ni banyak ayat sikit. Jadi diorang kurang...less interested" (GM)*

4.3.5 Kerja Bertulis (Lembaran Kerja)

Berdasarkan kepada hasil temu bual mengenai kerja bertulis (lembaran kerja) pula didapati kedua-dua orang guru (GM dan GBM) menyatakan kebanyakan murid tidak melengkapkan kerja bertulis yang diberikan oleh guru di dalam kelas. Kedua-dua orang guru tersebut turut menyatakan bahawa murid bermasalah pendengaran di dalam kajian ini perlu dibimbing untuk menyiapkan kerja bertulis yang diberi. Sekiranya guru tidak memberikan bimbingan kepada mereka sudah tentu kerja tersebut tidak disiapkan. Berikut adalah petikan ayat guru yang menerangkan mengenai penglibatan murid di dalam kerja bertulis (lembaran kerja).

> *"Selalunya tidak. Sebabnya...arr apa ni kita kena banyak beri bimbingan lah pada budak ni. Memang tak lengkap kalau buat aktiviti." (GBM)*

> *"Kena...kena tolong, bantu diorang. Kalau kita bagi-bagi biarkan memang tak kan siap. Memang tak lengkap punya." (GM)*

4.3.6 Kerja Bertulis (Papan Putih)

Seterusnya, dapatan yang diperoleh daripada temu bual bersama guru Bahasa Melayu mengenai penglibatan murid bermasalah pendengaran berdasarkan kerja bertulis (papan putih) mendapati terdapat murid yang aktif di dalam aktiviti kerja bertulis di papan putih dan ada juga murid yang tidak aktif. Penglibatan aktif murid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ini bergantung kepada minat mereka terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang diberikan oleh guru. Selain itu, murid-murid akan melibatkan diri secara aktif sekiranya mereka tahu membuat latihan yang diberikan oleh guru.

> "*Ada yang aktif dan ada yang tak aktif. Mana p&p yang diorang suka diorang boleh dia aktiflah nak buat. Kalau macam diorang tak tau diorang tak kan buat." (GBM)*

Guru Matematik pula memberitahu bahawa murid suka melakukan aktiviti kerja bertulis di papan putih apabila berjaya menjawab soalan yang diajukan dengan betul. Sekiranya guru memberikan penghargaan kepada jawapan yang betul akan membuatkan murid lebih suka melibatkan diri di dalam aktiviti kerja bertulis di papan putih.

> *"....bila diorang boleh jawab kat depan....diorang ada rasa proud....bangga...sebab semua orang tengok dia boleh jawab. Itu diorang suka aktiviti kat papan putih....mungkin bila tu, kita bagi penghargaan dia rasa proud la dia boleh jawab." (GM)*

Rumusan keseluruhan data temu bual mengenai pandangan guru terhadap penglibatan murid bermasalah pendengaran dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah dapat dilihat dalam Jadual 4.1 berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.1 Rumusan pandangan guru terhadap penglibatan murid bermasalah pendengaran dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah.

Pandangan guru	Sub tema	Peserta Kajian
Penglibatan murid secara keseluruhan	• Sederhana.	GM dan GBM
	• Kadang-kadang aktif kadang-kadang tak aktif.	GBM
	• Lebih melibatkan diri sekiranya guru menggunakan pendekatan pengajaran secara visual.	GM
Perbezaan penglibatan berdasarkan alat bantu pendengaran	• Terdapat perbezaan penglibatan.	GBM
	• Tidak terdapat perbezaan penglibatan.	GM
Tingkah laku	• Tidak memberikan perhatian.	GM dan GBM
	• Suka mengacau kawan.	GM
	• Bercakap-cakap ketika guru mengajar.	GM
	• Berjalan-jalan di dalam kelas.	GM
	• Melihat keluar kelas.	GM
Tumpuan dalam pengajaran dan pembelajaran	• Memberikan perhatian dalam waktu yang singkat.	GBM
Kerja bertulis (lembaran kerja)	• Perlu dibimbing oleh guru.	GM dan GBM
	• Tidak menyiapkan kerja yang diberi.	
Kerja bertulis (papan putih).	• Ada yang aktif dan ada yang tak aktif.	GBM
	• Murid akan lebih aktif kalau minat terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang diberikan.	
	• Murid akan lebih aktif kalau dapat jawab soalan dengan betul dan ada galakan daripada guru.	GM

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4 FAKTOR PENGGALAK PENGLIBATAN MURID BERMASALAH PENDENGARAN DI DALAM AKTIVITI BILIK DARJAH

Dapatan kajian yang dibincangkan di bawah adalah hasil temu bual pengkaji bersama guru Bahasa Melayu dan Matematik yang mengajar murid bermasalah pendengaran di dalam kajian ini mengenai faktor-faktor yang boleh menjadi penggalak kepada penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti bilik darjah. Dapatan ini turut membincangkan hasil temu bual bersama tiga orang murid bermasalah pendengaran mengenai faktor penggalak kepada penglibatan mereka di dalam aktiviti bilik darjah.

4.4.1 Faktor penggalak penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti bilik darjah

Berdasarkan kepada dapatan hasil temu bual bersama dua orang guru dan tiga orang murid bermasalah pendengaran di dalam kajian ini mendapati terdapat beberapa faktor yang menjadi penggalak kepada penglibatan murid di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah. Analisis data ini menunjukkan bahawa faktor penggalak kepada penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah ialah: i) pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang digunakan guru, ii). minat murid terhadap satu-satu mata pelajaran, iii) perhatian dan galakan daripada guru, iv) penggunaan alat bantu mengajar yang menarik, v) kefahaman terhadap pengajaran guru dan vi) galakan daripada rakan sekelas.

a. Pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran yang Digunakan Guru

Hasil analisis temu bual yang dilakukan telah menemukan bahawa pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh guru menyumbangkan kepada faktor penggalak kepada penglibatan murid di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah. Hal ini dinyatakan oleh seorang subjek kajian sahaja iaitu guru Bahasa Melayu. Guru Bahasa Melayu ini memberitahu bahawa pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh guru boleh menggalakkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penglibatan aktif murid di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan.

> *"Yang pertamanya penggalak ye..tengok dari segi p&p cikgulah. Ataupun bidang pelajaran tu lah...." (GBM)*

b. Minat Murid Terhadap Satu-satu Mata Pelajaran

Minat murid terhadap satu-satu mata pelajaran juga menyumbang kepada galakan untuk murid bermasalah pendengaran melibatkan diri dengan lebih aktif di dalam aktiviti bilik darjah. Berdasarkan temu bual yang dijalankan, guru Bahasa Melayu menyatakan murid bermasalah pendengaran biasanya lebih berminat kepada mata pelajaran yang kurang melibatkan penggunaan bahasa. Guru Bahasa Melayu ini juga menyatakan murid cepat merasa bosan dengan mata pelajaran yang banyak menggunakan bahasa di mana beliau menyatakan:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

> *"...benda yang tak perlu banyak menggunakan bahasa. Tapi kalau yang melibatkan bahasa contoh BM, BI diorang akan rasa boring..." (GBM)*

Guru Matematik juga berpendapat bahawa minat murid kepada satu-satu mata pelajaran mempengaruhi penglibatan aktif murid di dalam bilik darjah. Beliau juga turut bersetuju dengan guru Bahasa Melayu yang menyatakan murid bermasalah pendengaran lebih berminat pada mata pelajaran yang kurang menggunakan bahasa. Ini jelas dalam pernyataan beliau di bawah:

> *"Kebanyakan budak-budak dia interested in Matematik. Dia minat pada nombor-nombor, kiraan ni dia minat. Cuma nya...arr...bila melibatkan bahasa...diorang lemah la sikit..." (GM)*

Hasil temu bual bersama murid bermasalah pendengaran turut mendapati minat terhadap mata pelajaran tertentu mempengaruhi penglibatan mereka dalam aktiviti bilik darjah. Apabila ditanya mengenai minat di antara mata pelajaran Bahasa Melayu dengan Matematik dua orang murid menyatakan lebih meminati mata

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelajaran Bahasa Melayu berbanding Matematik. Murid 2 memberitahu beliau meminati Bahasa Melayu kerana dia tahu membuat latihan dan lebih senang daripada Matematik. Bagi beliau:

> *"Murid membuat isyarat bahasa. Matematik susah banyak. Bahasa Melayu tahu buat dan senang." (M2)*

Seorang murid lagi yang meminati mata pelajaran Bahasa Melayu memberitahu bahawa dia suka Bahasa Melayu kerana senang. Lagipun beliau suka membuat ayat dan memberitahu Matematik susah terutamanya yang melibatkan kemahiran bahagi. Beliau menjelaskan:

> *"Murid buat isyarat Bahasa Melayu. Murid membuat isyarat senang. Suka buat ayat. Murid menggelengkan kepala dan membuat isyarat susah untuk Matematik. Murid memberitahu bahagi susah." (M3)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala seorang daripada tiga orang murid yang ditemu bual menyatakan lebih meminati mata pelajaran Matematik. Murid ini memberitahu bahawa mata pelajaran Bahasa Melayu susah untuk dipelajari. Murid tersebut juga menyatakan Matematik senang dan beliau suka membuat latihan operasi tolak, tambah dan bahagi.

> *"Murid membuat isyarat Matematik. Murid membuat isyarat suka sedikit untuk subjek Bahasa Melayu. Murid menunjukkan isyarat susah untuk Bahasa Melayu. Murid membuat isyarat Matematik senang dan murid suka tolak, tambah dan bahagi..." (M1)*

c. Perhatian dan Galakan daripada Guru

Faktor penggalak seterusnya ialah murid suka sekiranya guru memberikan perhatian yang lebih kepada mereka. Hal ini dinyatakan oleh kedua-dua orang guru yang ditemu bual.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"Perlukan perhatian dan kalau kita asyik marah-marah dalam kelas pun dia tension kan..." (GBM)

"... kalau kita beri perhatian kat dia, ok dia(murid) buat cantik..." (GM)

Guru Bahasa Melayu turut memberikan pendapat bahawa sekiranya guru lebih berkomunikasi dengan murid dan suka memberikan pujian, sokongan serta penghargaan setiap kali mereka melibatkan diri di dalam aktiviti bilik darjah akan meningkatkan penglibatan mereka.

"Kalau kita berkomunikasi, melayan diorang kan. ... Kalau kita puji, bagikan sokongan ataupun kita bagikan token kat diorang, diorang suka la..." (GBM)

d. Penggunaan Alat Bantu Mengajar yang Menarik

Faktor penggalak seperti penggunaan bahan bantu pengajaran yang banyak dan menarik oleh guru akan menggalakkan penglibatan yang aktif daripada murid untuk menyertai aktiviti yang disediakan. Hal ini dinyatakan oleh guru Bahasa Melayu dan guru Matematik yang ditemu bual.

"Kalau kita ada bahan banyak, p&p menarik, diorang akan minatlah untuk belajar." (GBM)

"...kena tarik minat la...minat budak untuk...kepada apa yang kita ajar tu... ABM yang lebih menarik minat diorang la..." (GM)

Guru Matematik turut memberitahu penggunaan alat bantu mengajar yang berbentuk visual membantu menggalakkan penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti bilik darjah. Menurut guru Matematik ini lagi, disebabkan murid bermasalah pendengaran mempunyai kesukaran untuk mendengar maka mereka lebih banyak menumpukan kepada visual untuk belajar. Ini dikesan melalui pernyataan beliau seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"Arr...faktornya macam tadi la...kita lebihkan visual..." (GM)

e. Kefahaman Terhadap Pengajaran Guru

Faktor penggalak yang didapati daripada temu bual bersama murid telah mendapati kefahaman terhadap pengajaran guru menggalakkan lagi penglibatan mereka di dalam aktiviti bilik darjah. Apabila ditanya mengenai sama ada murid faham apa yang guru ajar di dalam kelas, kesemua subjek kajian memberikan jawapan bahawa mereka faham apa yang guru ajar. Pengkaji mendapati ketiga-tiga orang murid memberikan jawapan yang sama iaitu dengan menganggukkan kepala menunjukkan mereka faham apa yang diajar oleh guru di dalam kelas. Kesemua murid ini menyatakan:

"Murid menganggukkan kepala tanda faham apabila ditanya tentang pengajaran guru". (M1, M2 dan M3)

f. Bantuan daripada Rakan Sekelas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Akhir sekali pengkaji mendapati murid bermasalah pendengaran di dalam kajian ini melibatkan diri di dalam aktiviti bilik darjah apabila ada bantuan daripada rakan-rakan sekelas. Ketiga-tiga murid yang ditemu bual memberitahu bahawa rakan-rakan di dalam kelas ada membantu mereka di dalam membuat kerja yang diberikan oleh guru. Bantuan yang diterima dinyatakan samaada meniru isyarat atau dengan anggukan kepala untuk menunjukkan betul seperti yang dinyatakan di bawah:

"Murid menganggukkan kepala." (M1)

"Murid buat isyarat Thiru, Zhou Yang dan Izzatul." (M2)

"Murid membuat isyarat ada dan menganggukkan kepala." (M3)

Jadual 4.2 berikut adalah rumusan daripada hasil temu bual mengenai faktor penggalak penglibatan murid bermasalah pendengaran dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2 Rumusan hasil temu bual mengenai faktor penggalak penglibatan murid bermasalah pendengaran dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah.

Faktor penggalak	Subjek Kajian
Pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang digunakan guru	GBM
Minat murid terhadap satu-satu mata pelajaran	GBM, GM, M1, M2 dan M3
Perhatian dan galakan daripada guru	GBM dan GM
Penggunaan alat bantu mengajar yang menarik	GBM dan GM
Kefahaman terhadap pengajaran guru	M1, M2 dan M3
Bantuan daripada rakan sekelas	M1, M2 dan M3

4.5 FAKTOR PENGHALANG PENGLIBATAN MURID BERMASALAH PENDENGARAN DI DALAM AKTIVITI BILIK DARJAH

Analisis dapatan seterusnya adalah hasil temu bual pengkaji bersama dua orang guru yang mengajar murid bermasalah pendengaran dalam kajian ini dan tiga orang murid bermasalah pendengaran mengenai faktor-faktor yang menjadi penghalang kepada penglibatan murid bermasalah pendengaran dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah.

4.5.1 Faktor penghalang penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti bilik darjah

Setelah menjalankan temu bual bersama guru dan murid bermasalah pendengaran, terdapat beberapa faktor yang telah dikenal pasti sebagai penghalang kepada penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti bilik darjah. Dapatan hasil temu bual bersama guru Bahasa Melayu dan Matematik yang mengajar murid bermasalah pendengaran di dalam kajian ini dan tiga orang murid bermasalah pendengaran telah mendapati terdapat beberapa faktor yang menjadi penghalang kepada penglibatan murid di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah. Hasil daripada analisis data temu bual tersebut mendapati bahawa faktor penghalang kepada penglibatan murid di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ialah: i) sikap murid, ii) masalah komunikasi, iii) masalah dengan alat bantu dengar iv) masalah pendengaran yang dihadapi, v) alat bantu mengajar yang kurang menarik, vi) ejekan rakan sekelas dan vii) gangguan daripada rakan sekelas.

a. Sikap Murid

Guru Bahasa Melayu di dalam kajian ini telah memberikan beberapa faktor yang menjadi penghalang kepada penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti bilik darjah. Antara faktor penghalang tersebut ialah sikap murid itu sendiri. Sikap yang menjadi penghalang kepada penglibatan murid di dalam aktiviti bilik darjah ialah dari segi minat untuk belajar, tidak tahu untuk melakukan aktiviti yang diberikan dan sikap tidak mahu mencuba. Guru tersebut turut menyatakan murid bermasalah pendengaran di dalam kajian ini tidak berusaha untuk melakukan sesuatu perkara.

> *"Penghalang mereka err.. yang pertamanya mungkin dari segi minat. Takde minat untuk belajar... tak tahu dan kemudian tak nak mencuba... Tidak berusaha untuk lakukan sesuatu." (Guru Bahasa Melayu)*

b. Masalah Komunikasi

Salah satu faktor penghalang kepada penglibatan aktif murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti bilk darjah yang didapati daripada hasil temu bual bersama guru ialah masalah komunikasi. Perkara tersebut dinyatakan oleh guru Bahasa Melayu yang mendapati hal ini terjadi disebabkan terdapat murid yang tidak tahu menggunakan kod tangan. Apabila murid tidak tahu menggunakan kod tangan yang betul, maka mereka menghadapi kesukaran untuk berkomunikasi dengan guru apabila diminta untuk menjawab soalan yang diajukan.

> *"...Tak tahu komunikasi kan...Kadang-kadang budak yang tak tahu kod tangan jadi masalah lah kat diorang..." (GBM)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

c. Masalah dengan Alat Bantu Dengar

Faktor penghalang penglibatan murid bermasalah pendengaran yang seterusnya ialah masalah dengan alat bantu pendengaran. Melalui temu bual bersama murid bermasalah pendengaran, ketiga-tiga subjek kajian menyatakan bahawa mereka mendengar bunyi bising apabila memakai alat bantu pendengaran. Subjek kajian M3 pula memberitahu bahawa beliau merasa sakit telinga apabila memakai alat bantu dengar kerana bunyi bising yang didengarinya. Ini sedikit sebanyak mengganggu tumpuan mereka di dalam pengajaran guru di bilik darjah. Subjek kajian menerangkan:

> *"Murid menunjukkan isyarat ada bunyi bising apabila memakai alat bantu dengar." (M1)*
>
> *"Murid membuat isyarat ada bunyi bising." (M2)*
>
> *"Murid membuat isyarat sakit dan bising apabila memakai alat bantu dengar." (M3)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

d. Masalah Pendengaran yang Dihadapi

Dapatan yang diperoleh daripada guru Matematik pula mendapati antara faktor penghalang penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam kajian ini ialah masalah tidak dapat mendengar yang dihadapi oleh murid itu sendiri. Walaupun ada murid yang memakai alat bantu pendengaran tetapi mereka masih tidak dapat mendengar apa yang guru katakan. Ini menyebabkan murid cepat hilang tumpuan ketika guru sedang mengajar.

> *"...satunya...arr..pasal diorang bermasalah tu la...tak dengar tu...kurang tumpuan la... (GM)*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

e. Alat Bantu Mengajar yang Kurang Menarik

Penggunaan alat bantu mengajar yang kurang menarik boleh menyebabkan murid kurang berminat untuk terlibat di dalam aktiviti bilik darjah. Kurangnya penerangan konsep yang jelas daripada guru turut menyumbang kepada ketidakfahaman murid terhadap pengajaran dan pembelajaran guru dan seterusnya menghalang murid untuk melibatkan diri di dalam aktiviti yang diberikan guru. Guru juga perlu memperbanyakkan alat bantu mengajar yang berbentuk gambar. Pendapat ini dinyatakan oleh guru Matematik yang ditemu bual.

> *"...cikgu pun kadang-kadang perlu banyakan sikit ABM yang menumpukan kepada penglihatan diorang la...kita perlu jelaskan konsep dia tu... ABMnya banyakan benda-benda yang bergambar la" (GM)*

f. Ejekan Rakan Sekelas

Faktor penghalang seterusnya ialah ejekan daripada rakan-rakan sekelas. Hal ini dinyatakan oleh kesemua murid yang ditemu bual iaitu M1, M2 dan M3. Ketiga-tiga murid ini memberitahu rakan-rakan sekelas ada mengejek mereka sekiranya salah menjawab soalan yang diberikan guru. Ejekan daripada rakan-rakan sekelas ini menyebabkan mereka merasa tidak bersemangat untuk menjawab soalan apabila ditanya oleh guru. Oleh sebab itu mereka mengambil keputusan untuk mendiamkan diri apabila disoal oleh guru. Bentuk ejekan dijelaskan oleh kajian seperti berikut:

> *"Murid menunjukkan isyarat Zhou Yang." (M1)*
>
> *"Murid membuat isyarat ada." (M2)*
>
> *"Murid membuat isyarat ada." (M3)*

g. Gangguan daripada Rakan Sekelas

Satu lagi faktor yang menjadi penghalang untuk murid bermasalah pendengaran di dalam kajian ini melibatkan diri secara aktif terutamanya di dalam mematuhi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

peraturan bilik darjah ialah ajakan rakan sekelas untuk bersembang dan mengusik ketika guru sedang mengajar. Apabila pengkaji bertanya sama ada rakan-rakan sekelas mengganggu mereka ketika guru sedang mengajar, ketiga-tiga orang murid memberitahu bahawa rakan-rakan sekelas mereka ada mengajak bersembang dan mengusik sehingga menyebabkan mereka kurang tumpuan kepada pengajaran guru. Berikut adalah respons yang diberikan oleh murid apabila ditanya mengenai sama ada rakan-rakan mengajak bersembang dan mengusik ketika guru sedang mengajar.

"Murid menunjukkan isyarat ada." (M1)

"Murid membuat isyarat ada." (M2)

"Murid mengangguk kepala dan membuat isyarat semua." (M3)

Jadual 4.3 berikut adalah rumusan daripada hasil temu bual mengenai faktor penghalang penglibatan murid bermasalah pendengaran dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.3 Rumusan hasil temu bual mengenai faktor penghalang penglibatan murid bermasalah pendengaran dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah.

Faktor penghalang	Subjek Kajian
Sikap murid	GBM
Masalah komunikasi	GBM
Masalah alat bantu dengar	GBM, M1, M2 dan M3
Masalah pendengaran yang dihadapi	GM
Alat bantu mengajar yang kurang menarik	GM
Ejekan rakan sekelas	M1, M2 dan M3
Gangguan daripada rakan sekelas	M1, M2 dan M3

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.6 KESIMPULAN

Bab ini telah membincangkan tentang dapatan kajian yang telah diperoleh daripada data pemerhatian dan temu bual. Dua orang guru khas dan empat orang murid bermasalah pendengaran telah terlibat di dalam kajian ini. Hasil daripada temu bual bersama guru khas telah menunjukkan bahawa tahap penglibatan murid adalah tidak jauh berbeza daripada dapatan hasil pemerhatian yang telah dilakukan oleh pengkaji. Setiap dapatan temu bual bersama guru dan juga murid telah dibincangkan secara mendalam dengan menyelitkan petikan-petikan sebenar seperti yang telah diujarkan oleh mereka semasa temu bual.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB V

PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

5.1 PENGENALAN

Bahagian ini membincangkan tentang dapatan hasil kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji. Perbincangan dibahagikan kepada tajuk-tajuk kecil iaitu ringkasan kajian, perbincangan dapatan kajian, implikasi kajian, cadangan kajian lanjutan dan kesimpulan. Ringkasan kajian ini membincangkan tentang keseluruhan kajian yang telah dijalankan. Perbincangan dapatan kajian pula membincangkan setiap dapatan hasil analisis data pemerhatian dan data temu bual berdasarkan kepada persoalan kajian. Implikasi kajian di bincang berdasarkan kepada tiga perkara iaitu implikasi terhadap teori, amalan dan polisi. Cadangan kajian lanjutan mengesyorkan skop-skop kajian yang boleh dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lain untuk menambah pengetahuan tentang faktor-faktor yang menjadi penggalak kepada penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti bilik darjah. Rumusan keseluruhan dapatan kajian dibincangkan dalam bahagian akhir bab ini.

5.2 RINGKASAN KAJIAN

Kajian kes ini dijalankan untuk melihat sejauh manakah tahap penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti bilik darjah bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dan Matematik. Kajian ini juga dijalankan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menjadi penggalak dan penghalang kepada penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti bilik darjah. Kaedah pengutipan data adalah melalui pemerhatian dan temu bual. Pemerhatian telah dilakukan ke atas murid bermasalah pendengaran. Manakala temu bual pula telah dijalankan ke atas guru dan murid bermasalah pendengaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Soalan-soalan kajian berikut yang telah dibina oleh pengkaji menentukan fokus dan arah tuju dalam pengumpulan data:

a. Bagaimanakah penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah?
b. Bagaimanakah pandangan guru terhadap penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah?
c. Apakah faktor penggalak kepada penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah?
d. Apakah faktor penghalang kepada penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah?

Analisis data berbentuk deskriptif telah digunakan untuk menganalisis data hasil pemerhatian. Data temu bual pula telah dibuat transkripsi verbatim. Proses tersebut terdiri daripada reduksi data, mengenal pasti tema, kategori, mengekod data, membuat interpretasi dan mensintesiskan data untuk dibuat rumusan. Secara ringkasnya hasil kajian ini mendapati bahawa tahap penglibatan murid bermasalah pendengaran secara keseluruhannya masih di tahap sederhana. Murid hanya menunjukkan penglibatan yang tinggi dalam persediaan peralatan pembelajaran dan juga latihan di papan putih bagi mata pelajaran Bahasa Melayu. Dapatan kajian juga mendapati bahawa faktor penggalak kepada penglibatan aktif murid dalam aktiviti bilik darjah adalah pendekatan pengajaran guru, minat terhadap mata pelajaran, perhatian dan galakan daripada guru, alat bantu mengajar yang menarik dan bantuan daripada rakan sekelas. Faktor penghalang pula adalah sikap murid, masalah komunikasi, masalah alat bantu pendengaran dan penggunaan alat bantu mengajar yang kurang menarik. Bahagian berikutnya akan membincangkan tentang dapatan kajian dan kesimpulan dapatan kajian, implikasi dan cadangan serta cadangan kajian lanjutan.

5.3 PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Perbincangan berikutnya adalah hasil yang diperoleh daripada analisis dapatan yang telah dibuat di dalam Bab IV. Pengkaji membincangkan hasil analisis data mengikut kepada empat persoalan kajian yang telah dikemukakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.1 Penglibatan Murid Bermasalah Pendengaran di dalam Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran Bilik Darjah

Berdasarkan kepada analisis dapatan kajian pemerhatian yang diperoleh oleh pengkaji di dalam Bab IV telah mendapati bahawa penglibatan murid bermasalah pendengaran secara keseluruhannya dari aspek menawarkan penglibatan secara bebas dan menghormati peraturan bilik darjah adalah di tahap sederhana bagi kedua-dua mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu dan Matematik. Dapatan yang diperoleh ini menunjukkan bahawa murid bermasalah pendengaran di dalam kajian ini masih lagi tidak menunjukkan tahap penglibatan yang tinggi terutamanya di dalam aspek menawarkan diri di dalam penglibatan secara bebas.

Murid bermasalah pendengaran di dalam kajian ini masih lagi memerlukan galakan dan dorongan daripada guru untuk menyuarakan pandangan dan pendapat. Hal ini ditunjukkan ketika guru mengemukakan soalan untuk dibincangkan, murid bermasalah pendengaran ini lebih gemar mendiamkan diri. Mereka tidak terus menunjukkan tindak balas seperti mengangkat tangan untuk menjawab soalan yang dikemukakan oleh guru tetapi hanya memberikan tindak balas setelah nama mereka dipanggil oleh guru. Dapatan ini menyamai kajian oleh Power dan Hyde (2002) yang menyatakan murid bermasalah pendengaran terlalu bergantung kepada guru beredar untuk menggalakkan mereka terlibat di dalam aktiviti perbincangan bilik darjah. Berdasarkan kepada kajian Power dan Hyde (2002) tersebut, didapati murid bermasalah pendengaran mempunyai perasaan kurang keyakinan untuk memberikan pandangan disebabkan oleh kekangan dalam komunikasi. Mereka takut diejek oleh rakan tipikal kerana tidak dapat menyampaikan maklumat dengan jelas.

Penglibatan yang sederhana di dalam aspek menghormati peraturan bilik darjah turut dikesan sepanjang pemerhatian pengkaji. Pengkaji sering melihat hampir kesemua murid bermasalah pendengaran di dalam kajian ini tidak memberikan tumpuan sepenuhnya kepada pengajaran guru terutama ketika di dalam bilik darjah mata pelajaran Bahasa Melayu. Mereka sering berbual-bual sesama sendiri dan mengacau rakan sekelas apabila guru sedang menulis di papan putih. Namun begitu di dalam bilik darjah mata pelajaran Matematik murid bermasalah pendengaran yang terlibat di dalam kajian ini lebih memberikan tumpuan di dalam pengajaran guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji mendapati keadaan ini mungkin disebabkan murid lebih berminat untuk belajar Matematik kerana kurang menggunakan bahasa berbanding mata pelajaran yang banyak menggunakan bahasa seperti Bahasa Melayu. Hal ini disokong dengan kajian yang dijalankan oleh Siti et al. (2007) yang mendapati murid bermasalah pendengaran lebih melibatkan diri di dalam mata pelajaran Matematik berbanding mata pelajaran bahasa disebabkan oleh kurangnya penggunaan bahasa yang menjadi penghalang untuk mereka memahami mata pelajaran tersebut.

Jika dilihat dari aspek membuat latihan di papan putih pula, murid bermasalah pendengaran di dalam kajian ini menunjukkan tahap penglibatan yang tinggi di dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Manakala di dalam mata pelajaran Matematik, tahap penglibatan mereka adalah sederhana. Berbeza pula dengan aspek membuat kerja bertulis (lembaran kerja), murid bermasalah pendengaran menunjukkan tahap penglibatan yang tinggi di dalam mata pelajaran Matematik dan tahap penglibatan yang rendah di dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Perbezaan ini mungkin disebabkan murid akan lebih melibatkan diri di dalam aktiviti di papan putih sekiranya mereka tahu menjawab soalan yang dikemukakan oleh guru. Sekiranya guru memberikan penghargaan apabila menjawab soalan dengan betul murid akan lebih bersemangat untuk melibatkan diri. Bagi aktiviti lembaran kerja pula, murid bermasalah pendengaran ini perlu dibimbing untuk menyiapkan kerja yang diberi. Sekiranya tiada bimbingan daripada guru, sudah pasti murid tidak dapat menyiapkannya.

Pengkaji pula melihat perbezaan yang diperoleh ini mungkin disebabkan oleh pendekatan pengajaran yang digunakan oleh guru Bahasa Melayu dan Matematik di dalam kajian ini. Sepanjang pemerhatian pengkaji di dalam bilik darjah telah mendapati bahawa guru Bahasa Melayu lebih banyak menggunakan alat bantu mengajar yang menarik. Manakala guru Matematik pula hanya menggunakan pendekatan pengajaran secara *talk and chalk* sahaja. Disebabkan kekurangan dari aspek mendengar, murid-murid bermasalah pendengaran lebih menumpukan kepada deria penglihatan bagi mendapatkan maklumat. Kajian yang dilakukan oleh Bellini dan Akullian (2007) misalnya mendapati, pendekatan pengajaran berbentuk visual ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

telah membantu guru mengajar murid autisme mempelajari pelbagai kemahiran dan juga menguasai akademik.

Faktor seperti galakan dan dorongan daripada guru turut memainkan peranan penting di dalam penglibatan aktif murid bermasalah pendengaran di dalam kajian ini. Sekiranya guru tidak memberikan galakan dan sering mengkritik murid apabila melakukan kesalahan akan menyebabkan motivasi murid menurun dan seterusnya menghalang murid untuk melibatkan diri di dalam perbincangan ataupun aktiviti yang dijalankan oleh guru (Turner & Patrick, 2004). Kajian yang dijalankan oleh McCain dan Antia (2005) turut menyatakan bahawa murid bermasalah pendengaran yang belajar di dalam kelas inklusif lebih yakin untuk berkomunikasi dan melibatkan diri di dalam aktiviti bilik darjah apabila guru memberikan galakan dan dorongan.

Kajian yang dijalankan oleh Gottler (2010) mengenai penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam bilik darjah Matematik pula telah mendapati murid lebih melibatkan diri secara aktif di dalam aktiviti yang diberikan sekiranya guru memberikan galakkan dan membantu murid menjalankan aktiviti tersebut. Gottler turut mendapati bahawa sekiranya murid diminta untuk melakukan aktiviti berdasarkan pembelajaran berbentuk inkuiri penemuan, murid akan menunjukkan tahap penglibatan yang rendah dan pasif. Ini seterusnya menyebabkan murid hilang tumpuan dan melakukan aktiviti sendiri dan membuat bising.

5.3.2 Pandangan Guru Terhadap Penglibatan Murid Bermasalah Pendengaran Dalam Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran Bilik Darjah

Perbincangan berikut adalah berdasarkan kepada analisis dapatan kajian hasil temu bual pengkaji bersama dua orang guru yang mengajar murid bermasalah pendengaran dalam kajian ini. Berdasarkan kepada temu bual tersebut pengkaji telah menemukan enam aspek pandangan guru terhadap penglibatan murid bermasalah pendengaran iaitu penglibatan murid secara keseluruhan, perbezaan penglibatan berdasarkan alat bantu pendengaran, tingkah laku, tumpuan dalam pengajaran dan pembelajaran, tidak melengkapkan kerja bertulis (lembaran kerja) dan suka melakukan kerja bertulis (papan putih) yang diketahui sahaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pandangan guru mengenai tingkah laku murid ketika aktiviti pengajaran dan pembelajaran berlangsung menunjukkan bahawa murid bermasalah pendengaran sering kali mengganggu rakan, bercakap-cakap sesama sendiri dan berjalan-jalan di dalam kelas. Hal ini turut dinyatakan oleh Borders et al. (2010) yang mendapati murid bermasalah pendengaran sering kali membuat bising ketika guru mengajar dan tidak mendengar arahan guru. Selain itu, murid bermasalah pendengaran ini juga kurang menumpukan perhatian ketika guru sedang mengajar. Berdasarkan kepada pandangan guru yang ditemu bual, mereka hanya memberikan tumpuan di awal pengajaran sahaja kemudian mereka mula melakukan kerja lain. Murid-murid bermasalah pendengaran ini hanya akan memberikan tumpuan yang sepenuhnya kepada pengajaran guru sekiranya mereka berminat dengan mata pelajaran tertentu.

Kajian oleh Austen dan Jeffrey (2006) telah mendapati bahawa murid yang mengalami masalah pendengaran sejak kecil akan mengalami masalah dalam tingkah laku terutamanya yang melibatkan mendengar arahan dan memberikan tumpuan. Hal ini turut disokong dengan kajian oleh Barker et al. (2009) yang mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara kehilangan pendengaran dengan masalah tingkah laku dan tumpuan murid bermasalah pendengaran. Menurut Barker et al. (2009) lagi, murid bermasalah pendengaran yang kurang menguasai bahasa komunikasi juga akan menunjukkan tingkah laku yang negatif dan kurang memberikan tumpuan terutamanya ketika sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Justeru, para guru seharusnya memantau tingkah laku murid-murid tersebut agar mereka tidak berterusan menunjukkan tingkah laku yang negatif di dalam bilik darjah. Pengurusan tingkah laku murid juga memainkan peranan dalam meningkatkan penglibatan mereka terutamanya dalam memberikan tumpuan kepada pengajaran guru.

Dari aspek penglibatan kerja bertulis (lembaran kerja), kedua-dua orang guru yang ditemu bual memberitahu bahawa murid bermasalah pendengaran ini tidak akan menyiapkan kerja yang diberikan. Mereka hanya akan dapat menyiapkan kerja-kerja yang diberi sekiranya mendapat bantuan dan bimbingan daripada guru. Sememangnya murid bermasalah pendengaran terlalu bergantung kepada guru mereka sama ada dalam aktiviti perbincangan mahupun latihan yang diberikan oleh guru (Power & Hyde 2002; McCain & Antia 2005).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam aktiviti kerja bertulis (papan putih) pula, guru Bahasa Melayu berpendapat bahawa murid bermasalah pendengaran ini akan melibatkan diri secara aktif sekiranya mereka suka aktiviti yang dijalankan oleh guru dan tahu untuk menjawab soalan yang diberikan. Manakala guru Matematik pula berpendapat sekiranya mereka diberikan penghargaan kerana menjawab dengan betul, maka mereka akan lebih aktif untuk melibatkan diri. Hal ini turut disokong dengan kajian oleh Gottler (2010) yang mendapati murid akan lebih melibatkan diri dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah sekiranya diberikan penghargaan apabila mereka berjaya menjawab soalan dengan betul. Ini seterusnya dapat meningkatkan tahap motivasi mereka untuk melibatkan diri secara aktif di masa hadapan.

5.3.3 Faktor Penggalak Penglibatan Murid Bermasalah Pendengaran di dalam Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran Bilik Darjah

Berpandukan kepada dapatan hasil temu bual bersama guru Bahasa Melayu, guru Matematik serta tiga orang murid bermasalah pendengaran, pengkaji telah menemukan beberapa faktor yang menjadi penggalak dan penghalang kepada penglibatan murid di dalam aktiviti bilik darjah. Faktor penggalak yang telah dikenal pasti berdasarkan temu bual bersama guru khas adalah seperti pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh guru, minat murid terhadap mata pelajaran tertentu, perhatian dan galakan daripada guru serta penggunaan alat bantu mengajar yang menarik. Hasil temu bual bersama murid pula telah menemukan faktor penggalak berikut iaitu kefahaman terhadap pengajaran guru, minat terhadap satu-satu mata pelajaran dan bantuan daripada rakan-rakan sekelas.

Faktor pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh guru dikatakan boleh mempengaruhi penglibatan aktif murid di dalam aktiviti bilik darjah. Guru Bahasa Melayu yang ditemu bual telah menyatakan bahawa mata pelajaran yang banyak menggunakan bahasa seperti Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris selalunya murid akan merasa cepat bosan. Oleh itu guru perlulah pandai menggunakan pendekatan pengajaran yang sesuai agar dapat menaikkan motivasi murid untuk melibatkan diri di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang disediakan guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, faktor seperti minat murid terhadap satu-satu mata pelajaran juga menyumbang kepada galakan untuk murid melibatkan diri secara aktif di dalam aktiviti bilik darjah. Hasil temu bual bersama guru khas dan murid bermasalah pendengaran telah menyatakan bahawa faktor meminati mata pelajaran tertentu membuatkan mereka melibatkan diri secara aktif di dalam aktiviti bilik darjah. Murid bermasalah pendengaran biasanya lebih berminat kepada mata pelajaran yang kurang melibatkan penggunaan bahasa.

Kajian yang dijalankan oleh Siti et al. (2007) telah mendapati bahawa murid bermasalah pendengaran menunjukkan tahap penglibatan yang lebih tinggi di dalam aktiviti bilik darjah mata pelajaran Matematik berbanding di dalam mata pelajaran bahasa (Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris). Ini bermaksud murid bermasalah pendengaran kurang meminati mata pelajaran yang memerlukan penggunaan bahasa yang banyak disebabkan mereka kurang menguasai bahasa berbanding rakan-rakan tipikal.

Faktor penggalak yang lainnya ialah murid suka sekiranya guru memberikan perhatian dan galakan untuk melibatkan diri di dalam aktiviti bilik darjah. Pendapat daripada dua orang guru khas yang ditemu bual menyatakan bahawa murid bermasalah pendengaran di dalam kajian ini suka sekiranya guru memberikan pujian, sokongan serta penghargaan setiap kali mereka melibatkan diri di dalam aktiviti bilik darjah. Guru Bahasa Melayu misalnya menyatakan bahawa murid bermasalah pendengaran tidak suka sekiranya guru selalu memarahi mereka di dalam kelas. Ini menyebabkan mereka merasa malas untuk melibatkan diri di dalam sebarang aktiviti yang diberikan oleh guru.

Dapatan kajian yang diperoleh ini menyamai kajian yang dijalankan oleh Hartley et al. (2000). Menurut Hartley et al. murid yang mendapat pujian dan galakan daripada guru akan lebih melibatkan diri di dalam aktiviti bilik darjah. Mereka juga akan menawarkan diri untuk menjawab soalan tanpa perlu disuruh oleh guru. Perkara ini turut dipersetujui oleh beberapa kajian sebelum ini (Turner & Patrick 2004; Buhs & Ladd 2001; Finn & Cox 1992). Walau pun semua kajian tersebut melibatkan murid tipikal sahaja, tetapi hasil dapatan kajian pengkaji telah mendapati murid bermasalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pendengaran juga memerlukan galakan dan pujian daripada guru apabila mereka berjaya menjawab soalan atau pun gagal menjawab soalan yang dikemukakan oleh guru.

Faktor penggalak seterusnya adalah penggunaan alat bantu mengajar yang menarik. Hasil temu bual bersama kedua-dua orang guru khas telah menemukan bahawa penggunaan alat bantu mengajar yang menarik oleh guru dapat menggalakkan penglibatan aktif murid di dalam aktiviti bilik darjah. Sebagaimana yang kita ketahui, murid bermasalah pendengaran lebih bergantung kepada penglihatan mereka untuk mendapatkan maklumat selain menggunakan bahasa isyarat untuk berkomunikasi. Menurut Robinshaw (2007), kanak-kanak bermasalah pendengaran tidak dapat memperoleh bahasa pertuturan tanpa menjalani intervensi secara teknikal dan pendidikan. Oleh itu mereka lebih bergantung kepada visual untuk menerima maklumat.

Temu bual ke atas murid bermasalah pendengaran turut menemukan dua lagi faktor penggalak penglibatan mereka di dalam aktiviti bilik darjah. Dua faktor tersebut ialah kefahaman murid terhadap pengajaran guru dan bantuan daripada rakan sekelas. Kesemua murid bermasalah pendengaran di dalam kajian ini memberitahu bahawa mereka faham apa yang diajar oleh guru. Pengkaji menyimpulkan bahawa kefahaman murid terhadap pengajaran guru adalah penting kerana sekiranya murid tidak faham apa yang guru ajar seterusnya menyebabkan murid merasa malas untuk melibatkan diri di dalam aktiviti yang diberi.

Bantuan daripada rakan sekelas juga boleh menggalakkan murid untuk melibatkan diri di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah. Dapatan yang diperoleh ini menunjukkan bahawa selain galakan daripada guru, bantuan daripada rakan-rakan sekelas dapat memberikan keyakinan kepada murid bermasalah pendengaran untuk menjawab soalan guru mahu pun memberikan pandangan tanpa menunggu guru memanggil nama mereka terlebih dahulu. Ini seterusnya dapat meningkatkan keyakinan diri mereka untuk melibatkan diri secara aktif di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.4 Faktor penghalang penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti bilik darjah

Analisis dapatan bagi faktor penghalang kepada penglibatan aktif murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti bilik darjah pula telah menemukan beberapa dapatan. Dapatan yang diperoleh daripada hasil temu bual bersama guru khas mengenai faktor penghalang tersebut adalah seperti sikap murid itu sendiri, masalah komunikasi, masalah dengan alat bantu pendengaran, masalah pendengaran yang dihadapi oleh murid dan alat bantu mengajar yang kurang menarik. Faktor sikap murid yang dinyatakan oleh guru Bahasa Melayu ialah murid bermasalah pendengaran di dalam kajian ini tidak berusaha untuk melakukan sesuatu perkara. Beliau juga berpendapat bahawa murid bermasalah pendengaran di dalam kajian ini kurang berminat untuk belajar. Contohnya apabila mereka tidak tahu menjawab satu-satu soalan mereka tidak berusaha untuk mencari jawapannya.

Selain itu, faktor seperti masalah komunikasi juga menjadi penghalang kepada penglibatan beberapa orang murid bermasalah pendengaran di dalam kajian ini. Misalnya pendapat yang diberikan oleh guru Bahasa Melayu yang menyatakan bahawa ada murid yang tidak begitu menguasai kod tangan. Oleh yang demikian menyukarkan murid tersebut untuk memahami apa yang disampaikan oleh guru. Guru juga mengalami kesukaran untuk menerangkan sesuatu maklumat kepada murid tersebut disebabkan kurangnya penguasaan kod tangan. Dapatan oleh Damen et al. (2006) turut mendapati murid bermasalah pendengaran yang ditempatkan di kelas inklusif mengalami masalah untuk berkomunikasi dengan guru dan rakan-rakan sekelas disebabkan tidak dapat menguasai bahasa lisan dengan baik. Sememangnya masalah komunikasi boleh menjadi penghalang kepada penglibatan aktif murid di dalam aktiviti bilik darjah. Hal ini turut dinyatakan dalam kajian-kajian lepas yang menyatakan kurangnya penguasaan bahasa dalam kalangan murid bermasalah pendengaran menghalang mereka untuk berkomunikasi secara berkesan (Power & Hyde 2002; Stinson & Liu 1999; Damen et al. 2006; Siti et al. 2007).

Faktor penghalang seterusnya ialah masalah dengan alat bantu pendengaran. Murid yang memakai alat BTE memberitahu bahawa mereka akan merasa sakit telinga kerana bunyi yang masuk ke dalam telinga mereka sangat kuat dan bising.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh sebab itulah mereka membuat keputusan untuk tidak selalu memakai alat bantu pendengaran mereka. Bunyi bising tersebut akan menyebabkan mereka menjadi hilang tumpuan dengan pengajaran guru dan seterusnya tidak dapat melibatkan diri di dalam aktiviti bilik darjah.

Faktor lain yang menjadi penghalang penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam kajian ini ialah masalah tidak dapat mendengar yang dihadapi oleh murid itu sendiri. Walaupun ada murid yang memakai alat bantu pendengaran tetapi mereka masih tidak dapat mendengar dengan jelas apa yang diperkatakan oleh guru. Ini menyebabkan murid cepat hilang tumpuan ketika guru sedang mengajar. Apabila mereka mula hilang tumpuan, mereka akan melakukan perkara yang melanggar peraturan bilik darjah. Oleh sebab itulah dari aspek menghormati peraturan bilik darjah murid bermasalah pendengaran dalam kajian ini menunjukkan tahap penglibatan yang sederhana sahaja.

Hasil temu bual dengan guru khas turut mendapati bahawa penggunaan alat bantu mengajar yang kurang menarik boleh menyebabkan murid kurang berminat untuk terlibat di dalam aktiviti bilik darjah. Disebabkan murid bermasalah pendengaran ini menumpukan sepenuh perhatian kepada penglihatan mereka, maka guru seharusnya mempelbagaikan dan memperbanyakkan alat bantu mengajar yang menggunakan visual. Pendapat guru Matematik yang menyatakan kurangnya penerangan konsep yang jelas daripada guru turut menyumbang kepada ketidakfahaman murid terhadap pengajaran dan pembelajaran guru dan seterusnya menghalang murid untuk melibatkan diri di dalam aktiviti yang diberikan guru.

Analisis temu bual bersama murid bermasalah pendengaran turut menemukan faktor ejekan daripada rakan-rakan sekelas sebagai penghalang untuk mereka melibatkan diri di dalam aktiviti bilik darjah. Kesemua murid yang ditemu bual memberitahu bahawa rakan-rakan sekelas mereka sering mentertawakan mereka apabila salah menjawab soalan yang dikemukakan guru. Apabila mereka ditertawakan, mereka merasa malu dan seterusnya tidak mahu lagi mencuba aktiviti yang lain. Dapatan yang diperoleh ini menyamai kajian oleh Wheeler et al. (2007) yang mendapati bahawa faktor ejekan daripada rakan sekelas menjadi faktor

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penghalang untuk murid bermasalah pendengaran melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah.

Faktor penghalang yang terakhir yang dinyatakan oleh murid bermasalah pendengaran ialah rakan-rakan sekelas sering mengajak bersembang dan mengusik ketika guru sedang mengajar. Gangguan daripada rakan sekelas ini sedikit sebanyak mengganggu tumpuan murid terhadap pengajaran guru. Boleh dikatakan kesemua murid yang ditemu bual memberitahu rakan-rakan sekelas mereka sering membuat bising dan mengajak mereka bersembang bersama. Hal ini seterusnya menyebabkan murid tidak mendengar apa yang guru ajar dan tidak dapat memahami pengajaran guru.

5.4 IMPLIKASI DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian yang telah diperoleh mempunyai implikasi teoretikal, amalan dan polisi. Hal ini dibincangkan dengan lebih lanjut dalam bahagian berikutnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4.1 Implikasi Teoretikal

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap penglibatan murid bermasalah pendengaran dalam penglibatan secara bebas dan menghormati peraturan bilik darjah adalah sederhana. Terdapat satu aspek sahaja murid menunjukkan tahap penglibatan yang tinggi dalam kedua-dua mata pelajaran iaitu dari aspek persediaan peralatan pembelajaran. Dalam aspek membuat latihan di papan putih, murid menunjukkan penglibatan tinggi dalam mata pelajaran Bahasa Melayu tetapi menunjukkan penglibatan sederhana dalam mata pelajaran Matematik. Bagi aspek latihan lembaran kerja pula murid menunjukkan tahap penglibatan tinggi dalam mata pelajaran Matematik tetapi penglibatan sederhana ditunjukkan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

Dapatan yang diperoleh daripada temu bual bersama guru khas pula telah menunjukkan bahawa faktor guru dan murid itu sendiri menjadi faktor utama kepada penggalak murid bermasalah pendengaran melibatkan diri secara aktif di dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

aktiviti bilik darjah. Hal ini dapat dikaitkan dengan Teori Tingkah Laku Skinner. Menurut Skinner, sekiranya guru memberikan peneguhan yang positif kepada murid selepas mereka melakukan sesuatu aktiviti dengan betul akan memberikan motivasi kepada murid tersebut untuk terus melibatkan diri dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah. Misalnya dalam kajian ini, murid lebih menunjukkan tahap penglibatan tinggi dalam latihan di papan putih bagi mata pelajaran Bahasa Melayu kerana guru tersebut banyak memberikan galakan dan peneguhan positif setiap kali murid berjaya menjawab soalan ataupun melibatkan diri dalam perbincangan.

Selain memberikan peneguhan yang positif, guru juga perlulah mengawal tingkah laku negatif yang ditunjukkan oleh murid ketika sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung agar murid dapat memberikan tumpuan yang sepenuhnya kepada pengajaran guru. Berdasarkan kepada Teori Tingkah Laku Skinner, tingkah laku negatif yang ditunjukkan oleh murid perlu diperbaiki segera oleh guru agar murid mengetahui kesilapan yang telah mereka lakukan. Tingkah laku negatif yang tidak dikawal akan menyebabkan murid tidak merasa bersalah di atas perbuatannya dan akan berterusan mengganggu sesi pengajaran dan pembelajaran guru. Hal ini juga akan menyebabkan murid kurang memberikan tumpuan di dalam pengajaran guru serta akan mengganggu rakan-rakan sekelasnya untuk belajar.

Penglibatan yang kurang aktif daripada murid bukan sahaja disebabkan oleh murid itu sahaja. Faktor sekeliling seperti guru dan rakan sekelas turut memainkan peranan menggalakkan penglibatan aktif di dalam aktiviti bilik darjah. Dapatan yang ditemui di dalam kajian ini telah menunjukkan bahawa Teori Tingkah Laku yang dikemukakan oleh Skinner boleh dikaitkan dengan tahap penglibatan sederhana murid bermasalah pendengaran dalam beberapa aspek yang dikaji.

5.4.2 Implikasi Kepada Amalan

Dapatan kajian ini memberi implikasi kepada beberapa perkara. Antaranya ialah pendekatan pengajaran guru, kemudahan bilik darjah yang kondusif, panduan kepada ibu bapa dan khidmat sokongan yang diperlukan oleh murid bermasalah pendengaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berikut adalah beberapa cadangan dikemukakan untuk memperbaiki amalan-amalan yang sedang dilaksanakan ketika ini.

a. Pendekatan Pengajaran Guru

Guru yang mengajar murid bermasalah pendengaran pada hari ini perlu menggunakan pelbagai kaedah pengajaran yang lebih interaktif bagi menarik minat murid untuk belajar. Kecanggihan teknologi kini seharusnya dimanfaatkan oleh guru untuk mengajar murid bermasalah pendengaran ini. Pendekatan pengajaran menggunakan papan putih sahaja dirasakan tidak mencukupi bagi menarik minat murid untuk terus mendengar apa yang diajar oleh guru. Oleh itu, disarankan di sini agar guru-guru menggunakan segala teknologi yang ada untuk menarik minat murid untuk lebih melibatkan diri di dalam aktiviti bilik darjah. Diharapkan agar amalan pengajaran sedia ada diperbaiki dan dipertingkatkan bagi disesuaikan dengan keperluan murid bermasalah pendengaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, guru juga perlu meningkatkan penguasaan kod tangan dalam kalangan murid bermasalah pendengaran. Hal ini kerana masih terdapat murid bermasalah pendengaran yang tidak dapat menguasai kod tangan Bahasa Melayu dengan baik. Murid yang ditempatkan di sekolah khas masalah pendengaran biasanya diajarkan menggunakan kod tangan Bahasa Melayu berbanding menggunakan bahasa pertuturan untuk berkomunikasi. Sekiranya murid-murid kurang menguasai kod tangan tersebut akan menimbulkan masalah bukan sahaja untuk berkomunikasi malah untuk memahami pelajaran terutamanya yang memerlukan mereka menguasai bahasa dengan baik. Kurangnya penguasaan terhadap kod tangan Bahasa Melayu ini juga menjejaskan peluang murid untuk melibatkan diri secara aktif di dalam aktiviti bilik darjah. Ini kerana mereka tidak dapat menyampaikan maksud sebenar yang ingin disampaikan kepada guru.

b. Kemudahan Bilik Darjah yang Kondusif

Keadaan bilik darjah yang kurang kondusif sebenarnya boleh menjadi penghalang kepada murid bermasalah pendengaran untuk mengikuti pengajaran dan pembelajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

guru. Misalnya murid yang memakai alat bantu pendengaran dan alat implan koklea, mereka perlu mengawal bunyi yang masuk ke dalam telinga mereka agar mereka boleh mendengar apa yang diperkatakan oleh guru di dalam kelas. Tetapi apa yang diperhatikan sehingga ke hari ini, kebanyakan bilik darjah yang menempatkan murid bermasalah pendengaran hanya diletakkan pembahagi atau *partition* bagi memisahkan antara satu kelas dengan kelas yang lain.

Penggunaan pembahagi yang tidak dapat menghalang bunyi yang masuk daripada kelas lain akan menghalang fokus murid untuk mendengar pengajaran guru. Kadang-kadang murid yang masih ada saki baki pendengaran ini lebih berminat untuk mendengar pengajaran guru di kelas sebelah berbanding guru yang sedang mengajar di dalam kelas mereka. Bunyi bising yang masuk daripada kelas lain juga sebenarnya mengganggu murid yang memakai alat bantu pendengaran untuk mendengar pengajaran guru.

5.4.3 Implikasi Kepada Polisi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Akta pendidikan 1996 telah menekankan kepada pendidikan sama rata yang perlu diberikan kepada semua murid tanpa mengira usia dan ketidakupayaan. Tidak ketinggalan perkara tersebut turut ditekankan kepada pendidikan untuk murid-murid berkeperluan khas. Rangka kerja yang dikemukakan di dalam Deklarasi Salamanca (1994) juga menekankan kepada pendidikan untuk semua yang patut diberikan kepada murid berkeperluan khas. Di dalam perkara 3 rangka kerja Salamanca (1994) ada menyebut bahawa "sekolah-sekolah perlu mencari cara untuk mendidik semua kanak-kanak dengan jayanya termasuk mereka yang menghadapi kekurangan dan ketidakupayaan yang serius". Selain itu, Akta OKU (2008) juga ada menyebut di dalam Perkara 3 Bab I 28 (3) (c) bahawa kerajaan dan swasta perlu memastikan bahawa pendidikan orang dan khususnya kanak-kanak yang buta, pekak atau pekak-buta disampaikan dalam bahasa, kaedah dan cara komunikasi yang paling sesuai bagi individu, dan dalam persekitaran yang memaksimumkan pembangunan akademik dan sosial. Namun demikian masih terdapat amalan-amalan yang dilaksanakan di sekolah-sekolah tidak sejajar dengan dasar yang ada.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kurikulum yang diikuti oleh murid bermasalah pendengaran pada masa kini adalah berpandukan kepada kurikulum pendidikan kebangsaan. Pembelajaran murid bermasalah pendengaran yang berada di kelas khas adalah sama dengan murid tipikal. Tidak kiralah sama ada murid bermasalah pendengaran tersebut belajar di dalam kelas khas integrasi mahu pun kelas khas bermasalah pendengaran mereka tetap mengikuti kurikulum yang sama. Seharusnya murid yang memakai alat bantu pendengaran ditempatkan di dalam kelas inklusif bersama-sama murid tipikal. Ini kerana berdasarkan kajian yang telah dilakukan ini menunjukkan murid bermasalah pendengaran yang memakai alat bantu pendengaran sebenarnya boleh menunjukkan penglibatan yang baik dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Begitu juga dengan kajian-kajian terdahulu yang turut menunjukkan murid yang memakai alat bantu pendengaran mampu bersaing dengan murid-murid tipikal lain.

Guru yang ditempatkan untuk mengajar murid bermasalah pendengaran perlu lebih peka terhadap keperluan pembelajaran murid tersebut. Hingga ke hari ini, kebanyakan guru yang ditempatkan di kelas-kelas bermasalah pendengaran merupakan guru yang tidak mempunyai latar belakang pendidikan khas. Terdapat sesetengah guru yang tidak pernah mempelajari kod tangan Bahasa Melayu tetapi diminta untuk mengajar murid bermasalah pendengaran. Hal ini seterusnya menyukarkan komunikasi antara guru dan murid. Kesukaran untuk berkomunikasi akan menyebabkan murid tidak faham kehendak guru dan akhirnya murid tidak dapat melibatkan diri di dalam aktiviti yang disediakan oleh guru. Selain itu, guru-guru juga perlu mengambil masa untuk mempelajari kod tangan Bahasa Melayu. Apabila guru kurang cekap menggunakan kod tangan, sukar bagi mereka untuk menyampaikan apa yang hendak diajar kepada murid. Oleh itu, pihak kementerian pelajaran khususnya perlu melihat permasalahan yang wujud ini agar murid-murid bermasalah pendengaran mendapat pendidikan yang sewajarnya.

5.5 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Bagi tujuan penambahbaikan, beberapa cadangan dikemukakan untuk tindakan para penyelidik yang akan datang. Antara cadangannya adalah seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Kajian ini hanya menggunakan pendekatan kualitatif untuk mendapatkan data. Kajian selanjutnya hendaklah cuba menggabungkan kaedah kualitatif dan kuantitatif agar dapatan kajian dapat digeneralisasikan kepada kumpulan murid bermasalah pendengaran yang lebih besar.

ii. Bilangan sampel kajian terhad kepada sebuah sekolah dan di dalam sebuah kelas sahaja. Dicadangkan agar diperbanyakkan lagi sampel kajian dan melibatkan lebih banyak sekolah yang mempunyai murid bermasalah pendengaran bagi melihat perbandingan tahap penglibatan murid secara lebih menyeluruh.

iii. Kajian terhadap penguasaan bahasa murid bermasalah pendengaran mungkin boleh dijalankan di masa hadapan bagi melihat perkaitannya dengan tahap penglibatan murid di dalam aktiviti bilik darjah.

iv. Disarankan juga pada masa akan datang pengkaji melihat penglibatan murid dari aspek yang berbeza pula seperti perbincangan di dalam kumpulan atau pun kekerapan murid memberikan pandangan di dalam perbincangan kelas.

5.6 KESIMPULAN

Penglibatan aktif murid di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah memberikan gambaran tentang kefahaman murid terhadap pengajaran guru. Walau pun begitu, ini tidak bermakna murid yang tidak melibatkan diri secara aktif di dalam aktiviti bilik darjah kurang faham tentang pengajaran guru. Mungkin terdapat faktor-faktor lain yang menyebabkan murid tersebut tidak melibatkan diri di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang disediakan oleh guru.

Dalam kajian ini, dapatan yang diperoleh menunjukkan bahawa secara keseluruhannya penglibatan murid bermasalah pendengaran adalah di tahap sederhana. Namun begitu, terdapat juga dalam aspek tertentu murid menunjukkan tahap penglibatan yang tinggi. Antaranya adalah dari aspek persediaan peralatan pembelajaran dan latihan di papan putih. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahawa murid bermasalah pendengaran mampu menunjukkan tahap penglibatan yang tinggi dalam aktiviti bilik darjah.

Kajian yang dijalankan ini juga telah mengenal pasti bahawa faktor yang menjadi penggalak kepada penglibatan aktif murid dalam aktiviti bilik darjah ialah faktor guru, murid itu sendiri dan rakan sekelas. Faktor yang berkaitan dengan guru adalah seperti pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang digunakan, perhatian dan galakan yang diberikan kepada murid serta penggunaan alat bantu mengajar yang menarik. Faktor yang melibatkan murid pula adalah berkaitan dengan minat murid terhadap satu-satu mata pelajaran dan kefahaman murid terhadap pengajaran murid. Manakala faktor yang melibatkan rakan sekelas pula adalah seperti bantuan yang diberikan oleh rakan sekelas di dalam melakukan sesuatu aktiviti yang diberikan oleh guru.

Faktor penghalang kepada penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti bilik darjah pula ialah faktor guru, murid, rakan sekelas, masalah komunikasi dan juga masalah alat bantu pendengaran. Faktor yang dikaitkan dengan guru adalah seperti penggunaan alat bantu mengajar yang kurang menarik. Bagi faktor murid pula didapati sikap kurang berusaha untuk mencuba sesuatu aktiviti menjadi penghalang kepada penglibatan mereka di dalam aktiviti bilik darjah. Selain itu, masalah komunikasi dan masalah pendengaran yang dihadapi turut menghalang mereka untuk melibatkan diri dengan lebih aktif di dalam aktiviti bilik darjah. Faktor yang berkaitan dengan rakan sekelas pula adalah seperti suka mengejek apabila menjawab soalan dengan salah. Ini seterusnya menurunkan motivasi untuk mereka melibatkan diri secara bebas di dalam aktiviti bilik darjah. Gangguan daripada rakan sekelas seperti sering mengajak untuk bersembang menghalang murid untuk memberikan lebih tumpuan di dalam aktiviti bilik darjah.

Justeru, kesimpulan yang dapat dibuat di sini adalah murid bermasalah pendengaran sebenarnya mampu menunjukkan tahap penglibatan yang tinggi dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah. Kekurangan pendengaran yang mereka hadapi tidak menghalang untuk mereka melibatkan diri secara aktif dalam setiap aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan oleh guru. Namun begitu,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

apa yang perlu dibaiki adalah dari segi kaedah pengajaran guru dan pengurusan tingkah laku murid yang betul supaya mereka lebih menumpukan perhatian kepada pengajaran guru dan seterusnya meningkatkan lagi tahap penglibatan mereka dalam aktiviti bilik darjah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RUJUKAN

Abdullah Yusoff & Che Raabiah Mohamed. 2004. Penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan murid pekak: suatu sorotan dari perspektif linguistik. *Jurnal Dewan Bahasa* Dis 2004: 639-680

Ansell, E. & Pagliaro, C.M. 2006. The relative difficulty of signed arithmetic story problems for primary level deaf and hard-of-hearing students. *Journal of Deaf Studies and Deaf Education* 28: 484-511.

Antia, S.D., Sabers, D.L. & Stinson, M.S. 2006. Validity and reliability of the classroom participation questionnaire with deaf and hard of hearing students in public schools. *Journal of Deaf Studies and Deaf Education* 12(2): 158-171.

Austen, S. 2010. Challenging behaviour in deaf education. *Journal of Educational & Child Psychology* 27: 33-40.

Austen, S. & Jeffery, D. 2006. *Deafness and Challenging Behaviour: The 360° Perspective.* Chichester: Wiley.

Barker, D.H., Quittner, A.L., Fink, N.E., Eisenberg, L.S., Tobey, E.A., Niparko, J.K & The CDaCI Investigative Team. 2009. Predicting behavior problems in deaf and hearing children: the influences of language, attention and parent-child communication. *Dev Psychopathol* 21(2): 373-392.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Bellini, S. & Akullian, J. 2007. A meta-analysis of video modeling and video self-modelling interventions for children disorders. *Exceptional Children* 73: 264-287.

Bippus, A.M. & Young, S.L. 2000. What behaviors reflect involvement in a course? Students' perceptions and differences between high and low communication apprehensives. *Communication Research Reports* 17: 310-319.

Birch, S. & Ladd, G. 1997. The teacher-child relationship and children's early school adjustment. *Journal of School Psychology* 35: 61-79.

Borders, C.M., Barnett, D. & Bauer, A.M. 2010. How are they really doing? Observation of inclusionary classroom participation for children with mild-to-moderate deafness. *Journal of Deaf Studies and Deaf Education* 15(4): 348-357.

Buhs, E.S. & Ladd, G.W. 2001. Peer rejection in kindergarten as an antecedent of young children's school adjustment: an examination of mediating processes. *Development Psychology* 37: 550-560.

Cornelius, L.L. 2008. Student participation in classroom discourse. Tesis Ph.D. University of Washington.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Damen, G.W.J.A., Oever-Golstein, M.H.L., Langereis M. C., Chute, P.M. & Mylanus, E.A.M. 2006. Classroom performance of children with cochlear implants in mainstream education. *Annals of Otology, Rhinology & Laryngology* 99:107-119.

Figueras, B., Edwards, L. & Langdon, Dawn. 2008. Executive function and language in deaf children. *Journal of Deaf Studies and Deaf Education* 13(3): 362-377.

Finn, J.D. & Cox, D. 1992. Participation withdrawal among fourth-grade pupils. *American Educational Research Journal* 29: 141-162.

Finn, J.D., Pannozzo, G.M. & Voelkl, K.E. 1995. Disruptive and inattentive-withdrawn behaviour and achievement among fourth graders. *Elementary School Journal* 95: 421- 454.

Fraenkel, J.R. & Wallen, N.E. 2008. *How to Design and Evaluate Research in Education.* New York: McGraw-Hill.

Fredricks, J.A., Blumenfeld, P.C. & Paris, A.H. 2004. School engagement: potential of the concept, state of the evidence. *Review of Educational Research* 74(1): 59-109.

Gall, M.D., Gall, J.P. & Borg, W.R. 2010. *Applying Educational Research.* Edisi ke-6. Boston: Pearson Education Inc.

Gentry, M. M., Chinn, K. M. & Moulton, R. D. 2005. Effectiveness of multimedia reading materials when used with children who are deaf. *American Annals of the Deaf* 149(5): 394-402.

Gottler, R.M. 2010. Passionate participation in mathematics: diagnosing and improving student participation in mathematics. http://www.eric.ed.gov/contentdelivery/servelet/ERICServelet?accno=ED511318.html [30 November 2011].

Hallahan, D. P., Kauffman, J. M., & Pullen, P. C. 2012. *Exceptional Learners an Introduction to Special Education.* Edisi ke-12. New Jersey: Pearson Education Inc.

Hartley, E.T. 2000. Self-modeling as an intervention to increase student classroom participation: a replication. Tesis Ph.D. University of Connecticut.

Hartley, E.T., Kehle, T.J. & Bray, M.A. 2002. Increasing student classroom participation through self-monitoring. *Journal of Applied School Psychology* 19(1): 51-63.

Heywood, J., Kuespert, S., Madecky, Dani. & Nor, Abbey. 2008. Increasing elementary and high school student motivation through the use of intrinsic and extrinsic rewards. An action research project.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kamus Dewan. 2007. Edisi ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pelajaran Malaysia. 2008. *Maklumat Pendidikan Khas 2008*. Bahagian Pendidikan Khas.

Kementerian Pelajaran Malaysia. 2013. *Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.* Kementerian Pelajaran Malaysia.

Kritzer, K.L. 2008. Family mediation of Mathematically based concepts while engaged in a problem-solving activity with their young deaf children. *Journal of Deaf Studies and Deaf Education* 13: 503-517.

Ladd, G.W., Herald-Brown, S.L. & Reiser, M. 2008. Does chronic classroom peer rejection predict the development of children's classroom participation during the grade school years? *Child Development* 79:1001-1015.

Martin, D., Bat-Chava, Y., Lalwani, A. & Waltzman, S.B. 2009. Peer relationships of deaf children with cochlear implants: predictors of peer entry and peer interaction success. *Journal of Deaf Studies and Deaf Education* 16(1): 108-120.

McCain, K.G. & Antia, S.D. 2005. Academic and social status of hearing, deaf and hard of hearing students participating in a co-enrolled classroom. *Communication Disorders Quarterly* 27: 20-32.

Merriam, S.B. 2001. *Qualitative Research and Case Study Applications in Education.* San Francisco: Jossey- Base Pub.

Mohd. Hanafi Mohd. Yasin, Norani Md Salleh & Safani Bari. 2012. Pendidikan kanak-kanak pekak. Dlm. Zalizan Mohd Jelas (pnyt.). *Pendidikan Kanak-kanak Berkeperluan Khas: Konsep dan Amalan,* hlm. 163-197. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Othman Lebar. 2009. *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metod.* Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Patrick, H., Anderman, L.H., Ryan, A.M., Edelin, K. & Midgley, C. 2001. Teacher's communication of goal orientations in four fifth-grade classrooms. *Elementary School Journal* 102: 35-58.

Petress, K. 2006. An operational definition of class participation. *College Student Journal* 12(1): 821-823.

Power, D. & Hyde, M. 2002. The characteristics and extent of participation of deaf and hard-of-hearing students in regular classes in Australian schools. *Journal of Deaf Studies and Deaf Education* 7(4): 302-311.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ramlah Jantan & Mahani Razali. 2004. *Psikologi Pendidikan: Pendekatan Kontemporari.* Kuala Lumpur: McGraw- Hill Malaysia Sdn. Bhd.

Reitsma, P. 2008. Computer-based exercises for learning to read and spell by deaf children. *Journal of Deaf Studies and Deaf Education* 14(2): 178-189.

Robinshaw, H. 2007. Acquisition of hearing, listening and speech skills by and during key stage 1. *Early Child Development and Care* 177: 661- 678.

Safani Bari & Mohd. Hanafi Mohd. Yasin. 2012. Ciri-ciri kanak-kanak bermasalah pendengaran. Dlm. Zalizan Mohd Jelas (pnyt.). *Pendidikan Kanak-kanak Berkeperluan Khas: Konsep dan Amalan,* hlm. 137-162. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Shahrul Arba'iah Othman. 2002. Faktor yang menyumbang kepada kecemerlangan akademik pelajar pekak: Kajian kes retrospektif. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Siti Maziha Mustapha. 2010. Understanding classroom interaction: a case study of international students' classroom participation at one of the colleges in Malaysia. *International Journal for the Advancement of Science & Art* 1(2): 100-108.

Siti Z. Mukari, Lai, N. L. & Hanizam A. Ghani. 2007. Educational performance of pediatric cochlear implant recipients in mainstream classes. *International Journal of Pediatric Otorhinolaryngology* 71:231-240.

Skinner, B.F. 1971. Burrhus Frederick Skinner. Dlm. Olson, M.H. & Hergenhahn, B.R. (pnyt.). *An Introduction to Theories of Learning*, hlm. 76-129. New Jersey: Pearson Education Inc.

Snoddon, K. 2010. Technology as a learning tool for ASL literacy. *Sign Language Studies* 10(2): 197-293.

Stevenson, J., McCann, D., Watkin, P., Worsfold, S. & Kennedy, C. 2010. The relationship between language development and behaviour problems in children with hearing loss. *Journal of Child Psychology and Psychiatry* 51(1): 77-83.

Stewart, D. A. & Kluwin, T. N. 2001. *Teaching Deaf and Hard of Hearing Students*. Boston: Allyn & Bacon.

Stinson, M.S. & Liu, Y. 1999. Participation of deaf and hard-of-hearing students in classes with hearing students. *Journal of Deaf Studies and Deaf Education* 4(3): 191-202.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Stoeckli, G. 2010. The role of individual and social factors in classroom loneliness. *Journal of Educational Research* 103:28-39.

Terwogt, M.M. & Rieffe, C. 2004. Behavioural problems in deaf children: theory of mind delay or communication failure? *European Journal of Development Psychology* 1(3): 231-240.

Tomblin, J.B., Spencer, L., Flock, S., Tyler, R. & Gantz, B. 1999. A comparison of language achievement in children with cochlear implants and children using hearing aids. *Journal of Speech, Language and Hearing Research* 42: 497-511.

Turner, J.C. & Patrick, H. 2004. Motivational influences on student participation in classroom learning activities. *Teacher College Record* 106: 1759-1785.

Wheeler, A., Archbold, S., Gregory, S. & Skipp, Amy. 2007. Cochlear implants: the young people's perspective. *Journal of Deaf Studies and Deaf Education* 12(3): 303-316.

Wolbers, K. A. 2007. Using balanced and interactive writing instruction to improve the higher order and lower order writing skills of deaf students. *Journal of Deaf Studies and Deaf Education* 13(2): 257-277.

Yin, R.K. 2003. *Case Study Research Design and Methods*. Thousand Oaks: Sage Publications.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN A

BORANG PEMERHATIAN PENGLIBATAN MURID

Tarikh :	Masa mula :	Jumlah Pemerhatian :
Mata pelajaran:	Masa tamat :	

Penglibatan murid	Murid					
	1.	2.	3.	4.	5.	6.
A. Menawarkan Penglibatan Secara Bebas						
B. Menghormati peraturan bilik darjah						
C. Persediaan peralatan pembelajaran						
D. Kerja bertulis (Latihan papan putih)						
E. Kerja bertulis (Latihan lembaran kerja)						
F. Penghantaran kerja sekolah						

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN B

SOALAN TEMU BUAL GURU

1. Bagaimanakah tahap penglibatan murid-murid bermasalah pendengaran di kelas anda secara keseluruhannya di dalam aktiviti bilik darjah seperti ketika anda memberikan tugasan atau bertanyakan soalan kepada mereka?

2. Adakah terdapat perbezaan tahap penglibatan antara murid yang tidak memakai alat bantu dengar dan yang memakai alat bantu pendengaran?

3. Bagaimanakah tingkah laku murid bermasalah pendengaran ketika sesi p&p sedang berlangsung?

4. Adakah terdapat murid yang bertingkah laku negatif ketika sesi p&p berlangsung? Jika ada bolehkah anda berikan contoh tingkah laku negatif yang ditunjukkan oleh murid.

5. Bagaimanakah tumpuan yang diberikan oleh murid yang tidak memakai alat bantu dengar dengan yang memakai alat bantu dengar dan ketika sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6. Apabila anda memberikan kerja bertulis adakah murid-murid bermasalah pendengaran ini melakukan kerja tersebut dengan lengkap?

7. Bagaimanakah anda melihat penglibatan murid-murid di dalam aktiviti bertulis di papan putih?

8. Adakah murid-murid bermasalah pendengaran di dalam kelas anda menawarkan diri secara sukarela untuk melakukan kerja bertulis di papan putih ataupun perlu diarahkan oleh guru terlebih dahulu?

9. Pada pandangan anda apakah faktor-faktor yang boleh menjadi penghalang kepada penglibatan murid di dalam aktiviti bilik darjah?

10. Bagaimana pula dengan faktor-faktor yang menjadi penggalak kepada penglibatan murid di dalam aktiviti bilik darjah?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN C

SOALAN TEMU BUAL MURID

1. Selama adik pakai alat bantu dengar, adakah timbul sebarang masalah? Kalau ada masalah boleh berikan contoh?

2. Adakah adik faham apa yang cikgu ajar di dalam kelas?

3. Antara subjek Bahasa Melayu dan Matematik, yang mana satu adik paling suka? Mengapa?

4. Adakah adik tahu membuat kerja sekolah yang diberikan oleh cikgu? Kalau tidak tahu, adik akan minta tolong siapa untuk mengajar adik?

5. Adakah adik pernah membuat latihan yang cikgu beri di papan putih? Kalau tidak mengapa?

6. Adakah kawan-kawan adik di dalam kelas membantu adik membuat kerja sekolah?

7. Ada tak kawan-kawan dalam kelas adik mengejek adik kalau salah jawab soalan yang cikgu bagi?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

8. Waktu cikgu tengah mengajar, ada tak kawan-kawan adik di dalam kelas ajak adik bersembang atau mengusik adik?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN D

RUBRIK SENARAI SEMAK PEMERHATIAN - OBJEKTIF DAN KRITERIA

A. Menawarkan Penglibatan Secara Bebas

3 (√ +) =

- Murid menawarkan diri secara sukarela untuk melibatkan diri di dalam perbincangan kelas.
- Murid memberikan tindak balas secara lisan dan pergerakan fizikal seperti mengangkat tangan untuk menjawab soalan atau bertanya soalan.

2 (√) =

- Murid memerlukan galakan (guru/ rakan/ ganjaran) untuk melibatkan diri di dalam perbincangan kelas.
- Murid memberikan tindak balas secara lisan sahaja untuk menjawab soalan atau bertanya soalan.

1(√ -) =

- Murid tidak melibatkan diri di dalam perbincangan kelas walaupun menerima galakan (guru/ rakan/ ganjaran).
- Murid tidak memberikan tindak balas untuk menjawab soalan atau bertanya soalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

B. Menghormati peraturan bilik darjah

3 (√ +) =

- Murid menunjukkan tingkah laku yang tidak melanggar peraturan bilik darjah (mendengar pengajaran guru/ tidak membuat bising di dalam kelas/ tidak bercakap dengan rakan ketika guru mengajar)

2 (√) =

- Murid menunjukkan sedikit tingkah laku yang melanggar peraturan bilik darjah (tidak mendengar pengajaran guru/ membuat bising di dalam kelas/ bercakap dengan rakan ketika guru mengajar)

1(√ -) =

- Murid menunjukkan tingkah laku yang melanggar peraturan bilik darjah (tidak mendengar pengajaran guru/ membuat bising di dalam kelas/ bercakap dengan rakan ketika guru mengajar)

C. Persediaan peralatan pembelajaran

3 (√ +) =

- Murid hadir ke kelas dengan semua peralatan pembelajaran (buku kerja, buku tulis, buku teks dan alat tulis) yang diperlukan.

2 (√) =

- Murid hadir ke kelas dengan kurang peralatan pembelajaran (buku kerja, buku tulis, buku teks dan alat tulis) yang diperlukan.

1(√ -) =

- Murid hadir ke kelas tanpa peralatan pembelajaran yang diperlukan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

D. Kerja bertulis (Latihan di papan putih)

3 (√ +) =

- Murid menawarkan diri untuk membuat latihan /menjawab secara lisan latihan di papan putih.

2 (√) =

- Murid membuat latihan / menjawab secara lisan latihan di papan putih selepas dipanggil oleh guru.

1(√ -) =

- Murid tidak melibatkan diri di dalam aktiviti latihan di papan putih.

E. Kerja bertulis (Lembaran kerja)

3 (√ +) =

- Murid menyiapkan semua lembaran kerja yang diberi di dalam kelas.

2 (√) =

- Murid menyiapkan separuh lembaran kerja yang diberi di dalam kelas.

1(√ -) =

- Murid tidak menyiapkan lembaran kerja yang diberi di dalam kelas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN E

RUBRIK SENARAI SEMAK PEMERHATIAN YANG DIGUGURKAN SELEPAS DIJALANKAN KAJIAN RINTIS

F. Penghantaran kerja sekolah

3 (√ +) =

- Kerja sekolah dihantar tepat pada masanya.

2 (√) =

- Kerja sekolah dihantar lewat.

1(√ -) =

- Tidak menghantar kerja sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN F

SOALAN TEMU BUAL GURU YANG DIUBAH SETELAH DISEMAK OLEH PAKAR.

Bil.	Soalan asal	Soalan yang diubah
2	Adakah terdapat perbezaan tahap penglibatan antara murid yang memakai alat implan koklea dengan yang memakai alat bantu pendengaran?	Adakah terdapat perbezaan tahap penglibatan antara murid yang tidak memakai alat bantu pendengaran dengan yang memakai alat bantu pendengaran?
5	Adakah murid-murid ini memberikan tumpuan yang sepenuhnya ketika anda sedang mengajar?	Bagaimanakah tumpuan yang diberikan oleh murid yang tidak memakai alat bantu dengar dengan yang memakai alat bantu dengar ketika sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN G

SOALAN TEMU BUAL MURID YANG DIUBAH SETELAH DISEMAK OLEH PAKAR.

Bil.	Soalan asal	Soalan yang diubah
1	Adakah adik mengalami masalah untuk mendengar ketika cikgu sedang mengajar?	Selama adik pakai alat bantu dengar, adakah timbul sebarang masalah? Kalau ada masalah boleh berikan contoh?
4	Adakah terdapat perbezaan tahap penglibatan antara murid yang memakai alat implan koklea dengan yang memakai alat bantu pendengaran?	Adakah terdapat perbezaan tahap penglibatan antara murid yang tidak memakai alat bantu pendengaran dengan yang memakai alat bantu pendengaran?
8	Ketika cikgu sedang mengajar ada tak kawan-kawan yang mengacau adik atau bercakap dengan adik?	Waktu cikgu tengah mengajar, ada tak kawan-kawan adik di dalam kelas ajak adik bersembang atau mengusik adik?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN H

SOALAN TEMU BUAL GURU YANG DIUBAH SELEPAS KAJIAN RINTIS DIJALANKAN.

Bil.	Soalan asal	Soalan yang diubah
1	Bagaimanakah anda melihat tahap penglibatan murid-murid bermasalah pendengaran ini di dalam aktiviti bilik darjah secara keseluruhannya?	Bagaimanakah tahap penglibatan murid-murid bermasalah pendengaran di kelas anda secara keseluruhannya di dalam aktiviti bilik darjah seperti ketika anda memberikan tugasan atau bertanyakan soalan kepada mereka?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN I

JADUAL SENARAI PANEL PAKAR

Pakar	Kelayakan	Pengalaman/ kepakaran	Tempat bekerja sekarang
1. Pensyarah (Prof. Madya)	Doktor Falsafah (Ph.D)	30 tahun dalam pendidikan khas (bermasalah pembelajaran)	Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tg. Malim Perak.
2. Pensyarah Kanan	Doktor Falsafah (Ph.D)	25 tahun dalam pendidikan khas (bermasalah pendengaran)	Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tg. Malim Perak.
3. Pensyarah Kanan	Doktor Falsafah (Ph.D)	20 tahun dalam pendidikan khas (bermasalah pendengaran)	Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Selangor
4. Guru pakar Bahasa Inggeris	Sarjana Muda (TESL)	20 tahun	S.M.K. Slim River, Perak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN J

TRANSKRIP TEMU BUAL GURU BAHASA MELAYU

Pengkaji : **Assalamualaikum. Saya Syamsinar daripada UKM. Hari ini saya akan menemu bual cikgu mengenai penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti bilik darjah. Pertama sekali boleh cikgu perkenalkan diri cikgu dan arr..ceritakan sedikit pengalaman mengajar di dalam bidang pendidikan khas terutamanya di dalam kelas yang cikgu mengajar sekarang.**

Guru : Emm.. Nama saya Pn. Laila Ayob. Mengajar dah 8 tahun dalam bidang pendengaranlah. Sebelum ni 3 tahun di KL bidang pembelajaran.

Pengkaji : **Kalau di sekolah ni, sekarang ni di dalam kelas ni sudah berapa lama cikgu mengajar?**

Guru : 8 tahun. Untuk kelas 3D daripada tahun 1.

Pengkaji : **Sekarang kita teruskan kepada soalan pertama saya. Bagaimanakah tahap penglibatan murid-murid bermasalah pendengaran di kelas anda secara keseluruhannya jika anda memberikan tugasan atau bertanyakan soalan kepada mereka?**

Guru : Yang saya nampak murid-murid ni bila bagi sesuatu kerja nampak diorang aktif. Ada masa-masanya aktif dan ada kalanya diorang bersikap *slow* sikitlah. Tengok aktiviti yang kita bagi lah macam mana. Selalunya kalau kita tanya soalan suruh diorang jawab, diorang takkan *volunteer* punya. Kita kena panggil nama sorang-sorang baru nak jawab.

Pengkaji : **Keseluruhannya boleh dikatakan tinggi, sederhana ataupun rendah?**

Guru : Sederhanalah.

Pengkaji : **Adakah terdapat perbezaan tahap penglibatan antara yang memakai alat bantu dengar dan juga yang tidak memakai alat?**

Guru : Ada perbezaan... Yang memakai alat biasa ni diorang lebih ada tumpuan sikit. Tapi apa ni...diorang banyak gunakan kod tangan. Tengok kod tangan kita kan. Arr..dari segi percakapan tu diorang kurang tengok sikit. Kemudian yang tak pakai alat pula, ada seorang murid tu dia tak pakai alat tapi muridnya memang cerdik lah. Penglibatan dia memang aktif.

Pengkaji : **Ok. Sekarang... Bagaimanakah tingkah laku murid-murid bermasalah pendengaran ketika sesi p&p sedang berlangsung? Adakah mereka membuat tingkah laku yang seperti membuat bising ke?**

Guru : Tingkah laku murid-murid ni dalam kelas tengok atas murid itu sendiri. Ada yang beri perhatian, ada yang suka mengacau kawan. Yang selalunya kita nampak yang kurang perhatian lah.

Pengkaji : **Adakah terdapat murid yang bertingkah laku negatif ketika sesi p&p berlangsung? Jika ada bolehlah cikgu berikan contoh tingkah laku negatif tersebut.**

Guru : Ada. Contohnya macam Zhou Yang dia suka kacau kawan, suka bercakap-cakaplah sewaktu kita mengajar. Itu saja.

Pengkaji : **Ok seterusnya.. bagaimanakah tumpuan yang diberikan oleh murid yang memakai alat bantu dengar dengan err.. yang tidak memakai alat ketika sesi p&p berlangsung?**

Guru : Tumpuan diorang ye. Emm..macam yang...rasanya diorang dalam masa pertama tu permulaan p&p kita, diorang beri tumpuan lah. Tapi sepanjang satu jam tu pastu banyak yang tak beri tumpuan. Mungkin sebab diorang kurang er..apa tak suka dengan p&p yang kita mengajar, lepas tu sikap tak nak apa...tak nak mencuba lah p&p kita tu.

Pengkaji : **Baik...Apabila anda memberikan kerja bertulis adakah murid-murid bermasalah pendengaran ini melakukan kerja tersebut dengan lengkap?**

Guru : Selalunya tidak. Sebabnya...arr apa ni kita kena banyak beri bimbingan lah pada budak ni. Memang tak lengkap kalau buat aktiviti.

Pengkaji **: Bagaimana kah anda melihat penglibatan murid-murid di dalam aktiviti bertulis di papan putih?**

Guru : Ada yang aktif dan ada yang tak aktif. Mana p&p yang diorang suka diorang boleh dia aktiflah nak buat. Kalau macam diorang tak tau diorang tak kan buat.

Pengkaji **: Kalau dari segi kategori tu, ketiga-tiga kategori ni yang mana aktif?**

Guru : Yang saya nampak murid yang tak memakai alat. Yang memakai alat tu penglibatannya sederhana lah.

Pengkaji **: Adakah murid-murid bermasalah pendengaran di dalam kelas anda menawarkan diri secara sukarela untuk melakukan aktiviti seperti perbincangan atau kerja bertulis di papan putih atau pun perlu diarahkan oleh guru terlebih dahulu?**

Guru : Tidak tentu. Kadang-kadang dia suka rela nak jawab. Dan kadang kalanya diorang. Err..kita yang menyuruh dia buat dengan paksaan lah.

Pengkaji **: Emm seterusnya. Adakah murid-murid ini menghantar kerja sekolah tepat pada masanya?**

Guru : Selalunya tidak. Tak tepat. Memang diorang akan arr..lambat hantar dengan alasan terlupa, tak tahu. Itu jawapan yang selalu diberikan. Tiga-tiga kategori sama. Tahapnya sederhana saja.

Pengkaji **: Pada pandangan cikgu apakah faktor-faktor yang boleh menjadi penghalang kepada penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti bilik darjah?**

Guru : Penghalang mereka err.. yang pertamanya mungkin dari segi minat. Takde minat untuk belajar sebab diorang tak tahu. Itu yang saya nampaklah. Tak minat, diorang tak tahu dan kemudian tak nak mencuba. Arr...itu yang saya nampak. Tidak berusaha untuk lakukan sesuatu. Komunikasi pun sama. Tak tahu komunikasi kan. Kadang-kadang budak yang tak tahu kod tangan jadi masalah lah kat diorang. Yang pakai alat biasa. Err..tengok ok lah. Maknanya diorang mahu terlibat dalam aktiviti tu.

Pengkaji **: Baiklah kita pergi ke soalan yang terakhir. Bagaimana pula dengan faktor-faktor yang menjadi penggalak kepada penglibatan murid-murid dalam aktiviti bilik darjah?**

Guru : Yang pertamanya penggalak ye..tengok dari segi p&p cikgulah. Ataupun bidang pelajaran tu lah. Contohnya kalau macam Matematik ke, PJ ke, lukisan ke diorang suka. Benda yang tak perlu banyak menggunakan bahasa. Tapi kalau yang melibatkan

bahasa contoh BM, BI diorang akan rasa *boring*. Yang keduanya cara kita mengajar kan. Kalau kita ada bahan banyak, p&p menarik, diorang akan minatlah untuk belajar. Kalau takde apa memang diorang tak suka. Itulah yang saya nampak. Pastu pendekatan kita. Kalau kita berkomunikasi, melayan diorang kan...budak ni selalunya akak nampak ni... dia...manja. Perlukan perhatian dan kalau kita asyik marah-marah dalam kelas pun dia *tension* kan. Kalau kita puji, bagikan sokongan ataupun kita bagikan token kat diorang, diorang suka la. Selalu macam tu lah.

Pengkaji : Ok terima kasih cikgu kerana meluangkan masa untuk menyertai temu bual ini. Ok sekian sahaja. Terima kasih.

Guru : Sama-sama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN K

TRANSKRIP TEMU BUAL GURU MATEMATIK

Pengkaji : **Assalamualaikum. Nama saya Syamsinar. Hari ini saya akan temu bual cikgu mengenai penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam p&p bilik darjah. Ok..pertama sekali boleh cikgu ceritakan tentang pengalaman cikgu mengajar murid bermasalah pendengaran yang cikgu ajar sekarang. Bermula dari tahun berapa cikgu ajar mereka?**

Guru : Pengalaman mengajar murid-murid bermasalah pendengaran ni mulanya tahun 2008 la sampai sekarang la. Sebab dulu saya aliran normal. Past diorang serapkan ke dalam ni. Jadi...mula 2008 sampai sekarang. Kira dalam tempoh rasa dalam purata 3 tahun lebih la.

Pengkaji : **Yang mengajar kelas ni dari tahun 1 ke?**

Guru : Tahun 1 saya ada mengajar diorang. Tahun 2 tak. Tahun 3 ajar balik.

Pengkaji : **Ok...soalan pertama saya bagaimanakah tahap penglibatan murid bermasalah pendengaran di kelas cikgu secara keseluruhannya di dalam aktiviti bilik darjah seperti ketika cikgu memberikan tugasan ataupun bertanyakan soalan?**

Guru : Kalau secara keseluruhan penglibatan diorang ni kalau kita bagi sederhanalah. Dalam 80%. Nak sampai 90% pun kadang susah. Diorang bila tak dengar...jadi kita...diorang banyak menumpukan pada penglihatan jadi kalau kita ada satu macam benda yang visual yang diorang boleh nampak mungkin diorang boleh menarik la. Kalau tak ada visual...kalau setakat kod saja dan kita cakap...itu yang diorang tak boleh tumpu tu. Sebab dia tak dengar kan. Kalau ada murid-murid yang ada saki baki pendengaran macam Alena tu...tu sebab Alena boleh beri tumpuan masa kita mengajar. Sebab Alena dia ada saki baki pendengaran jadi dia boleh dengar. Kalau kita panggil nama dia tu dia *alert.* Kalau orang lain memang sederhanalah penglibatan diorang. Tapi kalau kita suruh jawab soalan tu diorang takkan *volunteer* nak jawab. Biasa saya kena panggil nama baru diorang ada respon.

Pengkaji : Ok...adakah terdapat perbezaan tahap penglibatan antara yang memakai alat bantu dengar dengan yang tidak memakai alat bantu pendengaran?

Guru : Saya setakat ni apa yang saya perhati sama je. Takde beza la ... yang guna *hearing aid* tu. Sama je takde nampak perbezaan. Cara respons dia, reflek diorang...sama saja. Saya pun tak tau la...tapi pada apa yang saya tengok, perhati budak-budak ni memang sama. Takde perbezaan. Lebih kurang sama saja yang pakai alat bantu dengan yang tak pakai. Cuma yang saya nampak ada bezanya kalau *student* tu ada saki baki pendengaran arr dia ada respons sikit.

Pengkaji : Ok. Seterusnya... Bagaimanakah tingkah laku murid-murid bermasalah pendengaran ketika sesi p&p sedang berlangsung?

Guru : Tingkah laku? Tingkah laku arr...dia kalau dia *interested* biasanya saya mengajar Matematik...Matematik ni arr...saya dok tengok arr...murid-murid ni dia *interested.* Dia ada minat sikit pada nombor. Sebab memang Matematik ni ada ayat dia. Tapi, arr...kebanyakannya nombor dan operasi kan. Jadi, budak-budak ada *interested so* diorang tumpukan perhatian...diorang tengok la juga. Sebab ada...saya ada juga mengajar Sains. Saya perhati Sains ni banyak ayat sikit. Dan ayat dia pun Sains punya ayat. Jadi diorang kurang...*less interested so* mungkin kita terpaksa guna banyak gambar visual la untuk tarik minat diorang tu semasa p&p.

Pengkaji : Baik. Err...Adakah terdapat murid yang bertingkah laku negatif ketika sesi p&p berlangsung? Jika ada boleh berikan contoh tingkah laku yang ditunjukkan.

Guru : Ohh...ada. tingkah laku negatif ni biasa yang berlakunya diorang tak tumpu perhatian. Masa kita bercerita, masa kita mengajar tu diorang biasanya... diorang bercerita sesama diorang. Yang banyak berlaku...dia suka sangat bercerita sama-sama dia *and then* yang...yang apa ni...sat tak tengok kat kita, tengok keluar, tengok ke lain...dia tak tumpu perhatian. Itu yang saya tengok sikap negatif la. Ada setengah tu...kalau ada yang lebih teruk lagi tu...masa kita mengajar pun diorang boleh berjalan lagi, bangun, berjalan kan. Jadi memang negatif la...tak elok la sebab kita tengah mengajarkan. Tapi budak-budak tak dengar ni...tak boleh lari la kerana itu masalah diorang.

Pengkaji : Ok, bagaimanakah tumpuan yang diberikan oleh murid yang memakai alat bantu dengar dan yang tidak memakai alat ketika sesi p&p berlangsung?

Guru : Macam saya cerita tadi la yang saya tengok yang tak pakai alat, yang pakai *hearing aid*.....ni kalau saya tengok...dari segi tumpuan dia tu arr...lebih kurang sama saja sebenarnya. Tidak ada nampak kalau yang pakai *hearing aid* tu lebih tumpuan. Tak...lebih kurang sama je. Cuma yang beza sikitnya tadi la yang ada saki baki pendengaran arr...itu dia ada tumpuan lebih.

Pengkaji : Cikgu rasa apa yang membuatkan tumpuan lebih?

Guru : Sebab diorang boleh dengar sikit la...dia boleh dengar. Contohnya, kalau saya panggil nama...katakan Alena...panggil nama Alena dia akan terus dapat respons. Kalau saya panggil Zhou Yang...kalau selagi kita tak pergi cuit, dia akan takde respons. Arr...itu contoh dia lah.

Pengkaji : Baiklah...soalan seterusnya. Apabila cikgu memberikan kerja bertulis adakah murid-murid bermasalah pendengaran ini melakukan kerja tersebut dengan lengkap?

Guru : Ermmm... dia sebenarnya kita kena *always guide* dia. Kena...kena tolong, bantu diorang. Kalau kita bagi-bagi biarkan memang tak kan siap. Memang tak lengkap punya. Itu pengalaman saya la. Jadi bila kita bagi arrr...kertas kerja atau kerja yang bertulis cikgu kena sentiasa bimbing, kena cakap, kena tengok dia buat, baru dia buat. Kalau kita bagi-bagi kita tinggal....kita masuk...dah siap?...tak kan siap punya. Arr..dia memang kena bimbing, tengok....kena ada arr....kena pantau je baru diorang buat kerja.

Pengkaji : Ok, bagaimana kah cikgu melihat penglibatan murid-murid di dalam aktiviti bertulis di papan putih?

Guru : Arr....diorang ni kan...kalau kita buat aktiviti di papan putih, kita suruh diorang jawab ke....isi tempat kosong ke....tengok diorang...kelas ni lah tengok puratanya memang cukup berminat. Aktif. Diorang suka. Aktiviti tampal ke, aktiviti isi tempat kosong semua...mungkin diorang rasa bila diorang boleh jawab kat depan....diorang ada rasa *proud*....bangga...sebab semua orang tengok dia boleh jawab. Itu diorang suka aktiviti kat papan putih. Berbanding aktiviti yang kita bagi kat arr ni diorang lebih suka. Kalau kat papan putih diorang memang tu berlumba-lumba menjawab. Mungkin saya nampak...mungkin bila tu, kita bagi penghargaan dia rasa *proud* la dia boleh jawab. Arr..itulah mungkin.

Pengkaji **: Ok... Adakah murid-murid bermasalah pendengaran di dalam kelas anda menawarkan diri secara sukarela untuk melakukan aktiviti seperti perbincangan atau kerja bertulis di papan putih atau pun perlu diarahkan oleh guru terlebih dahulu?**

Guru : Kebanyakannya sukarela. Memang diorang suka aktiviti kat papan putih ni. Tanya siapa nak buat? Semua bangun nak buat. Jadi cuma nya arr...bila di aktiviti papan putih dan perbincangan tu kalau budak yang pandai dia boleh jawab sendirilah. Tapi kalau budak yang kurang sikit kita kena...masih lagi kena bimbing lah. Tapi diorang suka...memang suka berlumba-lumba menjawab di papan putih.

Pengkaji **: Ok...adakah murid-murid ini menghantar kerja sekolah tepat pada masanya?**

Guru : Arr...kalau mengikut kita tengok kepada fakta kelas ni...kalau kelas ni saya tengok arr...secara puratanya Alhamdulillah la. Diorang boleh hantar tepat pada masa. Cuma yang saya tengok yang bermasalah sikitnya ada dua orang la...Asyiq dengan Alena. Asyiq dengan Alena kita bagi kerja...bila tanya mesti tak siap. Dia buat separuh...ada setengah tak buat langsung. Tapi mesti tak siap. Ada masalah dia. Tapi kalau pelajar lain tu....saya ingat takde masalah la. Diorang boleh siap *on time* la. Cuma nya yang ada masalah dua orang tu je la. Mungkin bila diorang balik rumah mungkin *family* tak *back up*. Ni dia...lah sikit. Kalau *family back up*, mungkin dia boleh buat kot. Itu pendapat saya la.

Pengkaji **: Pada pandangan cikgu apakah faktor-faktor yang menjadi penghalang kepada penglibatan murid di dalam aktiviti bilik darjah?**

Guru : Faktor penghalang ye? Ya...banyak lah faktor penghalangnya. Mungkin...satunya...arr...pasal diorang bermasalah tu la...tak dengar tu...kurang tumpuan la. Tapi mungkin satu lagi, mungkin cikgu pun kadang-kadang perlu banyakkan sikit ABM yang menumpukan kepada penglihatan diorang la. Haa...dan...arr...lebihkan penjelasan pada...kalau diorang dok menulis tu boleh...takde masalah. Tapi, kita perlu jelaskan konsep dia tu. Mungkin dia ada interested sikit ar. Dan juga mungkin ABMnya banyakkan benda-benda yang bergambar la. Sebab memang diorang ni arr...visual kena lebih. Sebab diorang ni itu je lah rasa...sebab telinga diorang tak dengar. Jadi diorang harapkan mata je lah untuk mendapatkan ilmu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji : Kalau dari segi penguasaan isyarat macam mana?

Guru : Itu memang betul...isyarat...memang...memang penting la. Sebab itu lah salah satu caranya untuk kita berkomunikasi dengan diorang kan. Kalau kita tak isyarat, diorang pun tak faham kan...kita tak faham kan. Diorang pun tak faham la. Memang penting lah bahasa isyarat tu. Di samping tu memang visual, gambaran tu kena ada. Isyarat sahaja dia... kadang-kadang...bila masa...bila kita bercakap la...kadang-kadang kita *misunderstanding*, salah faham....dengan kata-kata tu kan. Tapi bila ada visual, ada gambar...diorang boleh jelaskan lagi...arr...membantu lagi masa kita berisyarat.

Pengkaji : Ok, kita pergi ke soalan yang terakhir. Bagaimana pula dengan faktor-faktor yang menjadi penggalak kepada penglibatan murid di dalam aktiviti bilik darjah?

Guru : Arr...faktornya macam tadi la...kita lebihkan visual...haa..tu diorang boleh galakkan....Lepas tu, arr...*First* sekali kita kena tarik minat la...minat budak untuk...kepada apa yang kita ajar tu. Macam Matematik, saya tengok tiada masalah sangat. Kebanyakan budak-budak dia *interested in* Matematik. Dia minat pada nombor-nombor, kiraan ni dia minat. Cuma nya...arr...bila melibatkan bahasa...diorang lemah la sikit. So, kita kena cari arr...mungkin ABM yang lebih menarik minat diorang la. Ataupun...arr...induksi kita mula-mula tu guna benda-benda yang diorang attracted nak tengok kan. Mungkin dia... menarik la. Tapi kita guide dia untuk ke....p&p la. Banyak cara lagi mungkin...arr...diorang ni...budak-budak ni dia apa ni...nak kita....kalau kita....kalau kita beri perhatian kat dia, ok dia buat cantik. Tapi bila kita...tapi...kita sekarang ramai. Kita ada...lima orang. Kita nak bagi sorang-sorang tu masa....susah la. Tapi, kalau kita duduk kat tempat dia...memang mereka buat dengan baik. Kalau kita tinggal je sikit...saya pun tak tau macam mana nak buat. Memang sikap diorang tu. Kadang-kadang memang tak tau la...

Pengkaji : Ok. Itu saja temu bual ini. Terima kasih kepada cikgu kerana menyertai temu bual pada hari ini.

Guru : Ok. Sama-sama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN L

TRANSKRIP TEMU BUAL MURID 1

G : **Masa awak pakai alat ni (guru tunjuk isyarat alat bantu dengar) ada rasa susah tak?**
M : Diam tak beri respons.

G : **Kalau ada masalah, sakit ke.. ada? Bising ke...apa?**
M : Murid diam tidak berikan tindak balas.

G : **Kan awak selalu pakai alat ni (guru tunjuk isyarat alat bantu dengar)...ada rasa susah tak? Atau ada rasa bising ke? Ada?**
M : Menunjukkan isyarat ada.

G : **Awak dengar apa? Bising?**
M : Menunjukkan isyarat ada.

G : **Awak faham tak cikgu ajar daiam kelas? Faham tak?**
M : Murid mengangguk.

G : **Sekarang ni saya ajar Bahasa Melayu? Betul?**
M : Murid mengangguk.

G : **Faham tak apa yang saya ajar? Faham tak?**
M : Murid mengangguk.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

G **: Faham tak apa yang saya ajar? Faham tak?**
M : Murid mengangguk.

G **: Ok mana yang awak suka, bahasa atau matematik? Mana yang awak suka?**
M : Murid membuat isyarat matematik.

G **: Matematik suka? Bahasa Melayu?**
M : Murid membuat isyarat sedikit.

G **: Bahasa Melayu sikit je? Mengapa?**
M : Murid membuat isyarat susah.

G **: Matematik...awak suka kan? Mengapa?**
M : Suka tolak, tambah, bahagi (dalam bahasa isyarat).

G **: Senang ke susah Matematik?**
M : Senang (dalam bahasa isyarat).

G **: Awak tahu tak buat kerja sekolah? Apa-apa la. Macam Bahasa Melayu ke...Matematik ke? Tahu?**
M : Murid diam.

G **: Selalu saya bagi kerja sekolah...awak tahu tak buat?**
M : Murid diam.

G **: Kerja sekolah kan...saya bagi...boleh buat tak?**
M : Murid menganggukkan kepala.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

G :**Senang ke susah?**
M : Senang (dalam bahasa isyarat).

G : **Kalau awak tak tahu awak minta tolong siapa? Kalau kat rumah? Dekat rumah tak tahu kerja sekolah minta tolong siapa? Contoh...matematik tak tahu...kamu minta tolong siapa?**
M : Murid menunjukkan isyarat bahasa.

G : **Ok...selalu bahasa susahkan...siapa tolong?**
M : Murid menunjukkan isyarat kakak.

G : **Ada tak awak buat latihan di papan putih? Ada? Tulis..tulis. buat latihan dekat papan putih? Ada?**
M : Murid mengangguk.

G : **Ada tak dalam kelas kawan-kawan tolong? Ada?**
M : Murid mengangguk.

G : **Siapa selalu tolong?**
M : Thiru.

G : **Lagi siapa yang selalu tolong dalam kelas?**
M : Amir Amzar.

G : **Ada tak kawan-kawan selalu kacau? Contoh macam err....ambil pensel, curi pemadam. Ada?**
M : Murid menunjukkan isyarat Zhou Yang.

G : **Ok, masa belajar kawan-kawan selalu sembang-sembang. Ada?**
M : Murid menunjukkan isyarat ada.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN M

TRANSKRIP TEMU BUAL MURID 2

G : Nama siapa? Nama awak siapa?
M : Murid mengeja namanya dengan bahasa isyarat.

G : Kelas mana?
M : Kelas 3D.

G : Ada pakai hearing aids tak? Ada?
M : Takde. Sudah rosak.

G : Sekarang takde pakai? Takde?
M : Takde.

G : Ok, masa pakai ni (guru buat isyarat hearing aids), ada rasa susah tak? Awak rasa apa? Awak dengar bising? Sakit?
M : Murid membuat isyarat ada bunyi bising.

G : Ada rasa sakit tak?
M : Murid menganggukkan kepala dan membuat isyarat ada.

G : Awak suka tak pakai ni (guru buat isyarat hearing aids)?
M : Murid menggelengkan kepala.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

G : **Ok...masa dalam kelas, saya ajar awak faham tak?**
M : Murid menganggukkan kepala.

G : **Saya ajar Bahasa Melayu, faham? Boleh ikut? Boleh faham?**
M : Murid menganggukkan kepala.

G : **Ok, mana yang awak suka, bahasa atau matematik? Mana yang suka?**
M : Murid membuat isyarat bahasa.

G : **Bahasa. Kenapa?**
M : Matematik susah banyak.

G : **Matematik susah? Bahasa Melayu?**
M : Tahu. Senang.

G : **Kalau saya bagi kerja kan...kerja sekolah kan..selalu awak bawa balik rumah kan..boleh tak awak buat kerja sekolah?. Boleh?**
M : Murid buat isyarat boleh.

G : **Kalau macam bahasa Melayu awak tak tahu, siapa tolong?**
M : Murid menggaru kepala sambil berfikir.

G : **Cikgu tanya sekali lagi. Kalau Asyiq tak tahu buat Matematik siapa tolong kat rumah?**
M : Murid menunjukkan isyarat bapa.

G : **Mak ada tolong?**
M : Mak tak tahu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

G : Ada tak buat kerja sekolah di papan hitam...papan putih. Ada?
M : Murid buat isyarat tiada.

G : Saya suruh awak tulis kat papan putih ada kan?
M : Murid buat isyarat ada.

G : Ada tak kawan-kawan tolong kerja sekolah. Ada?
M : Murid buat isyarat Thiru.

G : Lagi..ada?
M : Zhou Yang..Izzatul.

G : Kawan-kawan ada kacau tak dalam kelas? Contohnya ambil buku conteng-conteng. Ada?
M : Murid buat isyarat ada.

G : Ada tak kawan-kawan buat (cikgu buat mimik muka mengejek)?
M : Murid buat isyarat ada.

G : Ok, masa saya ajar ada tak kawan-kawan cuit awak, cakap-cakap. Ada?
M : Murid buat isyarat cerita-cerita...jalan-jalan.

G : Siapa?
M : Zhou Yang.

G : Ok, dah habis. Terima kasih.
M : Terima kasih cikgu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN N

TRANSKRIP TEMU BUAL MURID 3

G : **Cikgu mahu tanya soalan sahaja? Boleh?**
M : Murid menganggukkan kepala.

G : **Nama siapa?**
M : Murid mengeja namanya menggunakan bahasa isyarat.

G : **Kelas mana?**
M : Murid membuat isyarat kelas.

G : **Tahun berapa?**
M : Murid membuat isyarat 3.

G : **Ok, Izzatul ada pakai hearing aids tak?**
M : Murid membuat isyarat ada dan rumah.

G : **Di mana? Rumah? Kenapa?**
M : Murid membuat isyarat sakit.

G :**Sakit? Rosak?**
M : Murid menjawab sakit.

G : **Awak pakai dua atau satu?**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

M : Murid menunjukkan satu.
G **: Awak pakai kiri atau kanan?**
M : Murid menunjukkan kiri.

G **: Kenapa awak tak pakai?**
M : Murid membuat isyarat bising dan sakit.

G **: Ok, masa saya ajar Izzatul boleh faham tak?**
M : Murid menganggukkan kepala.

G **: Boleh faham saya ajar?**
M : Murid menganggukkan kepala.

G **: Mana awak suka, Matematik atau Bahasa Melayu?**
M : Murid buat isyarat Bahasa Melayu.

G **: Suka Bahasa Melayu? Kenapa?**
M : Murid membuat isyarat senang.

G **: Senang? Contoh?**
M : Murid menunjukkan isyarat senang.

G **: Contoh macam mana? Banyak aktiviti ke suka cikgu?**
M : Bukan. Suka buat ayat.

G **: Matematik suka?**
M : Murid menggelengkan kepala dan membuat isyarat susah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

G : Kenapa? Apa yang susah Matematik?
M : Murid buat isyarat bahagi.

G : Makna suka sikit saja?
M : Murid buat isyarat suka sikit.

G : Kalau kerja sekolah saya bagi kan? Boleh tak buat? Buat kerja sekolah, boleh?
M : Murid menganggukkan kepala dan membuat isyarat boleh.

G : Kalau awak tak tahu, siapa tolong?
M : Murid buat isyarat emak.

G :Emak? Lagi?
M : Murid buat isyarat kakak.

G : Ada tak awak buat latihan dekat papan putih?
M : Murid menganggukkan kepala.

G : Ada tak kawan-kawan tolong kerja sekolah dalam kelas? Ada?
M : Murid membuat isyarat ada dan mengangguk kepala.

G : Masa saya ajar ada tak kawan-kawan kacau awak. Panggil-panggil...cakap-cakap...cerita-cerita...ada tak?
M : Murid membuat isyarat ada dan mengangguk kepala.

G :Ada? Siapa?
M : Murid membuat isyarat semua.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

G :Ada tak kawan-kawan ejek (sambil menunjukkan memek muka mengejek)? Ada tak?
M : Murid membuat isyarat tidak ada.

G :Macam ni, kalau saya tanya soalan awak jawab salah. Ada tak kawan-kawan buat macam ni (sambil menunjukkan memek muka mengejek) kalau salah?
M : Murid membuat isyarat ada.

G :Masa saya ajar, ada tak kawan-kawan panggil, cerita-cerita? Ada?
M : Murid menganggukkan kepala.

G : Siapa selalu?
M : Murid membuat isyarat semua.

G : Ok dah habis.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi